



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 14 APRIL 2014 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Hajah Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Hajah Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
(Menunaikan Umrah)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana Binti Razali
Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Mohd. Hafizan bin Yusoff

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan dah salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang keenam 14 April 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

I DOA.

II PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, membentangkan kertas-kertas mesyuarat. Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2014 Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor mengenai kes di antara Kelas Puncak Holding dan Majlis Bandar raya Shah Alam (MBSA).

Kedua Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2014 Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2012. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua dan sebelum saya meneruskan pertanyaan ingin saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Vasaki dan *Happy Tamil New Year* pada siapa yang menyambutnya. Seterusnya Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, Soalan no. 81.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: PEMBEKUAN TANAH TOL

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan apakah status terkini pembekuan tanah TOL?
- b) Sila nyatakan apakah kaedah alternatif yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menyelesaikan rintihan rakyat terhadap isu pembekuan tersebut?

- c) Sila nyatakan dengan jelas bilakah isu pembekuan ini akan diselesaikan memandangkan ia telah menimbulkan banyak kesulitan kepada rakyat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahi Rahmanir Rahim*, Tuan Speaker, Yang Berhormat Sekinchan, bertanya tentang pembekuan tanah tol dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri menyelesaikan isu pembekuan tersebut. Pertama permohonan lesen pendudukan sementara tidak pernah dibekukan tetapi melalui mesyuarat-mesyuarat yang kita telah lakukan dan permohonan rakyat mengenai lesen pendudukan sementara ini kita dapati banyak percanggahan dan antara lain kita tidak ada satu sistem yang jelas tentang cara pemberian lesen pendudukan sementara. Kedua, ada kalanya kita pun tak tahu tanah tu telah kita berikan lesen pendudukan sementara. Oleh sebab itu pada 12 Oktober 2011 kita telah meminta supaya pentadbir tanah dan daerah apabila ada permohonan untuk lesen pendudukan sementara hendaklah dikemukakan di Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor dengan cepat supaya dapat dipertimbangkan. Antara perkara-perkara yang kita dapati ialah penggunaan tanah-tanah rizab kegunaan awam. Di mana kita dapati tanah-tanah lapang yang sudah dirizabkan sebagai tanah lapang diberi lesen pendudukan sementara. Kedua, kita dapati banyak pengusaha-pengusaha dan mereka-mereka yang dibenarkan menggunakan tapak rizab sungai, rizab jalan dan kawasan lapang dan oleh sebab penyelesaian untuk mengalih mereka apabila tanah-tanah itu diperlukan atau tanah itu perlu dibebaskan daripada penduduk yang ramai penduduk lain membuat bantahan terhadap pemberian tol tersebut. Kerajaan terpaksa membuat bayaran pampasan. Jadi oleh sebab itu kita telah meminta pentadbir tanah untuk menyediakan kita senarai-senarai tersebut dan supaya dapat diselaraskan dan kita telah mula mengetahui beberapa bentuk tanah lesen pendudukan sementara dan antara lain yang kita telah buat dalam masa yang terdekat ini ialah penggunaan pondok pengawal dan juga penggunaan papan iklan. Jadi kita dah selaraskan bagaimana permohonan untuk pondok pengawal dan bagaimana permohonan untuk papan iklan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Berkenaan dengan TOL ini saya nak tahu bagaimana pihak pentadbir tanah diberi kuasa sama ada untuk menetapkan berapa besar/luasnya tanah TOL tersebut boleh dikemukakan kepada MTES. Adakah satu garis panduan kerana setakat ini apabila permohonan daripada rakyat di bawah sampai ke Pejabat Tanah mereka kata TOL tidak dibenarkan. Seolah-olah perkara ini langsung tidak dilayan dan jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh dibawa ke MTES. Jadi boleh ditetapkan berapa besar, setengah ekar ke, dua ekar ke, lima ekar ke atau tak ada ekar. Ini penting.

TUAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, boleh pasang *mic*.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Jawapannya kita menggalakkan kesemua permohonan diberikan kepada MTES caranya ialah senang sahaja. Tiap-tiap minggu ada permohonan dia terus bawa ke Majlis Tindakan Ekonomi Negeri tiap-tiap minggu untuk diberitahu tentang permohonan tapi nampaknya kita dapati permohonan itu tidak dibuat daripada pandangan MTES maknanya tak adalah permohonan. Jadi oleh sebab itu kita sekarang telah meminta salinan permohonan kalau ada permohonan salah satu dari salinan permohonan itu dilampirkan kepada Pengarah Jabatan Tanah dan Galian untuk kita adakan *follow up* tentang perkara tersebut.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya sebab saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sekinchan. Nampaknya ada satu jurang antara Pejabat Tanah dan pihak MKN yang mana sebenarnya apabila kita kemukakan permohonan rakyat dikatakan bahawa TOL dibekukan atas asas itulah pegawai rasa *refuse* dengan izin untuk bawa *paper* itu kepada MTES atas sebab mereka nampak ini adalah kerja tambahan sebab barangkali ditolak. Jadi itu yang kita terima. Jadi ada tak satu mekanisme untuk pastikan kita wajibkan setiap minggu bila mesyuarat MTES setiap PTD ada satu kertas atau fail tentang permohonan TOL.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, terima kasih Rawang. Satu perkara yang kita hendak betulkan ialah budaya yang mana pemberian kelulusan dibuat dengan berasaskan pendirian ataupun kuasa yang sudah tak perlu mendapat perhatian, bererti kita nyatakan ada kita dapati permohonan orang membuat restoran di tanah lapang dan pembuat restoran di tanah lapang itu berlaku bertahun-tahun bukan satu tahun tapi berpuluh tahun dan MTES mendapati surat-surat yang ditulis oleh penduduk menyatakan pada kita mengapa tanah lapang ini diberikan untuk dibina restoran. Jawapan kita ialah dia sudah diberi. Walau bagaimanapun untuk menyelesaikan masalah ini dan perkara permohonan TOL ini diberikan setiap tahun untuk itu kita telah meminta permohonan restoran untuk tanah lapang ini dibincangkan dan kita bertanya sama ada dia sesuai atau tidak. Kalau tidak sesuai kita akan memberi notis kepada pengguna atau tanah lapang tersebut supaya dia berpindah kepada tempat tersebut. Dia memakan masa. Apa nak saya terangkan mengapa saya terangkan perkara itu oleh sebab dulunya kuasa itu terletak di atas pegawai-pegawai pejabat tanah boleh jadi kita takut tentang penyalahgunaan kuasa kerana penyalahgunaan kuasa benda yang tak boleh dibuat boleh dibuat kerana kuasa dah diberi dan oleh sebab itulah bahawa perkara ini untuk pengetahuan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri supaya dapat kita selaraskan supaya tak ada harta-harta yang tak sepatutnya digunakan, digunakan atau diluluskan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, saya setuju dan menyanjung baik hasrat kerajaan untuk memperketat prosedur permohonan TOL dan pemantauan ini. Itu memang bagus supaya tiada kes-kes yang mana rakyat-rakyat nak menuntut pampasan dan sebagainya disalahgunakan. Walau bagaimanapun soalan tambahan saya ialah kenapa di peringkat bawah, di peringkat pejabat pentadbir ada pegawai yang mengatakan TOL dibekukan. Sebarang permohonan mereka tak terima. Siapa yang bagi arahan. Apa punca yang menyebabkan perkara ini berlaku. Tiada permohonan dibekukan. Sepatutnya dalam kanun tanah negara tanah TOL itu dibenarkan. Itu hak rakyat untuk memohon TOL kalau tak lulus itu lain cerita tetapi dikatakan dibekukan. Jadi rakyat merasakan kerajaan Pakatan Rakyat ini bekukan semua supaya mereka tak ada apa-apa untuk buat permohonan tanah ini. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sekinchan. Itulah yang menunjukkan pentadbiran di atas kata lain di bawah kata lain. Itu satu cabaran untuk kita kerana kita mengubah satu budaya, satu budaya yang ada juga budaya yang mana ada tanah-tanah kerajaan juga tersorok dan kerajaan juga tidak tahu itu tanah kerajaan. Ada juga. Tetapi kita mengambil sikap untuk membetulkan perkara ini. Oleh sebab kita mengambil sikap membetulkan perkara ini ada juga rasa tidak puas hati di kalangan penjawat awam tentang sikap tersebut jawapannya kita kena perbetulkan. Kalau Yang Berhormat tahu ada permohonan yang dibuat dan pegawai tersebut kata TOL ini tidak dibekukan Yang Berhormat boleh menolong kita. Tak payah memberitahu kepada Menteri Besar kerana terlalu banyak esok boleh memberitahu Pengarah Tanah dan Galian mengapa pejabat tanah A membuat kenyataan tersebut dan tiap-tiap minggu Setiausaha Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan dengan semua Pegawai Daerah dan YDP dan Dato' Bandar. Dan kalau perkara itu berlaku dan soalan Yang Berhormat ini akan saya kemukakan kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri untuk dibincangkan dan jika didapati ada juga mereka yang tak faham atau tak mahu faham atau tak hendak menjalankan tersebut jadi ada beberapa tindakan yang boleh kita lakukan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya dalam satu pendengaran tertutup dengan PTG kami difahamkan bahawa permohonan tanah TOL untuk tujuan kediaman telah pun diturunkan kuasa kepada DO saya ingin mendapat pengesahan daripada Dato' Menteri Besar kepada hal ini. Yang kedua laporan TOL ini adakah mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau Yang Berhormat bersetuju dengan saya kiranya setiap kali kita bersidang

kita boleh bantangkan senarai TOL yang telah diluluskan untuk sekian lama supaya ketulusan itu, terjamin setiap rakyat tahu tentang apa yang kita pohonkan sebab-sebab penolakan sekiranya ada.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Puan Speaker, dan Yang Berhormat telah membangkitkan tentang isu maklumat apa yang akan saya lakukan itu yang saya buat tugas yang saya membuat laporan pada dewan ini saya akan bantangkan kepada dewan tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan berapa luasnya di mana ia berada dan tanah-tanah itu termasuk lesen-lesen TOL yang kita berikan supaya dia mendapat maklumat kepada semua orang semua orang tahu tentang perkara tersebut terutama Ahli Dewan tapi sekarang untuk mengemaskinikan saya nak beritahu untuk mengemaskinikan ini barulah sekarang kita sampai ke peringkat mengetahuinya dan ada kalanya kita ketahui dan kita pergi ke tempat tersebut ambil gambar tanah tersebut rupanya bukan tanah lapang rupanya tanah penuh dengan sudah diduduki jadi semua itu akan kita berikan dan Yang Berhormat Kampung Tunku tahu kita telah mengambil satu keputusan yang mana mereka-mereka duduk di atas tanah kerajaan termasuk mereka duduk di atas tanah apa yang dipanggil lesen pendudukan sementara. Kita mula nak menyelaraskan pemilikan tersebut. Iaitu satu skim di mana mereka-mereka yang membuat rumah di atas tanah kerajaan termasuk tanah di bawah lesen sementara dan kerajaan tidak akan menggunakan tanah tersebut, diberi kesempatan untuk memiliki tanah tersebut. Selepas kajian yang dipanggil Borang 5A yang diberikan kepada mereka yang diuruskan oleh Pejabat Tanah terutama Pegawai Daerah untuk menentukan mereka-mereka yang layak menerima. Dan kita telah tetapkan pembayaran premium untuk pemilikan tersebut hanya RM1,000.00. Ini sudah berjalan dan kita ada perangkaan tentang perkara ini.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan yang terakhir saya benarkan, Dusun Tua.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya hendak tanya berhubung dengan kawasan atau pun satu kampung yang selama ini menjadi perkara yang kita rasa perlu untuk kita selesaikan cepat, tak silap saya Yang Amat Berhormat pun tahu di Batu 10 ...

TUAN SPEAKER: Dusun Tua kena adil kepada Menteri Besar, kalau isu spesifik isu satu kampung itu, tak mungkin Menteri Besar boleh jawab di sini. Soalan mengenai TOL.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Ok saya nak tanya, saya difahamkan berhubung dengan tanah Batu 10 itu telah termasuk dalam Mesyuarat MMKN adakah betul atau pun tidak.

TUAN SPEAKER: Tak payah jawab Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, susah untuk mereka jawab isu spesifik mengenai TOL ini. Soalan seterusnya Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PROGRAM PEMULIHAN PENAGIH DADAH

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tahap permasalahan penagihan dadah di Selangor bermula 2008 sehingga kini, mengikut daerah dan peruntukan yang diluluskan bagi tangani isu berkaitan?
- b) Apakah agensi selain AADK yang mengendali program pemulihan bagi penagih-penagih dadah dalam Selangor?
- c) Bagaimana agensi kerajaan boleh bantu menempatkan sebuah pusat pemulihan sukarela *Burning Bush Home* yang memerlukan tapak baru dan tetap bagi meneruskan program pemulihan di Petaling Jaya?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: *Bismillahir rahmannir rahim*, terima kasih Speaker dan terima kasih kepada Taman Medan. Tahap permasalahan penagihan dadah di Selangor, Taman Medan mahu bertanya bermula 2008 sehingga kini, mengikut daerah dan peruntukan yang diluluskan. Bagi daerah Gombak 2008 690, 2009 720 atau pun mungkin saya berikan terus sampai sekarang ini 2010 - 970, 2011 - 993, 2012 - 780, 2013 - 700, 2014 hingga Februari 648. Kuala Selangor 2008 – 215, 2009 – 253, 2010 – 347, 2011 – 334, 2012 – 307, 2013 – 247, 2014 sehingga Februari – 239. Kuala Langat 2008 – 160, 2009 – 205, 2010 – 253, 2011 – 304, 2012 – 285, 2013 – 194, 2014 hingga Februari 170. Sepang 2008 – 219, 2009 – 271, 2010 – 313, 2011 – 281, 2012 – 284, 2013 – 206, 2014 hingga Februari 186. Petaling 2008 – 918, 2009 – 988, 2010 – 1371, 2011 – 1348, 2012 – 1064, 2013 – 969, 2014 hingga Februari 983. Ampang 2008 – 751, 2009 – 800, 2010 – 1033, 2011 – 1016, 2012 – 947, 2013 – 862, 2014 hingga Februari – 794. Klang 2008 – 712, 2009 – 793, 2010 – 1103, 2011 – 1377, 2012 – 1209, 2013 – 958, 2014 hingga Februari – 898. Sabak Bernam 2008 – 189, 2009 – 264, 2010 – 363, 2011 – 334, 2012 – 278, 2013 – 260, 2014 hingga Februari – 258. Hulu Selangor 2008 – 291, 2009 – 325, 2010 – 400, 2011 – 327, 2012 – 345, 2013 – 359, 2014– 349. Akhir sekali Hulu Langat 2008 – 451, 2009 – 522, 2010 – 595, 2011 – 564, 2012 – 481,

2013 – 683, Februari 2014 – 706. Agensi selain AADK mengendali program pemulihan, sekejap dia punya peruntukan yang diluluskan 2008 sebanyak RM150,000,00, 2009, 2010, 2011 pun sama RM150,000,00 setahun. 2012 RM200,000.00, 2013 juga RM200,000.00, 2014 RM100,000.00. Agensi lain selain AADK, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor. Mana-mana pihak yang mahu penempatan tapak baru atau tetap bagi meneruskan program pemulihan di Petaling Jaya atau di mana-mana Selangor ini, bolehlah merujuk kepada Pejabat Tanah dan Galian khususnya. Kalau di Petaling Jaya, PTG daerah Petaling bagi mengenal pasti struktur tapak atau pun bangunan kosong yang boleh disewa atau pun dibeli oleh mana-mana pihak yang mahu membantu program pemulihan sukarela.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Statistik yang diberikan itu tidak memberikan gambaran yang sebenar sebab statistik itu adalah orang yang kena pengawasan bukan bilangan penagih sebenarnya. Yang keduanya saya dapati daripada statistik tersebut lebih ramai di bandar yang menagih dadah berbanding dengan kawasan luar bandar. Jadi saya nampak peruntukan-peruntukan itu tidak menggambarkan keseriusan menangani masalah ini. Jadi saya mohon pihak yang berkaitan mengkaji semula sama ada pendekatan atau pun mereka-mereka yang terlibat untuk bersama-sama dalam isu ini. Dan saya bangkitkan juga isu berkaitan dengan permohonan *Burnings Home Reheap Centre* yang mengendalikan secara sukarela, ya mereka telah mohon daripada MPPJ untuk menggunakan salah satu dewan yang telah ditinggalkan lebih daripada tujuh tahun, tapi hingga sekarang tidak mendapat apa-apa maklum balas.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Taman Medan. Formula yang saya dapati daripada AADK ialah ini memang orang yang diawasi, memang yang telah dikenal pasti. Formulanya ialah mesti dikalikan empat, hah empat kali ganda daripada jumlah ini, itulah jumlah sebenarnya penagih dadah. Dan yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini peruntukan ini adalah di bawah AADK, peruntukan yang mereka dapat sebagai satu anti agensi dadah kebangsaan daripada *Federal* ini. Dan mengenai dewan MPPJ yang mahu digunakan tadi, saya Insyallah akan mendapatkan maklum balas daripada MPPJ sendiri kenapa mereka tak boleh lagi ke apa masalahnya, Insyallah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan, tidakkah kerajaan negeri memperuntukkan sedikit peruntukan untuk menambah apa peruntukan yang telah diperolehi oleh AADK daripada kerajaan pusat.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Yang Berhormat Taman Medan. Setakat ini, sekarang ini AADK ini adalah sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa GEMS tetapi kerajaan negeri belum lagi memperuntukkan secara khusus tentang pemulihan dadah ini kerana kita masih lagi seolah-olah AADK ini kita punya main dengan izin main agensi membantu kita daripada secara keseluruhannya. Tetapi apa pun Insya-Allah saya akan bangkitkan dalam Jawatankuasa GEMS, terima kasih.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Peraturan Tetap 24.

TUAN SPEAKER: Untuk hari ini saya tidak benarkan untuk ambil soalan ADUN yang tidak hadir ya. Sri Muda tidak hadir. Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Speaker, soalan No. 84.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWAT)**

TAJUK: MUZIUM PERMAINAN DI ATAS BUKIT MALAWATI KUALA SELANGOR

84. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan yang boleh dinyatakan berkaitan Muzium Permainan tersebut yang telah terbakar?
- b) Apakah tidak ada cadangan dari Kerajaan Negeri untuk membaik pulih atau membina baru Muzium tersebut?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker Bukit Melawati bertanyakan tentang berkaitan dengan Muzium Permainan di atas Bukit Melawati Kuala Selangor yang kebakaran tempoh hari. Status buat masa ini kerja-kerja baik pulih bangunan itu adalah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya Kuala Selangor dan cadangan pada masa ini adalah untuk baik pulih dan kita tidak bercadang untuk membina muzium baru. Muzium yang terbakar ini di bawah tindakan kerajaan JKR atau pun Jabatan Kerja Raya Kuala Selangor untuk menyelaras semua skop kerja yang telah disediakan dengan anggaran RM500,000.00 kepada RM350,000.00 berdasarkan pampasan yang diterima oleh pihak insurans oleh Perbadanan Adat Melayu Warisan Negeri Selangor. Untuk makluman, kerja-kerja baik pulih diserahkan kepada JKR seperti mana yang dikatakan tadi kerana PADAT tidak mempunyai kakitangan teknikal, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, boleh tak diberi satu masa, jangka masa bila muzium ini akan dibuka semula kepada orang ramai, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Bukit Melawati kita menganggarkan tempoh hari baikpulihnya adalah berjumlah RM500,000.00 setelah mendapat pampasan insurans tersebut hanya sekadar RM350,000.00 sebab itulah kita akan melihat speks mana yang kita yang akan kita tambah baik dan baikpulih itu, dan insya-Allah buat masa ini saya tidak ada tempoh yang akan ditetapkan saya maklumkan kepada Bukit Melawati apabila kita tahu jangkaan masa untuk baikpulih tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih, Puan Speaker soalan saya no.85.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih, Speaker dan Lembah Jaya. Berikut adalah jumlah keseluruhan gerai-gerai PLB yang diserahkan Pejabat Daerah Tanah kepada PBT.

- (i) MBSA sebanyak 108 gerai
- (ii) MBPJ sebanyak 8 gerai
- (iii) MPK 154 gerai
- (iv) MPAJ 83 gerai
- (v) MPSJ 42 gerai
- (vi) MPS 120 gerai
- (vii) MPKj 138 gerai
- (viii) MPSp 106 gerai
- (ix) MDKL 290 gerai

(x) MDHS 197 gerai

(xi) MDKS 152 gerai

(xii) MDSB 185 gerai

Dan jumlah keseluruhan 1583 gerai.

Untuk soalan (b) Kerajaan Tempatan gagal menyelenggarakan gerai-gerai PLB ini dengan baik kerana faktor-faktor berikut:-

- (i) Kos bagi membaik pulih gerai-gerai PLB adalah tinggi kerana kebanyakan gerai-gerai tersebut telah usang dan uzur yang mana memerlukan pembaikan secara keseluruhan.
- (ii) Terdapat juga gerai-gerai yang telah dijadikan rumah kediaman dan tempat kedai oleh penyewa
- (iii) Pulangan hasil yang diterima oleh pihak PBT adalah rendah kerana kadar sewa bagi gerai-gerai PLB adalah lebih rendah daripada premis sewaan yang lain

Untuk soalan (c) gerai-gerai PLB yang telah diambil alih oleh PBT telah diuruskan mengikut prosedur penyewaan PBT dan semua peniaga adalah tertakluk kepada syarat-syarat penyewaan. Antara syarat yang diwajibkan adalah gerai tidak boleh disewakan kepada orang lain dan peniaga perlu mengikut jenis jualan yang diluluskan sahaja. Penyewa-penyewa yang didapati menyewakan gerai kepada pihak lain penyewaan akan ditamatkan dan lesen perniagaan akan dibatalkan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Puan Speaker

TUAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktarafkan gerai-gerai PLB ini memandangkan kebanyakannya sudah dalam keadaan usang dan tidak sesuai dengan seiring dengan proses perbandaran dan pembangunan yang berlaku supaya kita juga boleh ada *adopt value* dengan izin, menambah nilai dan menyesuaikan gerai-gerai PLB ini dengan pembangunan semasa.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Sebahagian daripada gerai-gerai ini telah dimasukkan dalam rancangan tempatan di peringkat majlis tiap-tiap majlis setiap PBT masing-masing jadi saya fikir apabila ianya telah masuk dan ianya akan

dibangunkan semula maka ketika itu proses menaiktaraf kepada gerai PLB ini akan dilakukan

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Sekarang ini kita tengok gerai-gerai PLB ini banyak tumbuh di seluruh Negeri Selangor, tetapi apa yang saya dapati bukan warganegara yang meniaga. Kenapa ia dibiarkan?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ia kita mengakui memang banyak sebab itu kita dalam jawapan saya pada pagi ini pun saya menyebut bahawa pemilik tidak lagi, pemilik yang sepatutnya berniaga dia menyewakan kedai-kedai PBT ini kepada warga-warga asing sebab itu, daripada sini kita akan minta supaya tiap-tiap PBT masing-masing untuk memantau secara dekat dan mengguna pakai peraturan dan syarat-syarat yang telah diwajibkan iaitu gerai-gerai itu tidak boleh disewakan kepada orang lain dan peniaga perlu mengikut jenis jualan yang diluluskan sahaja sebab itu kalau penyewa sendiri dan kalau kita tidak menyewakan pun menanya kepada warga asing jadi kepada yang menyewakan kepada warga asing itu ialah pemilik kedai yang sepatutnya dia berniaga boleh jadi dia nak untuk lebih dan sebagainya nak untung mudah jadi dia sewakan. Jadi ini kita nak pastikan supaya dalam tempoh dalam jangka masa yang fasa demi fasa kita dapat mengatasi supaya peniaga-peniaga atau warga asing ini tidak lagi berniaga dan yang berniaga hanyalah yang memberi milik sahaja. Kalau dia tidak berniaga maka pihak PBT perlu mengambil alih perlu mengambil semula kebenaran kepada gerai PLB yang diberikan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Taman Templer

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Puan Speaker, soalan no. 86

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

86. Proses kelulusan Insentif Perkahwinan Belia yang agak lambat.

Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima Insentif Perkahwinan Belia pada tahun 2014?
- b) Bagaimanakah proses kelulusan dan pembayaran dibuat?
- c) Berapa lamakah tempoh masa proses kelulusan sesuatu permohonan?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Taman Templer bertanyakan berkaitan Insentif Perkahwinan Belia saya jawab soalan ini bersekali dengan soalan no.89.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang Berhormat bahawa semenjak Insentif Perkahwinan Belia ini kita perkenalkan sejumlah 5944 permohonan telah kita luluskan dan sejumlah 648 orang pemohon yang masih lagi belum diluluskan di dalam proses kelulusan. Ini pada tahun 2013, pada tahun 2014 setakat ini sejumlah 1000 pemohon terdiri daripada 719 pemohon yang beragama Islam dan 402 yang pemohon bukan beragama Islam. Buat sementara ini bagi pemohon-pemohon 2014 masih belum lagi ada penerima yang kita serahkan kerana pada masa ini kita masih lagi menyelesaikan urusan-urusan permohonan 2013 yang mana sebenarnya pemohon-pemohon pada 2013 permohonan itu kita lanjutkan sehingga penghujung bulan tiga yang lalu sebab itu masih lagi ramai pemohon-pemohon yang perlu kita selesaikan di dalam Insentif Perkahwinan Belia tersebut.

Proses kelulusan dilaksanakan dengan pemilihan dilakukan berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti yang kita terapkan di dalam borang-borang permohonan, ini bermakna permohonan yang mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak dipertimbangkan untuk kelulusan. Seterusnya bagi permohonan yang tidak berjaya yang telah berjaya permohonan akan dibuat dengan dua cara iaitu bagi penerima yang beragama Islam insentif akan disalurkan melalui Tabung Haji manakala penerima yang bukan beragama Islam insentif akan disalurkan melalui Sijil Simpanan Premium dan insya-Allah pada minggu hadapan ada beberapa penerima-penerima yang masih belum lagi menuntut insentif ini saya akan serahkan kepada Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat yang terlibat dan untuk jangka masa tempoh kelulusan sebenarnya untuk kelulusan ini tidak mengambil masa yang lama cuma kadang-kadang ada pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat ataupun permintaan-permintaan syarat-syarat yang kita sertakan itu termasuklah sijil-sijil salinan yang perlu disertakan tidak disertakan sebab itulah ada beberapa kelewatan yang kerap kali berlaku di dalam pemberian skim Insentif Perkahwinan Belia ini. Bagi menjawab daripada Seri Andalas berkaitan dengan kenapa hanya belia bukan daripada beragama Islam sahaja yang dikenakan tiga (3) bulan tamat permohonan itu. Sebenarnya bukan sahaja belia-belia yang bukan beragama Islam kalau kita lihat di dalam syarat untuk permohonan itu, 2.1.2.6 sah laku permohonan tiga (3) bulan dari tarikh nikah atau tarikh daftar pendaftaran perkahwinan, bagi yang bukan beragama Islam bermakna dua-dua yang Islam dan

Bukan Beragama Islam kita beri tempoh tiga (3) bulan untuk sah laku permohonan tersebut. Terima kasih

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, soalan saya yang ke-87

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PERUNTUKAN PEMBANGUNAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SELANGOR

87. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar Selangor:

- a) Berapakah banyak peruntukan pembangunan yang dimohon oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor pada tahun 2013 dan 2014 daripada kerajaan Selangor dan Persekutuan dengan memberi senarai penuh projek-projek berkenaan dan berapa banyak pula daripada permohonan itu yang diluluskan?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Kampung Tunku, bertanyakan peruntukkan pembangunan yang dimohon oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor.

Berikut di bawah adalah senarai peruntukkan pembangunan yang dipohon oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor pada tahun 2013 dan 2014 dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Persekutuan. Bagi tahun 2013 bagi pembangunan peruntukkan yang dipohon adalah RM71 juta dan diluluskan adalah RM47.75 juta. Bagi tahun 2014 permohonan bagi pembangunan adalah RM56 juta yang diluluskan adalah RM45 juta, bagi mengurus ataupun penyelenggaraan permohonan yang dipohon pada tahun 2013 adalah sebanyak RM36.4 juta, yang diluluskan RM34.56 juta. Bagi tahun 2014 permohonan adalah 76.7juta dan yang diluluskan adalah RM34.56 juta. Daripada Kerajaan Persekutuan permohonan yang dipohon bagi tahun 2013 adalah RM161.5 juta yang diluluskan adalah 20juta dan bagi tahun 2014 daripada Kerajaan Persekutuan permohonan yang dipohon adalah 72 juta dan yang diluluskan adalah RM6 juta. Ini adalah berdasarkan daripada senarai *Rolling Plan* RMK10.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya meneliti perangkaan yang diluluskan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi didapati kelulusan ataupun peratusan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah amat rendah berbanding yang dipohon dan peratusan ini juga amat rendah kalau dibandingkan dengan permohonan daripada Kerajaan Negeri dengan permohonan daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan jauh lebih rendah. Saya ingin bertanya apakah strategi adakah JPS mengguna pakai strategi permohonan ataupun pendekatan yang kurang bijak apabila memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan ataupun ada apa-apa sebab tersirat yang kita tidak faham

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Kampung Tunku. Pertamanya saya akan semak apa sebenarnya yang menyebabkan kelulusan sebegitu tetapi saya lihat daripada yang saya dapat maklumat bahawa permohonan yang dipohon itu adalah satu permohonan yang merupakan projek yang secara keseluruhan tetapi yang diluluskan adalah berdasarkan pada jangkaan tahun tersebut. Walau bagaimanapun saya akan cuba lihat dan saya akan cuba maklumkan kepada Kampung Tunku, Terima Kasih

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan 88

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: KEMUDAHAN ASAS

88. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Butirkan bilangan rumah mengikut daerah yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik, air dan sistem kumbahan di Negeri Selangor.
- b) Apa jangka masa dan visi Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikannya?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Kampung Tunku, Kampung Tunku bertanyakan, maaf Bukit Gasing berkaitan bertanyakan berkaitan Kemudahan Asas. Butir-butir bilangan rumah mengikut daerah yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik, air dan sistem kumbahan di Negeri Selangor berdasarkan kepada laporan siasatan isi rumah dan kemudahan asas 2012 yang dibuat oleh Jabatan Statistik Malaysia menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor, menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah mempunyai liputan seratus peratus bekalan air dan elektrik ini bermaksud semua daerah di Negeri

Selangor telah mempunyai bekalan air dan juga bekalan elektrik namun demikian bagi sistem kumbahan liputan di seluruh Negeri Selangor adalah 98.5 peratus menggunakan tandas tarik, manakala 1.5 peratus masih lagi menggunakan tandas curah. Dalam hal ini sistem tandas curah masih banyak digunakan di kawasan luar Bandar iaitu 15.7 peratus daripada peratusan tandas curah tersebut. Bagi soalan 2, berdasarkan kepada statistik ini Kerajaan Negeri telah menggunakan liputan sepenuhnya bekalan air dan elektrik manakalah sistem kumbahan dan penambahbaikan jenis tandas sahaja perlu diambil perhatian. Walau bagaimanapun saya masih lagi menunggu peratusan-peratusan daripada setiap daerah-daerah kita lihat dan bagaimana kita boleh memberikan satu bentuk perancangan dan juga bantuan kepada mereka-mereka yang memerlukan sekiranya kemudahan-kemudahan asas ini masih lagi tidak berlaku di kawasan ataupun daerah masing-masing. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 89 telah dijawab bersekali dengan soalan 86, Batu Caves tidak hadir, Bukit Melawati

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan No. 91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: KARNIVAL GEMS KUALA SELANGOR

91. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dapatan pelaksanaan program ini?
- b) Sejauh manakah keberkesanan program ini kepada generasi muda di luar bandar?
- c) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program ini dan senaraikan secara terperinci?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Puan Speaker, terima kasih kepada Bukit Melawati. Bukit Melawati menanya dapatan pelaksanaan program GEMS Kuala Selangor. Saya mentafsirkan soalan ini sebagai *findings* dengan izin bukan hasil. Jadi saya berkongsi kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Melawati, sebenarnya Program Karnival GEMS Kuala Selangor hanyalah sebahagian daripada Program Pengisian Jelajah Generasi Idaman Selangor seluruh Selangor dan macam Kuala Selangor adalah yang pertama kita buat dan ini adalah satu sesi kita mendapat atau pun mencari dapatan *findings* sebagaimana

sebenarnya keadaan Selangor ini daripada kita nak merangka ke satu tindakan yang komprehensif untuk menangani gejala sosial, mendidik rakyat ini melahirkan modal insan dan mengadaptasi insan yang liabiliti atau insan yang terjebak dalam gejala sosial. Jadi dapatannya ialah kita melihatkan untuk maklumat kita dah ada jelajah kedua di Kuala Langat baru-baru ini belum ada pelan tindakan yang komprehensif dan sistematik yang melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta akar umbi. Dan wakil golongan sasaran terutama belia dan wanita untuk menangani gejala sosial yakni mitigasi insan liabiliti dan melindungi majoriti insan berpotensi baik atau bakal modal insan melalui program pendidikan holistik yang melibatkan semua rakyat dalam masyarakat. Dengan kata lain konsep membangunkan masyarakat secara proaktif masih belum mantap lagi, belum wujud secara mantap lagi. Jadi konsep penting di sini ialah gejala sosial wujud kerana rangka masyarakat tidak kukuh ekoran daripada kepincangan sistem sosial. Ini bererti pelan perancangan untuk membangunkan insan dalam sesebuah masyarakat hanya dibuat secara fizikal, menumpukan kepada perkara-perkara fizikal. Contoh penyediaan kemudahan awam bagi yang hidup mahu pun yang mati yakni tanah perkuburan, sekolah, sistem pengangkutan dan hospital. Tidak dimasukkan dalam mengendalikan insan berkelompok dalam sesebuah masyarakat dengan mengambil kira keperluan. Keperluan pelbagai sifatnya sebagai seorang insan, yakni keperluan yang diperlukan untuk memastikan pertumbuhan spiritual. Nak jadi lahirkan orang baik dan sebagainya. Melahirkan mengoptimumkan pembangunan fizikal, dirinya bagaimana supaya jangan terjebak di dalam dadah. Bagaimana jangan merempit dan sebagainya. Memaksimumkan intelek dan menstabilkan emosi, mengilapkan ke perihal sosialnya agar ia boleh menjadi anggota masyarakat yang produktif dan menjadi ahli pasukan yang menyumbang bukan merosakkan.

Jadi apakah keberkesanan program ini kepada generasi muda? Saya hendak sebutkan di sini memang kita telah meletak kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan misi untuk menjadikan Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan 2025. Jadi sudah tentulah generasi muda ini dijadikan sasaran atau fokus *group* untuk dilahirkan sebagai generasi idaman. Jadi keberkesanannya bagaimana. Sebab itulah kita mesti mengupayakan, kita berkongsi visi dan misi ini kepada pimpinan-pimpinan semua peringkat supaya mereka ini boleh merangka satu pelan tindakan sampai capai visi tersebut. Jadi peruntukan yang di gunakan

....

TUAN SPEAKER: Ringkaskan Yang Berhormat Selat Kelang, masa menjawab sudah habis.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Ok, ok terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

TAJUK: PEMBANGUNAN WANITA BERDAYA

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan YAB Dato' Menteri Besar untuk setiap DUN dalam setahun?
- b) Bagaimanakah cara pembayaran elaun kepada penyelaras PWB setiap DUN?
- c) Apakah aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh kerajaan dalam usaha membangunkan sosial wanita dan masyarakat?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Seri Serdang. Bagi menjawab soalan Seri Serdang, adakah peruntukan khas yang diberi kepada setiap DUN untuk program Pusat Wanita Berdaya. Ingin saya beritahu di sini bahawa tiada peruntukan khas Pusat Wanita Berdaya disediakan kepada setiap DUN tetapi peruntukan diberikan melalui permohonan yang dilaksanakan atau pun permohonan yang dibuat oleh setiap DUN untuk melaksanakan program-program atau aktiviti yang dirancang di bawah Pusat Wanita Berdaya masing-masing. Tetapi setiap kali permohonan kerajaan akan memberikan setiap program itu tidak melebihi RM5,000.00 setiap program yang dilaksanakan. Dan untuk program keseluruhannya sehingga Januari 2014, kerajaan Selangor telah pun mengeluarkan sejumlah RM962,500.00 kepada semua program yang dilaksanakan yang mana ia terbahagi kepada dua iaitu satu dalam bentuk penyediaan peralatan bahan asas kepada Pusat Wanita Berdaya sebanyak RM645,000.00. Manakala sebanyak RM317,500.00 adalah dalam bentuk pelaksanaan program-program dan latihan-latihan di peringkat Pusat Wanita Berdaya. Dan cara pembayaran elaun kepada penyelaras-penyelaras Pusat Wanita Berdaya, Tuan Speaker saya ingin menyatakan di sini bahawa program atau pun pelaksanaan elaun kepada Pusat Wanita Berdaya sebenarnya kerajaan Selangor mulakan dalam bentuk perintis terlebih dahulu iaitu pada pembayaran dibuat hanya sebanyak enam (6) bulan iaitu pada 1 Julai 2012 dan ianya tamat pada 31 Disember 2012. Ianya adalah dalam rangka untuk mengenal pasti apakah tanggungjawab yang terbaik yang patut diberikan pada Pusat Wanita Berdaya. Dan pusat-pusat wanita atau penyelia-penyelia ini perlulah menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa *Standco* Wanita yang mana bila mereka telah melaksanakan tugas barulah elaun ini diberikan.

Jadi di antara program perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh penyelia adalah melaksanakan takwim struktur yang telah diminta oleh Jawatankuasa Tetap Wanita, memanggil mesyuarat 2 kali seminggu, memastikan kesemua peraturan Pusat Wanita Berdaya dipenuhi dan banyak lagi yang saya akan berikan kepada Seri Serdang untuk melihat bagaimanakah prestasi itu atau pun pembayaran elaun itu diukur atau pun diberikan mengikut prestasi yang dibuat oleh penyelia. Dan bayaran yang dibuat pada ketika itu adalah RM750.00 sebulan. Dan akhirnya tentang soalan c, apakah aktiviti-aktiviti yang dirancang sebanyak 12 fokus aktiviti yang dirancang yang ianya mengambil kira tentang pelbagai aspek dan ianya meliputi kepada 12 fokus wanita daripada suri rumah sehinggalah wanita-wanita bekerja, daripada semua lapisan wanita iaitu Melayu, Cina dan India dan termasuk juga orang-orang asal ada juga program-programnya. Dan kebanyakan besarnya adalah program yang bersangkutan dengan program memperdayakan ekonomi hawa iaitu ianya

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Batu Tiga, ringkaskan.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Ianya untuk menambah pendapatan wanita sendiri. Itu saja Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Morib tidak hadir. Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: TABUNG AMANAH PERKUBURAN

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Status pewartaan Tabung Amanah Perkuburan
- b) Senaraikan jumlah caruman dikumpulkan dan dibelanjakan Tabung Amanah Perkuburan mengikut daerah sehingga tahun 2013

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker Kuala Kubu Baharu bertanyakan tentang Tabung Amanah Perkuburan dan status pewartaan Tabung Amanah Perkuburan dan senaraikan caruman yang dikumpulkan dan dibelanjakan pada tahun 2013. Penubuhan akaun Perkuburan telah pun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 2 Mei 2001. Akaun ini ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun yang dianggotai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi

Selangor, Pengarah Tanah dan Galian, Bendahari Negeri Selangor dan semua pentadbir-pentadbir Tanah Daerah dan Timbalan Pengarah Seksyen Agihan dan Pembangunan sebagai urus setia. Akaun ini ditubuhkan membolehkan kerajaan Negeri Selangor menguruskan caruman perkuburan yang dikutip daripada pemaju dan pemilik tanah yang membangunkan tanah kurang daripada 250 hektar atau pun kurang daripada 500 ekar, untuk perumahan dan kediaman. Atau pun pembangunan bercampur setelah pemberimilikan tanah dan tukar syarat diluluskan. Pengeanaan pemberian caruman Tabung Amanah Perkuburan di Selangor adalah seperti berikut satu di daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat yang kadar yang diluluskan ialah RM500.00 setiap tapak. Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor, RM300.00 setiap tapak. Akaun Amanah ini berperanan untuk menguruskan penerimaan dan pengeluaran wang caruman yang bertujuan untuk menampung pembiayaan bagi penyediaan tapak perkuburan, kos pengambilan tanah perkuburan dan urusan-urusan yang berkaitan dengan perkuburan.

Jumlah Akaun Amanah perkuburan yang dikumpulkan sehingga akhir tahun 2013 ialah berjumlah RM35,246,205.62 dan pecahannya ialah di Petaling RM6.4 juta di Gombak RM3.1 juta, di Kelang RM9.5 juta di Kuala Langat RM1.4 juta, di Hulu Langat 12.4juta di Sepang 13.8juta, Kuala Selangor 1juta, Hulu Selangor RM3.3 juta, Sabak Bernam RM4.3 juta. Sejak penubuhan Akaun Amanah pada tahun 2001 sejumlah RM4.5 juta telah dibelanjakan bagi penampung 13 projek pembangunan perkuburan sehingga 2013 dan kita telah saya akan menghantar kepada Kuala Kubu Bharu senarai projek-projek yang diberikan peruntukkan dan juga sebagai contoh di Kuala Langat kerja-kerja menaiktarafkan perkuburan pada 2013 sebanyak RM200,000.00 diperuntukkan dan sebagai contoh di Shah Alam pembinaan pengurusan pejabat, wakaf pembinaan longkang dan kerja-kerja tanah bagi penambak dan meratakan tanah di perkuburan Islam Seksyen 21 sebanyak RM500,000.00 digunakan.

TUAN SPEAKER: Seri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE: Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan Tabung Amanah Caruman Perkuburan ini ialah bagi kawasan Johan Setia, walau pun disebut oleh Dato' Menteri Besar adanya peruntukkan sebanyak lebih kurang RM500,000.00 untuk kemudahan asas dan juga infrastruktur tetapi sehingga ke hari ini sudah masuk hampir dua tahun tidak ada lagi bekalan air dan laluan masuk ke kawasan yang terlibat. Jadi saya ingin bertanya kepada Dato' Menteri Besar apakah di peringkat awal dalam cadangan untuk infrastruktur ini tidak melibatkan bekalan air dan jalan masuk ke kawasan terlibat. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Puan Speaker. Sri Muda bertanyakan tentang pengurusan perkuburan ini di bawah JAIS, untuk Islam dan

saya akan kemukakan soalan ini. Saya tidak mengetahui keadaan yang tak ada, saya tak tau yang tak ada tempat-tempat perkuburan yang tak ada air dan elektrik.

Soalan tambahan Puan Speaker. Saya ingin bertanya apakah kriteria yang digunakan oleh pihak kerajaan dalam meluluskan permohonan untuk caruman ini, dan ada tak permohonan ini terbuka kepada semua jenis agama dan bangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Daripada penelitian saya, sekejap ini, maknanya permohonan terbuka kepada semua agama jadi bukan maknanya yang saya baca dua itu ialah untuk JAIS, tapi yang lain tu dia terbuka kepada semua sebab pencaruman ini diterima kepada semua mereka yang memiliki tapak rumah, dia tak kira ikut agama, semua. Jadi, kalau di Petaling, Klang, Gombak, kena bayar RM500, kalau di Kuala Selangor, Sabak Bernam, RM300. Permohonan ini boleh dibuat melalui Pejabat Daerah sebab dia, bahagian tanah boleh dibuat melalui Pejabat Daerah. Jadi, umpamanya JAIS yang mengendalikan perkuburan di kawasan tersebut boleh meminta daripada Pejabat Daerah dan Persatuan yang bukan Islam yang mengendalikan perkuburan tersebut boleh membuat permohonan melalui Pejabat Daerah sebab Pejabat Daerah akan membawa kes ini kepada Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi, Akaun Amanah Perkuburan.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke-95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PEMBANGUNAN KAMPUNG

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor untuk Dun Sungai Pelek bagi penyelenggaraan, pembangunan dan perancangan infrastruktur di Kampung Tradisional dan Kampung Baru?
- b) Bolehkah peruntukan disalurkan kepada Pejabat Tanah bagi pembangunan kampung-kampung ini?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Sungai Pelek bertanyakan berkaitan peruntukan kerajaan negeri untuk DUN. Sungai Pelek, bagi penyelenggaraan, pembangunan dan juga perancangan infrastruktur kampung tradisi dan juga kampung baru. Berikut adalah jumlah peruntukan yang diterima melalui projek semasa kerajaan negeri bagi DUN Sungai Pelek, peruntukan UPEN

ataupun MARRIS dalam Ringgit Malaysia pada tahun 2010, RM280,700. 2011, RM275, 950, 2012, RM389,500, 2013, RM499,738. Dalam pada itu, pihak Ahli Dewan Negeri juga mempunyai peruntukan sebagai Ahli Dewan Negeri yang mempunyai kuasa berbelanja sebanyak 30% minimum sehingga 50% maksimum daripada peruntukan untuk projek-projek infrastruktur daerah ataupun kawasan masing-masing. Dalam catatan yang saya ada, peruntukan Dewan Negeri di bahagian DUN Sungai Pelek 2010, RM245,173, 2012, RM 105,284, 2013, RM78,906.

Memanglah peruntukan-peruntukan ini disalurkan kepada ataupun melalui Pejabat Daerah dan Tanah bagi kampung-kampung, dan juga kampung tradisi dan kampung baru seperti tahun-tahun yang sebelumnya berdasarkan kepada perancangan dan dasar kerajaan negeri, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Apakah, soalan tambahan Sungai Pelek. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi projek pembangunan infrastruktur daerah-daerah kini. Soalan kedua, adakah kerajaan bercadang menaikkan peruntukan khas secara tambahan kepada setiap pejabat daerah di bawah bajet pembangunan agar perniagaan dan pembaikan infrastruktur dapat disegerakan?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sungai Pelek. Pada masa ini, peruntukan kita adalah berdasarkan juga seperti mana tahun-tahun yang lepas cuma peruntukan MARRIS, saya kira, kita mempunyai peruntukan yang agak besar kali ini, sudah tentunya lah bagi projek-projek infrastruktur terutamanya jalan-jalan yang sudah didaftarkan di bawah MARRIS boleh menggunakan peruntukan yang agak besar ini di samping peruntukan-peruntukan kepada pejabat daerah untuk pembangunan kawasan-kawasan kampung masih lagi memerlukan peruntukan yang sama dan seperti mana yang saya katakan di peringkat awal tadi bahawa Ahli Dewan Negeri juga mempunyai peruntukan yang boleh disalurkan di atas penggunaan projek-projek infrastruktur yang tidak melebihi daripada 50% maksimum boleh digunakan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: BANTUAN FAKIR MISKIN MASYARAKAT BUKAN ISLAM

96. Sumbangan zakat hanya diperuntukkan untuk masyarakat Islam. Terdapat ramai golongan fakir miskin di kalangan masyarakat orang bukan Islam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Yayasan Khas bagi membantu golongan fakir miskin terutama masyarakat bukan Islam?

- c) Apakah usaha kerajaan untuk membantu golongan fakir miskin terutama yang bukan Islam?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik. Tuan Speaker, izinkan saya membaca soalan tersebut sebab ia melibatkan banyak speks. Topiknya bantuan fakir miskin zakat bukan Islam. Sumbangan zakat hanya diperuntukkan untuk masyarakat Islam, terdapat ramai golongan fakir miskin di kalangan masyarakat orang bukan Islam. Soalannya, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Yayasan khas bagi membantu golongan fakir miskin terutama masyarakat bukan Islam. Jawapannya, Tuan Speaker. Saya menjawab soalan tersebut bersama-sama dengan soalan 121. Kerajaan negeri sentiasa prihatin dan membantu golongan miskin sama ada masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Buat masa ini, masih belum ada cadangan untuk menubuhkan Yayasan khas bagi membantu golongan fakir miskin bukan Islam. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Kota Anggerik merupakan satu pandangan yang baik dan akan dipertimbangkan oleh kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa program seperti Program Bantuan *Blueprint* Kemiskinan, Program Kemahiran Teknikal, Program Bantuan Perayaan kepada Golongan Miskin dan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor khususnya kepada golongan miskin dan terbuka kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan bukan kerajaan berdaftar yang ditubuhkan untuk membantu golongan ini.

Kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu meningkatkan ekonomi dan taraf hidup golongan fakir miskin termasuk golongan bukan Islam. Antaranya program yang telah dikatakan seperti tadi, Program Bantuan *Blueprint* Kemiskinan, Program Kemahiran Teknikal kerajaan negeri

Selangor bersama Kolej Antarabangsa INPENS dan juga bantuan Perayaan kepada Golongan Miskin dan juga bantuan pembinaan rumah melalui kerajaan prihatin.

TUAN SPEAKER: Soalan 97 telah dijawab bersekali dengan soalan 38. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya..

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, soalan. Soalan Sungai Burong, bukan soalan tambahan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Faham, faham. Saya ingat saya bagi soalan tambahan tadi. Ok, Tuan Speaker, soalan 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: ISU KALIMAH ALLAH

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap terdapatnya desakan untuk menggunakan perkataan kalimah Allah di gereja di negeri Selangor?
- a) Sejauh manakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan isu tersebut selaras dengan keputusan Fatwa Agama negeri Selangor mengenai penggunaan perkataan kalimah Allah?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Sungai Burong, Sungai Burong berkaitan dengan kalimah Allah. Jawapan (a) dan (b) ialah kerajaan negeri bertindak mengikut semua undang-undang yang berkuat kuasa dan prosedur-prosedur yang ditetapkan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalimah Allah adalah merupakan lafaz *jalallah*. Dia adalah khas, mutlak untuk agama Islam.

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya lah. Nak soalan la ni. Nak kena bagi *phrase* tu dulu ya.

TUAN SPEAKER: Terus kepada soalan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalannya, oleh sebab kalimah Allah ini hanya merupakan lafaz *jalallah* kepada agama Islam, dan agama Islam ni, agama lain boleh menggunakan kalimah-kalimah lain. Jadi, soalan saya ialah apakah Yang Berhormat setuju bahawa kalimah Allah ini hanya perlu digunakan untuk agama Islam, dan agama lain boleh lah menggunakan kalimah-kalimah lain apa salahnya, seperti perkataan tuhan dan sebagainya. Untuk menjaga kesucian Islam dan usaha-usaha yang dikatakan oleh agama lain ini untuk menggunakan kalimah Allah ini akan menggugat kedudukan penganut-penganut dalam kita menjaga akidah umat Islam.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada Sungai Burong. Saya ingin memperjelaskan sedikit berkaitan dengan isu kalimah Allah ini supaya dapat difahami secara ilmu dan sedikit nanti secara enakmen, secara undang-undang. Pertama sekali Sungai Burong, secara ilmunya bahawa dalam Al-Quran sendiri banyak, terlalu banyak ayat-ayat yang mana orang-orang bukan Islam diajukan beberapa soalan dan boleh menggunakan, boleh menyebut kalimah Allah. Antaranya ayat yang menyebut (Ayat Al-Quran), 'Sekiranya kamu tanya wahai Muhammad kepada orang-orang yang bukan Islam, siapakah yang menjadikan langit dan bumi. Maka orang bukan Islam akan menjawab Allah, *Fakulilhamdulillah*. Maka katalah wahai Muhammad setelah mereka mengatakan Allah, ucapkanlah alhamdulillah Secara ilmunya, bagi orang bukan Islam, dia boleh menyebut kalimah Allah. Namun, dalam hal yang berbangkit ini ialah, soal penggunaan kalimah Allah itu dalam bentuk salah menggunakan kalimah dalam bentuk propaganda. Yang ini yang kita kata, yang tidak dibolehkan. Bukan sekadar oleh orang-orang yang bukan Islam, menyalahgunakan kalimah Allah juga larangan kepada orang-orang Islam. Mencemarkan kalimah Allah itu bukan sekadar disebut oleh orang bukan Islam tapi juga oleh orang Islam. Jadi, dalam konteks propaganda ini lah yang kita kena jaga. Itu dalam konteks enakmen. Terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa kalimah Allah boleh digunakan oleh pihak agama lain untuk menyebarkan agama mereka.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Saya sudah jawab tadi, saya kira saya sudah jawab. Agama-agama mana pun tidak boleh menggunakan kalimah Allah ini untuk propaganda, untuk diayah, untuk propaganda. Jadi, itu saya fikir yang terkandung dalam semangat kita, dalam enakmen yang kita jaga bersama ialah

supaya kalimah Allah itu tidak dijadikan sebagai propaganda untuk berdiayah pada Islam. Sebab itu, yang ini yang kita samar-samar kan semangat kita untuk menjaga enakmen yang sedia ada.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong masih tak faham?

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak minta penjelasan. Sebab dia bercakap tadi propaganda, saya tanya tadi dari segi menyebarkan agama lain, boleh atau tidak. Yang saya nak tanya, Yang Berhormat setuju atau tidak. Misalnya agama lain, misalnya agama Kristian, dia nak menyebarkan agama mereka dia menggunakan perkataan Allah. Boleh, setuju atau tidak?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ini sekiranya mengikut enakmen yang ada. Penyebaran Kristian kepada Islam dengan menggunakan kalimah Allah adalah tidak boleh. Itu dalam, dalam enakmen yang kita ada.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan No. 99.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan bagi merealisasikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang di PBT-PBT dan apakah pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi?
- b) Bagi maksud di atas, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk membiayai konsultan luar demi menjayakan cita-cita tersebut.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, telah menyediakan Pelan Tindakan 5 tahun bagi merealisasikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang di PBT-PBT dan seterusnya untuk meningkatkan tahap servis kerajaan tempatan. Pelan ini menggariskan perkara-perkara utama seperti berikut. Pertama, menumpukan tugas asas PBT. Antara tidak lainnya, menambahbaikkan sistem pengauditan, pemantauan kerja dan pembayaran, menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di Majlis Bandar raya dan Perbandaran, menetapkan tatacara operasi

piawai untuk seluruh PBT dalam proses penguatkuasaan, permohonan permit dan lesen, mengurangkan kontraktor dan menambahkan pekerja PBT, mengenakan hukuman berat kesalahan kebersihan. Dua, membina imej positif. Mempamerkan gambar Datuk Bandar / Yang Dipertua dan barisan Pengarah PBT di *billboard*, reka bentuk adalah seragam, Projek Padang Ceria, membina atau menaiktaraf minima 500 set kelengkapan peralatan taman atau padang di seluruh Selangor oleh PBT, mengadakan *telematch* tahunan yang melibatkan keseluruhan warga PBT bersama Persatuan Penduduk, mengadakan *telematch*. Mengadakan perjumpaan perbandaran berkala oleh Datuk Bandar dan Yang Dipertua. Mengadakan *facebook* PBT dan *twitter* PBT, menyeragamkan kempen-kempen di PBT. Tiga, mendemokrasikan PBT. Mengadakan siaran secara langsung mesyuarat bulanan PBT, fokus pada Majlis Bandar raya dan Perbandaran. Memaparkan minit mesyuarat bulanan di laman Web selaras dengan Seksyen 27 Akta 171, pemilihan Ahli Majlis Bandar raya dan Perbandaran, melantik wakil NGO ke Majlis Daerah, menghadkan tempoh penggal lantikan Ahli Majlis. Empat, meningkatkan kebajikan warga PBT. Kajian ke atas mewujudkan pegawai kontrak dengan menawarkan gaji yang lebih tinggi, bonus, persembahan kerja dan peluang kenaikan pangkat yang lebih menarik. Mempertingkatkan kelengkapan keselamatan untuk Penguatkuasa. Menaikkan elaun kerja, tambahan masa yang lebih tinggi khusus kepada Penguatkuasa dan pekerja yang bertugas di luar pejabat. Kajian menggunakan *software*, penilaian prestasi kerja.

Lima, menyempurnakan tugas tertanggung, iaitu penguatkuasaan pelesenan, industri burung walit dan dua rang undang-undang kecil fi lesen. Keenam, projek khas perkhidmatan bas bandar percuma. Fokus kepada Majlis Bandar raya dan Perbandaran mengikut keupayaan dalam menyediakan bas namun dapat memberi perkhidmatan terbaik dengan warna atau *design* yang seragam. Menambahkan anggota Penguatkuasa untuk kerja rondaan. Fokus pada Majlis Bandar raya dan Perbandaran. Melibatkan swasta menyertai projek pemasangan CCTV dan akhirnya menaiktaraf pasar awam. Antara pencapaian yang diperolehi oleh hampir keseluruhan PBT-PBT di negeri Selangor adalah sijil pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti, QE 5S, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam peringkat negeri Selangor, Anugerah Inovasi Setiausaha Kerajaan Negeri, Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang dan akhirnya penarafan 5 Bintang laman Web Portal Projek *Manage Portal Services*.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya hendak bertanyakan tentang audit yang berlaku dalam PBT dan juga Kerajaan Negeri Selangor yang kita tahu bahawa telah berlaku begitu lama Audit Dalam dan Audit Luar. Dan ia berlaku bukan setahun dua mungkin lebih daripada sepuluh tahun. Tetapi keberkesanan Pihak Berkuasa Tempatan dalam aspek menangani permasalahan semasa tempatan yang

memerlukan fokus audit di situ. Saya mohon penjelasan sama ada kita mempunyai jawatankuasa khas untuk menangani isu keperluan masyarakat setempat itu dalam aspek politik. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya Tuan Speaker, Kerajaan Negeri menghadapi masalah yang dihadapi oleh Audit dari segi kekangannya kerana kalau Audit Dalaman adalah sukar untuk juruaudit yang berada yang ditempatkan di PBT tersebut untuk mengaudit rakan sekerja mereka. Oleh sebab itu baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan satu mekanisme di mana semua juruaudit boleh dikumpulkan dan diarahkan oleh UPEN untuk membuat audit ke atas PBT selain daripada PBT yang dijaga oleh juruaudit tersebut. Bagi pasukan juruaudit yang terdiri daripada semua PBT dan akan ditugaskan untuk audit PBT tertentu dan ini akan dikendali oleh Pengarah UPEN sebab itu projek pertama yang dilakukan yang akan bermula sebenarnya mulai hari esok sebenarnya iaitu satu audit pasukan audit yang ditubuhkan oleh Juruaudit Dalam Negeri yang terdiri daripada Juruaudit dari 3 PBT yang lain akan mengaudit jabatan undang-undang di Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan ini merupakan usaha pertama dengan mekanisme yang baru ini dengan harapan ia akan mempertingkatkan lagi kerja-kerja bukan sahaja kerja pengauditan tetapi juga mempertingkatkan persembahan kerja di semua PBT di dalam Selangor ini.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia, tidak hadir. Paya Jaras, tidak hadir. Soalan 102 telah dijawab bersekali dengan soalan 31. Soalan 103 telah dijawab bersekali dengan soalan 3, Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 104.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: IBU TUNGGAL

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah ibu tunggal di Selangor ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi bantuan yang lebih spesifik kepada ibu tunggal?
- b) Jika tidak, mengapa? Jika ya, apakah rancangan tersebut?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih juga Damansara Utama. Berapakah jumlah ibu tunggal di Selangor setakat 28

Mac 2014? Jumlah ibu tunggal di Selangor adalah seramai 15,614 orang yang mana pecahannya Melayu - 10,466, Cina - 2,854, India- 1,385 dan yang lain-lain campuran – 129 orang. Dan bilangan mengikut DUN ada bersama saya tapi saya akan bagi kalau semua ADUN perlukannya insya-Allah. Yang keduanya tentang adakah Kerajaan Negeri akan memberi bantuan yang lebih spesifik kepada ibu tunggal? Kalau dilihat bantuan-bantuan yang ada sekarang ini adalah bantuan yang berbentuk daripada dua agensi iaitu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan daripada Lembaga Zakat Negeri Selangor. Jadi bantuan itu adalah untuk mengambil kira tentang bantuan kepada anak-anak kepada ibu tunggal ini iaitu bantuan kanak-kanak yang mana ianya diberikan dalam tempoh 12 bulan yang mana seminimum seorang anak itu akan mendapat bantuan sebanyak RM100 sebulan dan maksimum kalau ibu itu mempunyai 4 orang anak jadi akan dapat bantuan sebanyak RM450 sebulan selama 12 bulan. Dan begitu juga bantuan-bantuan yang lain seperti bantuan am contohnya kalau ibu itu perlukan bantuan tambahan ibu tunggal itu bantuan tambahan di mana anak itu ataupun program selain daripada pendidikan anak- anak mungkin makanan bulanan dan sebagainya, kita ada minimum RM80 seorang anak dan maksimum sebanyak RM350 seorang anak. Itu pun maksimum ada 4 orang dan kalau lebih daripada 4 itu juga diberi yang iaitu RM350. Dan yang lain itu adalah program-program yang spesifik yang dibuat oleh Lembaga Zakat iaitu ASNAF Fakir dan Miskin. Bantuan kewangan bulanan bergantung pada situasi dan lawatan akan dilakukan oleh Pegawai Zakat Daerah yang mana bantuan yang diberikan adalah yuran pendidikan, tambang bas sekolah, keperluan pendidikan, bahan rujukan, sewa rumah dan sebagainya dan yang penting itu ialah bantuan bulanan makanan asas kepada ibu-ibu tunggal. Untuk selain daripada itu, di bawah Pusat Wanita Berdaya juga program-program pembudayaan ekonomi ibu tunggal telah pun dimulakan. Ingin saya minta pihak dewan merakamkan bahawa satu program khas diadakan iaitu semalam di mana program bekerja dari rumah telah pun dimulakan di mana ibu-ibu tunggal boleh yang terpilih diberikan satu program walaupun program ini agak orang kata kecil iaitu program mengupas bawang putih sahaja, ia dapat memberikan pendapatan setiap minggu RM200 kepada ibu tunggal yang mendaftarkan diri dan Insya-Allah program perintis ini akan dikembangkan ke tempat-tempat lain kerana yang dimulakan itu adalah di Lima Jaya dan ianya mengambil kira ibu-ibu tunggal di sekitar Lima Jaya. Dan selain itu, program yang selainnya adalah program bimbingan kepada ibu tunggal untuk memastikan kehidupan mereka ini dapat dijaga dengan baik iaitu dengan membuat program iaitu kaunseling jika mereka memerlukan kaunseling. Sekian terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 105.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK: PELAJAR KUIS & UNISEL

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup pelajar di KUIS dan UNISEL?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Balakong. Kerajaan Negeri Selangor memandang serius tentang kos sara hidup yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun apa yang telah dilakukan oleh kedua-dua *question* UNISEL ini kita tidak menaikkan kos makanan daripada kafeteria dan segala-gala yang ada di premis KUIS dan UNISEL kita tidak ada meningkatkannya . Apabila kos-kos lain meningkat ditingkatkan oleh Kerajaan Pusat kerana kos ini kita mungkin saya tidak apa yang disebutkan oleh Balakong ini. Apa yang telah kita cuba berikan atau langkah-langkah yang telah kita ambil. Bila kita memberi hadiah pengajian anak masuk Universiti RM1,000, ini antara cara kita membantu. Begitu juga dengan pinjaman pelajaran yang tidak ada kos *interestnya* ini juga perkara yang telah kita bantu, bantuan umum pelajaran Lembaga Zakat Selangor juga di antara cara kita membantu, bagaimana anak-anak ini boleh melalui proses pendidikan yang tidak begitu tertekan tapi kos sara hidup Balakong adalah tertakluk kepada apa yang telah diputuskan oleh Kerajaan Pusat.

TUAN SPEAKER: Kuang, tidak hadir. Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih, soalan 107.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : PERLOMBONGAN PASIR SELANGOR

105. Bertanya kepada Y.A. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah masa pendek dan masa panjang yang diambil oleh Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan masalah perlombongan pasir secara haram?

- b) Adakah Kerajaan Negeri ingin mengambil langkah untuk memutihkan lombong-lombong haram di Selangor termasuk bekerjasama dengan mereka dalam industri ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kinrara bertanyakan soalan tentang perlombongan pasir di Selangor dan langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan ataupun memerangi masalah perlombongan pasir haram. Saya akan senaraikan langkah-langkahnya :

- 1) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti perlombongan pasir haram di bawah Kanun Tanah Negara di bawah Akta Kanun Tanah Negara 1965 termasuklah serbuan atau sitaan lokasi-lokasi operasi pencurian pasir haram yang dikenal pasti dan Pejabat Daerah, pihak berkuasa Tanah dan Galian dan kumpulan Semesta. Statistik tangkapan, untuk statistik tangkapan saya akan hantar kepada Kinrara tapi saya nak tunjukkan pada 2010 kita ada 19 operasi terdapat 21 tangkapan, 2013 ada 22 operasi dan 47 tangkapan dan 2014 ada baru 2 operasi dan;
- 2) Kita juga memperuntukkan RM1,000,000 setahun bagi langkah memberi insentif imbuhan kepada orang awam dan juga mana-mana agensi dalam membantu menyelesaikan isu perlombongan pasir haram mengikut pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, kita ada insentif.
- 3) Melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diadakan pada 2010 Kerajaan Negeri bersetuju ganjaran RM5,000 diberikan kepada individu ataupun pasukan yang berjaya yang merampas barang jentera yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Selain itu Mesyuarat Kerajaan Negeri juga telah memutuskan supaya ganjaran sebanyak RM5,000 hingga RM20,000 diberikan kepada Pejabat Daerah Tanah yang melakukan tindakan perampasan untuk pelanggaran syarat di bawah Seksyen 128 Kanun Tanah Negara bagi tanah bermilik yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir. Dalam jangka panjang, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. sebagai anak syarikat dalam menguruskan pengekstrak pasir di Negeri Selangor. Untuk hasil negeri sehingga mengikut daerah, tahun lepas kita telah menerima keuntungan sebanyak RM14,000,000 dan sehingga 2014 keuntungan kita ialah RM3.9 juta.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih. Tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata berkenaan ganjaran RM5,000 kepada pemberi

maklumat untuk mengatasi perlombongan haram. Setakat ini lebih kurang berapa pemberi maklumat telah tampil ke hadapan dan telah dibayar ganjaran RM5,000 ini?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker. Saya tahu ada pembayaran telah dibuat tapi saya tak ada perangkaan yang tepat di hadapan saya . Nanti kalau saya dapat saya hantar kepada Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kerana usaha-usaha untuk membuat penguatkuasaan ke atas operasi-operasi haram pasir. Walaupun nampaknya penguatkuasaan telah dibuat dan juga intensif-intensif telah diberikan berdasarkan pada angka-angka yang berikan masih juga bertambah penguatkuasaan. Jadi soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sama ada undang-undang peraturan penguatkuasaan ini tidak mencukupi ataupun adakah Kerajaan akan mengkaji untuk memperketatkan lagi dan meningkatkan orang kata usaha-usaha bagi memastikan supaya pencurian pasir ini walaupun telah diketatkan undang-undang ini ia dapat di atasi dengan berkesan?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, terima kasih Sungai Burong kerana soalan ini. Saya rasa isu ini ialah termasuk isu undang-undang bukan sahaja yang kita lakukan ialah undang-undang kuasa di bawah Kanun Tanah Negara tetapi undang-undang di bawah undang-undang jenayah. Kita tidak ada mempunyai kuasa tersebut di bawah jagaan Kerajaan *Federal*. Jadi oleh sebab itu salah satu daripada perkara yang boleh kita lakukan secara operasi ialah menentukan pengeluaran pasir yang secukupnya untuk kehendak industri dengan harga yang berpatutan dan tidak payah dicuri oleh ataupun dijual secara haram jadi kalau kita boleh mengadakan satu keadaan yang mana harga pasaran pasir ini yang sah sesuai boleh dibeli dan tak payah lagi orang mencari pendapatan melalui pasir haram ini kerana risiko akan lebih tinggi. Itu saya rasa usaha proaktif daripada usaha menyelaraskan undang-undang sebab saya takut penyelarasan undang-undang ini hanya tinggal sebagai undang-undang dan tidak dapat dilaksanakan.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Penggulungan pihak kerajaan telah selesai pada hari Jumaat. Jadi, sekarang Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Ada pun di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 semua peringkat. Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah memberikan kuasa *statutory* bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2014 yang telah diperuntukkan oleh Undang-undang yang sedia ada.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Melalui Enakmen Pembekalan (2014) 2013 yang telah diluluskan pada bulan November 2013 sejumlah RM1,731,966,477.00 telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan negeri pada tahun 2014.

Berpanduan keperluan kewangan semasa, terdapat kekurangan peruntukan bagi jabatan-jabatan tertentu. Sehubungan dengan itu, Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 1) 2014 sebanyak RM494,190,947.00 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan tambahan tersebut. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah seperti jadual berikut :-

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B03	Pejabat Dewan Negeri Selangor	5,900,000.00
B04	Perbendaharaan Negeri Selangor	251,200,000.00
B06	Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri	237,090,947.00
JUMLAH		494,190,947.00

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Peruntukan tambahan bagi maksud Bekalan B03 - Dewan Negeri Selangor sebanyak RM5,900,000.00 adalah dikehendaki bagi menampung kenaikan gaji, elaun dan bonus Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri Selangor yang telah dipersetujui pada sidang Dewan Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13. Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang telah bersetuju pemotongan gaji Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli Majlis Kerajaan Negeri dan Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker didepositkan dalam Akaun Amanah Tabung Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Jadual kenaikan dan pemotongan gaji/elaun adalah seperti berikut :-

Jawatan	Gaji/Elaun Asal	Gaji/Elaun Baru	Potongan		Gaji Kemaskini
	RM	RM	RM	%	RM
Y.A.B. Dato' Menteri Besar	14,175.15	29,250.00	15,074.85	51.54	14,175.15
Y.B. Ahli MMKN	6,109.29	20,250.00	5,250.00	25.93	15,000.00
Y.B. Tuan Speaker	6,109.28	22,500.00	7,500.00	33.34	15,000.00
Y.B. Tuan Timbalan Speaker	3,327.50	15,750.00	3,750.00	23.81	12,000.00
Y.B. ADN	6,000.00	11,250.00	-	-	11,250.00

Bagi Maksud B04 - Perbendaharaan Negeri Selangor sebanyak RM251,200,000.00 diperlukan untuk menampung perkara berikut :-

- i) Sebanyak RM82,500,000.00 diperlukan bagi menampung Program Air Percuma 20 meter padu pertama bagi bulan Julai hingga Disember 2014;
- ii) Sebanyak RM68,700,000.00 diperlukan bagi perkara berikut :-
 - a) RM60,000,000.00 kepada Perbadanan Menteri Besar Incorporated (MBI) bagi membaikpulih asrama dan sistem pembetulan Universiti Selangor (UNISEL); dan
 - b) RM8,700,000.00 sebagai dana pusingan untuk pembayaran emolumen dan utiliti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- iii) Sebanyak RM100,000,000.00 diperlukan bagi modal pusingan Projek Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS).

Bagi Maksud Bekalan B06 - Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan pula tambahan sebanyak RM237,090,947.00 diperlukan untuk menampung kekurangan bagi projek-projek di bawah Vot P01 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan P012 - Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor.

Vote P01 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri:-

- a) RM30,000,000.00 diperlukan untuk tujuan pengambilalihan balik tanah bagi projek Tebatan Banjir Sungai Rasa, Shah Alam; dan
- b) RM149,090,947.00 adalah bagi bayaran projek Mitigasi 2 melalui pinjaman Persekutuan.

Vote P012 - Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor :-

- a) RM48,000,000 adalah bagi pembinaan Jambatan Ketiga Klang; dan
- b) RM10,000,000 adalah bagi kerja-kerja naik taraf jalan di sepanjang projek Tebatan Banjir di Sungai Rasa, Shah Alam.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen Perbekalan Tambahan No. 1 (2014) bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perbelanjaan tambahan pertama tahun 2014 berjumlah RM494,190,947.00 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih. Saya mewakili kerajaan bukan pembangkang. Biasanya perbahasan berhubung perbelanjaan tambahan ini kita mulakan dengan pembangkang dulu. Tapi kita bagi peluang dia untuk bersiap sedia untuk perbahasan pada pagi ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan berhubung Rang Undang-undang yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebentar tadi berhubung permohonan untuk peruntukan tambahan berjumlah RM494,000,000.00 bagi membiayai perbelanjaan yang termasuk dalam Undang-undang Perbekalan.

Yang Amat Berhormat sebentar tadi telah pun mencerakinkan beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dalam agenda pembangunan di negeri Selangor. Kita sedia maklum sebelum ini banyak permintaan dan mungkin desakan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri memohon agar sejumlah peruntukan dapat digunakan bagi tujuan pembangunan memandangkan rizab yang telah dicatatkan oleh Kerajaan Negeri itu amat memberangsangkan dan kita menyambut baik usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan prinsip-prinsip dan amalan ketelusan dapat dipertahankan dan ini dapat kita saksikan dengan catatan pertumbuhan ekonomi yang telah dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebelum ini dan juga kita melihat simpanan dan rizab Kerajaan Negeri antara yang terbaik yang pernah dicatatkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri dalam negara kita.

Namun sementara kita menyambut baik pendapatan dan juga simpanan yang cukup positif kita juga mendesak Kerajaan Negeri untuk menggunakan sebahagian daripadanya untuk tujuan pembangunan di Negeri Selangor dan Alhamdulillah pada pagi ini kita melihat usaha ke arah itu telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan program pembangunan di Negeri Selangor ini dapat terus dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat di Negeri Selangor. Saya ingin tumpukan kepada 2 perkara sahaja pada pagi ini Y.B. Tuan Speaker, pertama berhubung dengan kenaikan gaji, elaun dan bonus bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan juga Ahli Dewan Negeri. Sebelum ini memang terdapat perbincangan dan cadangan yang telah pun diluluskan oleh Dewan Negeri ini sebelum ini berhubung kenaikan elaun, gaji dan bonus namun ada juga cadangan yang telah dikemukakan supaya Kerajaan Negeri dapat meneliti semula dan menyemak supaya sementara kenaikan itu mungkin diperlukan bagi tujuan meningkatkan prestasi Ahli-Ahli Dewan Negeri tetapi apakah peratusan kenaikan itu ada kewajarannya dan hari ini Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah tampil sekali lagi dalam dewan ini untuk menyatakan setelah mendengar pandangan dan pendapat pelbagai pihak, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang permintaan tersebut dan mengemukakan satu formula baru supaya sebahagian daripada kenaikan yang dinikmati oleh Dato' Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Tuan Speaker dan Tuan Timbalan Speaker disumbangkan kepada akaun amanah tabung agenda merakyatkan ekonomi Negeri Selangor dan nampaknya ADUN tak dipotong. Itu kebijaksanaan Menteri Besarlah. Namun saya percaya Y.A.B. Dato' Menteri Besar dapat menjelaskan dalam dewan ini apakah setelah mendapat maklum balas dan pandangan daripada semua pihak maka Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merasakan inilah formula yang terbaik bagi menangani masalah yang dibangkitkan sebelum ini kerana bagi kita sementara ada keperluan untuk kenaikan tetapi kita juga mahu melihat bebanan yang ditanggung oleh rakyat negeri Selangor ini dan juga di peringkat keseluruhannya dapat juga dirasai bersama dengan kenaikan kos sara hidup, kenaikan harga barang dan kita juga bersama-sama dengan bebanan

yang ditanggung oleh rakyat dan saya percaya dengan usaha yang dilakukan ini dengan menyumbang kepada akaun amanah agenda merakyatkan ekonomi Negeri Selangor dan ianya dapat disumbangkan program-program yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri, insya-Allah.

Yang keduanya Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang permohonan sebanyak RM82 juta yang diperlukan bagi menampung bayaran program air percuma 20 meter padu pertama sehingga Disember 2014. Saya percaya permohonan tambahan sebanyak RM82 juta ini ada kaitan yang cukup rapat dengan usaha kerajaan untuk menyelesaikan pengambilalihan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor yang masih lagi tidak dapat dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan walau pun Kerajaan Negeri telah berusaha lebih enam tahun untuk memastikan usaha-usaha ini dapat dimuktamadkan bagi menjamin kebaikan dan kesejahteraan rakyat khususnya pengguna air di dalam Negeri Selangor cuma '*concern*' dan keprihatinan saya ialah apabila masalah ini tidak dapat diselesaikan Kerajaan Negeri terpaksa menampung kos yang agak besar bagi memberikan dan meneruskan perkhidmatan air percuma ini. Walau pun saya menyedari bahawa Kerajaan Negeri telah menyatakan sebaik sahaja pengambilalihan industri perkhidmatan air ini dapat dimuktamadkan maka kita percaya kos ini dapat ditampung semula hasil daripada usaha tersebut tetapi persoalannya bila perkara ini boleh dimuktamadkan kerana ianya telah berlanjutan terlalu lama dan ianya membebankan Kerajaan Negeri dengan kos yang begitu tinggi.

Keduanya, saya juga telah bangkitkan dalam perbahasan yang lalu mungkin Y.A.B. Dato' Menteri Besar dapat membantu memberikan penjelasan tentang desakan Kerajaan Persekutuan untuk memuktamadkan perkara ini melalui Majlis Menandatangani '*hits of agreement*' yang dikatakan akan dilakukan dalam masa terdekat. Keprihatinan saya mewakili Bukit Antarabangsa dan rakan-rakan pimpinan yang lain ialah apakah kita boleh membantu Kerajaan Negeri untuk memastikan kandungan perjanjian ini benar-benar menjamin kebajikan dan hak pengguna dan rakyat di negeri Selangor. Kita tidak mahu perjanjian yang diterajui oleh Kerajaan Persekutuan ini tidak dihormati oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak dapat menjamin kebajikan dan hak rakyat di Negeri Selangor. Sebab itu saya pernah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat memberi satu jaminan perjanjian ini tidak akan terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan kerana saya yakin pendirian Kerajaan Negeri Selangor dibawah Pakatan Rakyat selama ini menjamin prinsip ketelusan keterbukaan dan kebertanggungjawaban maka pengguna rakyat Negeri Selangor dapat meneliti kandungan perjanjian tersebut dan ianya dapat mengelak sebarang spekulasi di peringkat akar umbi.

Ketiganya, saya pernah mencadangkan supaya satu mekanisma dapat dibentuk di dalam dewan ini sama ada melalui *select committee* atau jawatankuasa pilihan supaya kita dapat memantau keberkesanan dan pelaksanaan kandungan dalam

perjanjian tersebut bagi menjamin hak pengguna dan rakyat Negeri Selangor dan ini bagi saya amat penting bagi menjelaskan oleh Kerajaan Negeri pendirian yang akan di ambil supaya program air percuma dapat diteruskan dan kadar takrif air di Negeri Selangor ini tidak akan dinaikkan dengan sewenang-wenangnya. Kita sedia maklum dengan pengambilalihan industri perkhidmatan air ini seperti Y.A.B. telah menjelaskan sebelum ini. Ada kemungkinan kenaikan itu tidak dapat dielakkan tetapi yang saya nak pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri sejauh mana kadar kenaikan ini akan berlaku dan apakah ia akan memberikan kesan yang membebankan kepada pengguna di Negeri Selangor kerana kalau kita tidak dapat melihat kandungan perjanjian tersebut sukar bagi Ahli-ahli Dewan Negeri untuk membantu Kerajaan Negeri bagi memastikan perkara-perkara ini dapat dimasukkan ke dalam perjanjian tersebut dan akhirnya dapat memberi manfaat kepada rakyat di Negeri Selangor.

Akhirnya Y.B. Tuan Speaker, saya juga mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri melalui berhubung pembuangan Langat 2 ini yang kita dengar di media bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menyerah bangunan ini kepada Kerajaan persekutuan kita juga telah mendengar bahawa beberapa *development order* telah diberikan tetapi yang saya nak pohon penjelasan ini sejauh mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa eksekutif untuk memantau pembangunan Langat 2 ini dapat menjamin prinsip-prinsip yang kita pertahankan sebelum ini iaitu prosesnya mestilah tender terbuka, apakah prinsip *value for money* ini digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan apakah pakej yang ditawarkan kepada kontraktor dan pembida yang mampu melaksanakan projek ini kerana projek yang begini besar mega projek ini kalau tidak dilaksanakan dengan telus dan bertanggungjawab mungkin akan berlaku kelewatan ataupun penangguhan dan akhirnya memberikan kos kepada Kerajaan Negeri dan pengguna di Negeri Selangor. Jadi, sejauh mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk bersama-sama dalam pembangunan Langat 2 ini bagi menjamin perkara-perkara yang saya nyatakan tadi. Jadi, dengan itu saya sekali lagi Y.B. Tuan Speaker merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri yang telah mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri sebelum ini supaya sejumlah peruntukan ini dapat dibelanjakan untuk tujuan pembangunan dan memberikan manfaat kepada rakyat dan hari ini sejumlah hampir RM500 juta telah pun dibentangkan untuk kelulusan dan insya-Allah dengan jumlah yang besar ini kita dapat bersama-sama meneruskan usaha membangunkan Negeri Selangor dan memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker sebenarnya kita menunggu wakil daripada pihak pembangkang untuk menyertai namun begitu bagi pihak kerajaan kita teruskan dengan apa cara sekalipun sama ada pembangkang

ada mengambil bahagian atau tidak, Sekinchan juga ingin turut serta mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang perbekalan tambahan yang pertama tahun 2014 ini di mana peruntukan perbekalan tambahan sebanyak RM494,190,947.00 dibekalkan untuk dibentangkan di dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini berkaitan dengan belanjawan perbekalan tambahan ini di mana ingin menunjukkan kepada rakyat kepada Ahli-Ahli Dewan, kita semua bahawa kedudukan kewangan Negeri Selangor kini berada dalam keadaan yang cukup stabil, yang cukup kukuh di mana belanjawan yang kita bentangkan bulan sebelas yang lalu sebanyak RM1.85 bilion diluluskan dan sekarang kita buat tambahan sebanyak RM494 juta menjadikan buat setakat ini kita dalam tahun 2014 kita punya belanjawan keseluruhannya buat setakat ini RM2344,947.00. Ini satu angka dalam sejarah buat setakat ini buat Negeri Selangor. Begitu besar belanjawan Negeri Selangor ini. Dengan belanjawan yang besar ini kita dapat manfaatnya dengan sepenuh-penuhnya kepada rakyat supaya rakyat di Negeri Selangor ini dapat menikmati semua program yang dilaksanakan kerajaan melalui pembangunan dan program kebajikan dan seterusnya saya juga akan menjangkakan walaupun pihak pembangkang belum lagi mengambil bahagian di dalam Rang Undang-Undang Perbekalan ini tapi saya dapat jangkakan kalau mereka ambil bahagian pun mereka akan katakan akan bangkitkan soal pengurusan belanjawan ini kenapa perlunya perbekalan tambahan, itu mestinya mereka pertikaikan. Walau bagaimanapun mereka sampai hari ini saya hairan andai kata jangkaan saya tepat sampai hari ini jelas terbukti pihak pembangkang masih gagal, gagal memahami kaedah dan konsep serta budaya pengurusan serta kewangan Pakatan Rakyat stail yang dikelolakan oleh Y.A.B. Menteri Besar. Kita berbelanja bukan soal pemborosan, kita berbelanja berdasarkan kemampuan di mana Kerajaan Negeri Selangor punya kemampuan, kita dah menjangka hasil kita di mana, di mana di situ ada hasil baru ada perbelanjaan sedemikian. Kita tidak meniru atau belajar daripada Kerajaan Pusat yang mereka tidak adapun kelebihan wang tetapi mereka terpaksa suka tak suka mereka terpaksa mengemukakan perbekalan tambahan untuk perbelanjaan mereka. Defisit juga mereka teruskan begitu juga kesinambungan defisit enam belas tahun, tujuh belas tahun berturut-turut di peringkat persekutuan mereka tidak hiraukan, itu cara mereka. Tetapi Pakatan Rakyat kita lain dari Y.A.B. Menteri Besar kita berbelanja mengikut kemampuan dan duit yang ada. Ini perbezaan kita dengan Barisan Nasional.

Pada masa yang sama Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia berkaitan dengan semakan elaun Ahli Dewan dan juga Menteri Besar, Ahli-ahli EXCO pada persidangan Dewan yang lalu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana mendengar keluhan daripada Ahli-ahli Dewan tentang cabaran tentang masalah yang dihadapi, kedudukan kewangan yang dihadapi oleh Ahli-ahli Dewan khususnya dalam menjalankan tugas harian mereka dan Yang Amat Berhormat amat prihatin dan

telah menyemak mengikut kesesuaian masa dan saya ucapkan ribuan terima kasih. Walau bagaimanapun, daripada pembentangan kali ini di mana Dewan telah meluluskan elaun-elaun termasuk elaun daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, elaun EXCO dan Menteri Besar pada persidangan yang lepas dan pihak kerajaan dan Menteri Besar mengambil inisiatif mendengar pandangan semua pihak dan mengambil inisiatif memberi potongan dalam konteks ini kepada Tabung Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Walau bagaimanapun itu saya hormat keputusan EXCO dan Menteri Besar tetapi pada pendirian saya, saya tetap tidak berganjak bahawa semakan sedemikian telah diluluskan oleh Dewan Rang Undang-undang ini tidak perlu ada apa-apa pemotongan. Itu pandangan Sekinchan tetap tidak berganjak. Ha.... ini pandangan saya kerana kita lulus bukan lulus curi-curi. Kita lulus melalui Dewan yang mulia ini dan kita bekerja kuat untuk rakyat negeri Selangor dan kita telah menunjukkan prestasi kita sejak enam (6) tahun yang lepas. Dari segi *reserve* juga sudah cukup memadai, rakyat memahami daripada dulu mungkin tak sampai dalam lingkungan 600 juta sekarang sudah sampai 3 bilion dan 17 agenda merakyatkan ekonomi dan seterusnya kita berjuang berhabis-habisan tidak berganjak lawan Barisan Nasional khususnya untuk mengembalikan hak air kepada rakyat negeri Selangor. Ini satu projek yang begitu besar tidak pernah difikirkan oleh mana-mana kerajaan hanya kerajaan Negeri Selangor yang berani melalui mendepani dengan Barisan Nasional untuk lawan, lawan perjuangkan hak rakyat dalam konteks isu air ini. Ini sudah cukup, sudah cukup kompeten untuk kerajaan yang ada sekarang meluluskan semakan tersebut. Jadi, saya menghormatilah keputusan kerajaan, tetapi saya tetap dengan pendirian saya. Walau bagaimanapun dalam konteks di sini juga Dewan Negeri Selangor, peranan kita telah bertambah, peranan kita telah diperkasakan sejak enam (6) tahun yang lalu di mana berbagai-bagai pembaharuan reformasi kita telah lakukan, persidangannya sekarang dalam bulan Tujuh pun, ya dalam bulan Empat pun pembukaan ini pun kita menghabiskan lebih daripada hampir dua (2) minggu untuk persidangan. Ini cukup pro-aktif, tidak pernah berlaku dalam sejarah.

Dan seterusnya berbagai-bagai jawatankuasa pilihan PAC, SELCAT, ABBAS, PBT, Pembasmian Kemiskinan dan sebagainya. Sembilan (9) Jawatankuasa yang kita ada sentiasa berperanan aktif untuk mengawal selia, melakukan pemantauan dari masa ke semasa bagi membantu kerajaan menambah baik sistem pentadbiran yang ada dan juga pada masa yang sama penglibatan pihak pembangkang pada sidang pada penggal ini saya nampak lebih pro-aktif tak macam dulu. Kalau dulu mereka mengambil sikap ego, tidak mahu menyertai jawatankuasa, ada pun tak nak datang, tetapi sekarang lain sikit. Ha.... ini secara ringkas saya perlu beritahu dan di Dewan yang mulia ini juga, Dewan Negeri Selangor sudah berubah dan kita kerajaan Negeri Selangor memberi pengiktirafan negeri pertama yang memberi pengiktirafan kepada Ketua Pembangkang. Kita hormat jawatan ketua pembangkang, kita bagi pengiktirafan khusus. Mana ada satu negeri yang bagi pengiktirafan sedemikian. Kita bagi elaun khas RM3,000,00, bagi drebar, bagi Toyota yang setaraf dengan EXCO, MB. Ha..... ini ketua pembangkang kita hormati, kita kena hormat supaya dia

boleh berperanan. Semak dan timbang kepada kerajaan yang ada. Lain-lain negeri atas sekali pun di Parlimen jarang sekali berlaku. Saya harap parlimen bolehlah belajar dengan Dewan Negeri Selangor, tetapi mereka tak nak belajarlah, tetapi tak apalah, itu terpulang, tetapi yang saya minta Selangor kita sebagai peneraju Dewan Negeri Malaysia ini, kita teruskan tanpa mempedulikan mereka nak belajar ke tidak. Kita tetap ke hadapan, tetap istiqamah untuk melakukan reformasi ini ya. Walau bagaimanapun, ya, walau bagaimanapun, saya juga nampak, walaupun pembangkang ini bukan kita jaga lagi banyak ketua pembangkang dari berbagai aspek termasuk tempat letak kereta pun kita adakan tempat letak kereta yang pertama khusus untuk pembangkang. Ketua pembangkang itu jaga betul-betul, kita jaga. Saya sokong seratus peratus cara sedemikian. Dulu itu Sekinchan, kita beri laluan kepada ketua pembangkang, ha.... ini cara dia kita, kita melakukan, kita mengharap pembangkang di Dewan ini, ketua pembangkang khususnya pro-aktif berperanan dengan lebih baik, memantau ye.. *check and balance* terhadap kerajaan yang ada. Kita sentiasa sudi pihak *back bencher* kita sudi dengar teguran-teguran yang baik yang membina daripada pihak pembangkang. Ha.. inilah satu kita sentiasa menyemak, menuai apa... benih-benih kesuburan dalam sistem demokrasi kita.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyatakan satu perkara yang penting di mana saya pernah bangkitkan khususnya dalam peruntukan perbekalan untuk Dewan ini dan saya dapat satu jawapan yang positif daripada pihak kerajaan di mana satu ketika dulu saya pernah cadangkan supaya dewan ini dibina satu Dewan Negeri yang baru kerana Dewan Negeri sedia ada sudah sampai satu tahap hampir tidak mencukupi ruangnya dan sebagainya dan sekarang ada jawapan positif daripada kerajaan pihak JKR bahawa mereka telah pergi ke Sarawak meninjau di Sarawak tentang bangunan baru mereka dan mereka akan bentangkan pada bulan April dan Mei kepada MTES keseluruhannya, bagaimana reka bentuk dan sebagainya. Maknanya ada perancangan itu, sudah ada perancangan itu, sudah digerakkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sekurang-kurangnya selalu kita mengkritik dia lambat, seolah-olah tidak dengar tetapi sekurang-kurangnya dia pelan-pelan *alon-alon* dengan izin, perlahan-perlahan puan dia dengan sedikit-sedikitlah. Saya rasa bersyukurlah tentang perkara ini.

Dan seterusnya tentang elaun-elaun yang kita semak ini saya juga ingin tegaskan sekali lagi bahawa elaun-elaun daripada pemandu-pemandu EXCO ini, *driver-driver* EXCO yang ada kita perlu lagi disemak daripada masa ke semasa kerana kita jangan lupa EXCO Pakatan Rakyat bekerja dari pagi sampai malam kadang-kadang sampai pukul 10.00, sampai pukul 12.00 baru balik rumah. Ha.. pukul 2.00 pagi pun ada.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kota Anggerik: pukul 2 pagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kota Anggerik pernah jadi EXCO dia faham, ha Kota Anggerik. Cumanya dia pernah jadi EXCO, jadi dia faham. Jadi sampai pukul 2 pagi pun ada, sampai balik rumah dan debar kita, drebar yang bawak menteri negeri, EXCO negeri ini tanggungjawab dia berat, nak memastikan keselamatan di jalan raya, tenaga perlu cukup, kepakaran perlu cukup, kemahiran pun perlu cukup tetapi kebajikan mereka wajar kita beri keutamaan dari segi elaunnya bagi semakan sedikit dari masa ke semasa supaya mereka tiada kebimbangan untuk menjaga keluarga mereka dan terus dapat berkhidmat cemerlang, menjaga EXCO kita berada di hadapan dan terus bekerja dengan baik, mentadbirkan kerajaan terus dan diurus dengan baik. Saya harap perkara ini dapat didengar dan diperhalusi oleh Dewan yang mulia ini.

Dan seterusnya juga saya ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan Hal Ehwal Islam, selain Islam di mana sejak enam (6) tahun yang lalu Kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam konteks peruntukan hal ehwal selain Islam ini kita cukup berbeda dengan kerajaan yang lalu di mana kita selalu mengkaji memberi peruntukan ini mengikut keperluan-keperluan yang ada dan kita tidak ada kuota, ada sekatan mana-mana ye... di mana ada keperluan kita bagi. Dalam tempoh 6 tahun yang lepas ramai penganut-penganut selain Islam termasuk *Buddhist*, termasuk hindu, Kristian dan juga Tau mereka begitu gembira kerana bantuan-bantuan yang selama ini jarang diadakan tetapi di bawah Pakatan Rakyat mereka dapat bantuan-bantuan sedemikian untuk mereka menggemarkan fahaman mereka. Jadi dalam konteks ini kita nampak Kerajaan Negeri sudah memperuntukkan dulunya RM6 juta, RM6 juta satu ketika dulu sampai daripada RM3 juta pernah memperuntukkan RM6 juta untuk program peruntukan hal ehwal selain Islam ini ya, pernah sampai RM6 juta tetapi dalam setahun dua ini, kebelakangan ini saya nampak peruntukan itu tidak tahap sampai tahap RM6 juta hanya RM3 juta. Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, khususnya kepada Yang Amat Dato' Menteri Besar pada pembekalan yang akan datang dan bajet yang seterusnya kita dapa memberi tambahan sampailah RM6 juta ini kita kekalkan sekurang-kurangnya RM6 juta untuk hal ehwal selain Islam ini supaya, supaya kita dapat betul-betul memenuhi permintaan-permintaan semua mereka yang memerlukan selain Islam ini dan saya yakin sokongan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu minit lagi Yang Berhormat, satu minit lagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh ada kekangan masa ya,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kekangan masa.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya ingat boleh *international roaming* rupanya ada kekangan masa. Saya ambil maklum Tuan Timbalan Speaker. Saya harap benda ini 6 juta permintaan daripada Sekinchan dan juga rakan-rakan yang lain dapat

dikekalkan, jangan kurang daripada itu. Kalau 3 tak cukup kita tambah sampai 6, ha... sebab duit itu saya yakin sudah ada dalam kantung kerajaan dapat dilakukan.

Dan seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang program yang kita perlukan daripada Menteri Besar untuk menerangkan tentang dasar-dasar kerajaan ini. Dasar-dasar kerajaan ini cukup banyak, berbagai program MIMBAR lah, Skim SEL lah macam-macam, TAWAS, SMUE dan lain-lain kebajikan juga ada program kita. Tetap rakyat di bawah kadang-kadang oleh kerana sebaran kita ada kekurangan sedikit. Ada kekangan sebaran kita maka mereka hanya bergantung kepada TV3 dan Utusan. Yakinlah Utusan dan TV3 ini mereka tidak mesra kepada kita. Sesungguhnya untuk kita sedia maklum di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, memperkasakan akhbar Selangor Kini untuk disebar kandungannya Selangor Kini ini disebar kepada seluruh, seluruhnya pelusok negeri-negeri Selangor supaya rakyat dapat membaca kandungan Selangor Kini ini, dapat informasi yang *up-to-date*, yang terkini. Pada masa yang sama juga terdapat permintaan di bandar, di bandar raya, di bandar mereka mahukan satu naskhah buletin yang saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ayat yang terakhir ya Yang Berhormat

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Seperti yang kita lakukan dahulu Selangor *Time*. Selangor *Time* pada satu ketika berperanan begitu baik sekali untuk menjadi jambatan menjalin hubungan antara kerajaan dengan rakyat di bawah yang menyampaikan informasi-informasi yang terkini tetapi malangnya Selangor *Time* ini atas kekangan sedikit dan berbagai masalah Selangor *Time* ini tidak diterbitkan oleh kerana kewangan dan sebagainya. Dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pernah berjanji Selangor *Time* ini akan dipulihkan dan sebagainya tetapi sampai hari ini *tekan iki dino* dengan izin sampai hari ini saya nampak angin daripada Selangor *Time* masih tak ada, habuk pun tak ada. Saya harap janji-janji daripada Yang Amat Dato' Menteri Besar soal Selangor *Time* ini dapat diteruskan supaya *info-info* dapat disampaikan warga-warga khususnya di bandar-bandar ini. Jadi saya tidak mahu ambil masa yang panjang, saya menyokong penuhlah tentang cadangan pembekalan ini supaya kita dapat terus memberi perkhidmatan yang terbaik dan berbelanja berhemah dan untuk keperluan bukan untuk kehendak atau pembaziran kepada rakyat untuk kehendak, untuk keperluan-keperluan kepada rakyat demi kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Sekian sahaja, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih, Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat, Yang Berhormat sekalian. *Assalamualaikum Warahamtullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia. Sungai Burong berterima kasih kerana diberi peluang untuk membincangkan Rang Undang-undang Tambahan 2014. Sebenarnya tadi Sungai

Burong nak bagi peluang penyokong ni sebab selama ini dia dah tak hadir dan tak bercakap dan kemudian apa ni, sebagaimana biasalah kita bagi peluang kepada penyokong untuk bercakap dan ini adalah giliran untuk saya untuk membahaskan Rang Undang-undang berkenaan. Tuan Speaker, kita dapati bahawa peruntukan di bawah perbekalan Rang Undang-undang Tambahan ini yang bertujuan untuk memastikan bahawa tambahan-tambahan peruntukan pertamanya diberikan untuk Dewan Negeri sejumlah RM5.9 bilion Perbendaharaan Negeri sebanyak 200.1 bilion dan caruman untuk kumpulan wang negeri sebanyak RM233 juta yang berjumlah keseluruhannya RM494,190,947 juta.

Saya ingin mengulangi sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa keperluan untuk mengadakan belanjawan tambahan hendaklah dirancang terlebih dahulu dengan sepenuhnya bagi memastikan bahawa apa juga pelaksanaan yang kita laksanakan dari segi sama ada keperluan untuk perbekalan dan keperluan untuk pembangunan. Ini sebenarnya adalah sebahagian daripada perancangan-perancangan yang telah (orang kata) disediakan, diurus dan dilaksanakan dengan terperinci di awal daripada sebelum pelaksanaan tahun berkenaan. Dan saya dapati juga sudah menjadi kelaziman di negeri Selangor ini ialah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan selepas saja peruntukan-peruntukan yang telah dikemukakan ini diluluskan.

Y.B. Sekinchan telah menyatakan bahawa inilah dikatanya bezanya kerana kerajaan negeri Selangor dia melaksana perbelanjaan berdasarkan dengan kemampuan. Kemampuan ialah satu perkara ini ialah merupakan perancangan-perancangan untuk memastikan sumber-sumber negeri dapat diperolehi dan diuruskan. Pada masa yang sama juga, perancangan juga memerlukan bahawa kita merancang dengan baik apakah perancangan-perancangan yang membolehkan supaya bajet daripada sumber yang disusun itu dapat dilaksanakan. Dan kerana itu kita lihat baru saja bajet diluluskan, kerajaan negeri telah memohon peruntukan-peruntukan tambahan. Yang sebenarnya saya rasakan ini berikutan daripada tindakan-tindakan yang saya sebutkan sebelum ini sebagai *responsive* ataupun sebagai tindakan reaksi yang merupakan daripada perkara-perkara yang timbul semasa proses itu berjalan.

Saya ingin menyentuh tentang permohonan peruntukan perbekalan untuk elaun-elaun ADUN, EXCO dan juga Menteri Besar yang telah dimasukkan dalam bajet ini sesuai dengan keputusan yang telah pun diputuskan sebelum ini. Tapi, saya lihat juga bahawa Y.A.B. Menteri Besar, oleh kerana tekanan-tekanan (dan saya rasa tekanan) ini datangnya daripada tidak lain dan tidak bukan adalah Penasihat Ekonomi Selangor yang mengejapkan membuat pemotongan kepada perancangan yang telah dibuat awal. Jadi dari segi ini kita menunjukkan terdapat kelemahan perancangan. Sudah tentulah saya berpendapat pada mulanya Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah mengambil kira semua faktor semasa membuat

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Perancangan untuk menambah peruntukan bagi elaun-elaun tersebut. Dan kemudiannya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tak apa, bagi saya teruslah ya? Tapi apabila berlaku daripada tekanan-tekanan ini, maka hari ini kita tahu Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah mengubah pendirian dengan mengkaji semula peruntukan untuk Y.A.B. Dato' Menteri Besar sendiri, Speaker, Timbalan Speaker dan juga EXCO. Saya ingin berpendapat bahawa satu elaun yang telah dibuat dan dirancangkan sebenarnya telah mengambil kira tentang kedudukan dan jawatan-jawatan berkenaan. Saya rasa tujuan Y.A.B. Menteri Besar memberikan elaun-elaun tersebut untuk dinaikkan adalah mengiktiraf kedudukan sumbangan-sumbangan mereka dari segi jawatan. Dan kerana itu diberilah dalam kedudukan yang sesuai.

Tapi hari ini mengapa dalam sekelip mata saja kerana (oleh kerana) desakan dan bukan kerana faktor-faktor kewangan? Sebab dari segi kewangan memanglah kerajaan negeri mampu untuk membayar elaun-elaun berkenaan. Tetapi kalau kita mengiktiraf kedudukan dan sumbangan yang amat besar, peranan yang dimainkan oleh jawatan Menteri Besar itu dalam mentadbir dan mengurus negeri, jawatan dan kedudukan, barangkali mungkin kedudukan Speaker kalau dilihat dari segi tugas dan kerja memanglah tidak banyak. Setahun mungkin tiga/empat kali. Tetapi kalau kita meletakkan kedudukannya setaraf dengan kedudukan mereka dalam Dewan ini (Speaker, Timbalan Speaker) yang duduk di kerusi tersebut tentulah adalah wajar untuk mendapat elaun-elaun yang setara dengannya. Dan bila kita telah meletakkan satu *benchmark* kedudukan yang sebegitu, dalam masa sekelip mata apabila terdapat tekanan-tekanan maka kita menukar dan mengkaji semula kedudukan itu tanpa asas-asas yang wajar dan mencari alasan-alasan yang sesuai "dia kata peruntukan ini perlu disumbangkan kepada rakyat". Kalaulah peruntukan tersebut mahu disumbangkan kepada rakyat, mengapa tidak disediakan dalam bajet terus (peruntukan tersebut terus) diberi kepada rakyat? Jadi kita tidaklah (orang kata) bermain wayang dalam isu seperti ini. Inilah yang saya tekankan.

Saya bersetuju dengan pendapat Sekinchan bahawa Ketua Pembangkang ini perlulah (orang kata) diberi kedudukan yang sebaik-baiknya untuk membuat kritikan-kritikan yang konsertif. Tapi tak perlulah cakap nak bagi *parking* lah, nak bagi tambahan seperti itu ya. Kalau dirasakan bahawa jawatan Ketua Pembangkang itu sesuai dan setara dengannya, maka dengan ikhlaslah. Jangan diungkit-ungkit. Apa ertinya sebenarnya *parking* itu? Saya lihat *parking* itu pun selalu dicerobohi oleh orang dan penguatkuasa pun tidaklah maknanya dia mengawal "ini adalah kedudukan *parking* Ketua Pembangkang". Hari saya tengok labelnya pun boleh

diangkat keluar ke sana ke mari. Jadi, kalau setakat itulah yang Sekinchan nak mengiktiraf jawatan pembangkang (bukan jawatan saya), jawatan Ketua Pembangkang, saya ingat tidak bermaknalah. Dan sebenarnya di Parlimen pun kedudukan Ketua Pembangkang Parlimen ini telah diberikan kedudukan yang khas ya. Mereka mendapat keistimewaan-keistimewaan yang lebih dahulu dilaksanakan daripada kerajaan di negeri Selangor ini.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Nanti. Saya nak meneruskan lagi ya. Tak payah mencelah lah. Sebab ini perbahasan perbekalan. Kalau nak ulas apa yang saya cakap nanti, ulaslah. Malah memberi peluang untuk membuat perbahasan nanti ya. Tidak. Saya tidak mahu membazirkan masa untuk begitu panjang kita berbahas ini. Sedangkan beberapa isu tadi kita pun tak dibagi peluang oleh Speaker dalam soalan-soalan mulut / bertulis. Bila nak bertanya macam laju je deras tak dibagi, padahal soalan-soalan mulut ini perlu kita soalan-soalan yang mendapatkan penjelasan. Jadi macam nak *rush* saja perbincangan Dewan walaupun masa cukup panjang diberikan. Jadi, saya nak ambil peluang perbahasan petang ini terus membincangkan perbahasan yang sesuai.

Yang pertama itu tadi saya menyatakan bahawa apabila kita merancang, kita mestilah membuat perancangan dengan teliti tetapi janganlah kita ubah-ubah oleh sebab faktor-faktor seperti tekanan dan sebagainya. Yang keduanya, saya juga ingin membangkitkan tentang perkara yang berkaitan dengan peruntukan pembangunan. Kalau, alhamdulillah Y.A.B. Dato' Menteri Besar sekarang sudah sedar apabila berlaku kritikan-kritikan terutamanya kerajaan negeri ni terlalu menumpu kepada pembekal pembangunan kepada budi sahaja, tetapi kurang memberikan perhatian kepada pembangunan sehingga kita lihat masalah pembangunan-pembangunan negeri Selangor ini terabai dalam semasa satu penggal pemerintahan kerajaan negeri yang kita telah dapat saksikan sendiri. Sebagai contohnya ialah peruntukan yang diperuntukkan di bawah WARIS yang perlu dibelanjakan pada setiap tahun dalam tahun semasa sepatutnya, duit dah dibagi. Tetapi kerana tidak mahu memberikan keutamaan kepada pembangunan, maka akibatnya rakyat telah sengsara kerana jalan-jalan tidak diselenggarakan dan diurus dengan baik. Sekinchan pun bersetuju malah banyak membangkitkan perkara-perkara tentang kedudukan jalan-jalan yang tidak diselenggara dan diuruskan dalam tempoh tersebut. Saya ingat dalam Mesyuarat PAC di mana yang Sekinchan sendiri menjadi pengerusinya, ini merupakan satu perkara yang banyak dibangkitkan yang telah kita nampak pada hari ini telah diabaikan selama ini.

Saya sangat berharap supaya peruntukan-peruntukan kepada pembangunan yang telah disediakan sama ada oleh kerajaan persekutuan melalui kerajaan negeri dan juga peruntukan kerajaan ini hendaklah dilanjutkan sebaik mungkin. Saya ingin menyeru sekali lagi supaya peruntukan di bawah WARIS ini dibelanjakan pada tahun ini untuk memastikan bahawa kualiti jalan-jalan raya di negeri Selangor ini akan diperbaiki dengan sepenuhnya setaraf dan sesuai dengan kedudukan negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju.

Selain daripada itu juga, saya ingin membangkitkan tentang keperluan-keperluan terutamanya untuk memastikan bahawa masalah-masalah tentang penebatan banjir yang sekarang ini telah dimasukkan juga dalam bajet ini, kita kena selesaikan dengan segera. Kita tahu bahawa *Canal City* masalah yang merupakan satu program jangka panjang untuk *mintigate* atau dengan izin untuk menyelesaikan masalah kemungkinan banjir besar yang boleh berlaku di Selangor kerana kita tahu dalam senario keadaan musim-musim tengkujuh, air berlebihan akan ada keadaan-keadaan, ramalan-ramalan untuk tempoh 10 tahun / 25 tahun / 50 tahun dan 100 tahun di mana terdapat keadaan-keadaan musim yang tidak terduga yang menyebabkan keadaan ini boleh menyebabkan satu keadaan banjir sebagaimana pengalaman-pengalaman yang lepas. Dan kerana itu, kita mahu supaya dari segi jangka panjang ini perlulah dirancangkan dengan lebih berkesan. Selain daripada itu, bajet yang disediakan ini saya harap dapat menyelesaikan masalah-masalah banjir-banjir setempat yang *local* seperti apa yang berlaku di Kajang. Banjir yang masih berlaku di Hulu Selangor, juga di beberapa tempat di Lembah Klang ini. Kita tidak mahu lagi melihat bahawa masalah-masalah ini masih tidak dapat diselesaikan lagi.

Tuan Speaker,

Walau bagaimanapun, peruntukan perbekalan tambahan yang dikemukakan ini. Oleh kerana sekarang ini telah banyak memberi tumpuan kepada pembangunan, saya berharap supaya kerajaan negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju memberikan lebih fokus dalam bajet-bajet ataupun dalam perancangan pembangunan akan datang. Memastikan bahawa pembangunan yang perlu ditumpukan di negeri Selangor ini kena dari segi pembangunan, kena diberi perhatian seriusnya supaya sesuai ia dengan keperluan negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju. Kita tahu dari segi pelaburan, walaupun telah dinyatakan bahawa negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju, mempunyai jumlah pelaburan yang tinggi, tapi juga telah disebutkan saya pun telah bangkitkan bahawa sebenarnya pelaburan negeri Selangor ini telah menurun dan hari ini jatuh nombor dua dibandingkan dengan negeri Johor.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya diberikan peningkatan peruntukan-peruntukan pembangunan dari segi terutamanya membaiki infrastruktur-infrastruktur di dalam kawasan-kawasan perkilangan supaya dengan ini kita dapat menyelenggara dan

menaiktaraf kawasan-kawasan infrastruktur di kawasan perkilangan ini supaya ia dapat membolehkan pelabur-pelabur akan tetap datang ke negeri Selangor. Kita tahu masalah air di negeri Selangor ini telah menjadi suatu hambatan kepada menarik pelaburan-pelaburan. Kita tahu oleh kerana kelewatan kerajaan negeri Selangor untuk bersetuju melaksanakan Langat 2 menyebabkan SYABAS tidak dapat memberikan kelulusan-kelulusan air kepada permohonan-permohonan industri yang menyebabkan industri (bukan saja industri) dan juga pembangunan pemajuan hartanah di negeri Selangor ini terpaksa ditangguhkan ataupun tidak dilaksanakan yang menyebabkan kita kerugian (orang kata) pelaburan berjuta-juta ringgit dan peluang-peluang pekerjaan. Saya sangat berharap perkara ini dapat diberikan perhatian khususnya.

Saya ingat dengan itu, sekianlah ucapan perbahasan saya mengenai tambahan peruntukan rang perbekalan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian, dalam perbahasan di peringkat dasar perbekalan tambahan ini di mana kami telah pun dimaklumkan bahawa ianya akan melibatkan wang sejumlah RM 5.9 juta untuk membiayai kenaikan gaji anggota EXCO dan ADUN yang telah pun diluluskan dalam sidang Dewan yang lepas. Apa pun sekali kita juga dimaklumkan terdapat satu potongan antara 23% sehingga 52% yang akan disumbangkan dan disalurkan ke dalam Akaun Amanah Tabung Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor secara dasarnya Kampung Tunku mengambil pendirian yang sama dengan Sekinchan. Sama seperti apa yang kita bahas dalam sidang Dewan yang lepas. Cuma saya akan memberi hujah saya secara berstruktur dan saya berharap MMKN akan dapat memberi maklum balas cuma secara berstruktur iaitu potongan gaji ini akan membangkitkan persoalan-persoalan seperti berikut:

And Stand Corrected dengan izin sekiranya ada perbezaan pemahaman dalam ketiga-tiga persoalan ini. Iaitu yang pertama sama ada ianya bercanggah dengan prinsip pengasingan kuasa. Saya akan memberi huraian.

Yang kedua, potongan adakah ianya harus dilakukan secara sukarela atau pun secara paksaan *on code or non code* untuk mencerminkan keikhlasan para ADUN. Dan yang ketiga sama ada ianya bercanggahan dengan Prinsip Kedaulatan Undang-Undang ataupun *Route of floor*. Jadi Tuan Timbalan Speaker, Negeri Selangor mengamalkan Prinsip Pengasingan Kuasa dalam Sistem Kerajaan kita. Prinsip ini bermaksud bukan sahaja kuasa kerajaan dibahagi sama rata antara ketiga-tiga cabang kerajaan. Ianya juga termasuk layanan terhadap anggota ketiga-tiga cabang kerajaan ini seboleh-bolehnya adil saksama dan setara. Baru-baru ini Dewan Rakyat telah meluluskan pindaan terhadap Akta Saraan Hakim Tahun 1971 dan mengikut apa yang diperolehi saya, Hakim-Hakim Malaya, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya, Sabah dan Sarawak ialah RM17,754.76 sebulan.

Lebih kurang RM17,800.00 sebulan. Sementara Ketua Hakim Negara menerima gaji sebanyak RM25,000.00 sebulan. Ini tidak termasuk elaun-elaun kehakiman yang saya dimaklumkan akan mencecah antara RM 6,000.00 hingga RM15,000.00 sebulan, tambahan kepada Hakim-Hakim yang berkhidmat di Malaysia ini. Hakim-Hakim di mana hakim di mana-mana hierarki Kehakiman antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan menerima gaji bulanan antara kedua-dua angka ini. Kalau kita dibandingkan gaji yang diterima oleh Hakim dengan gaji yang diterima oleh Y.A.B. Menteri Besar, EXCO, Speaker dan Timbalan Speaker saya rasa gaji-gaji akhir yang dibentangkan kepada kita ini adalah jauh kurang berbanding dengan Hakim gaji yang diterima oleh Hakim. Saya rasa ini adalah satu usaha tidak seimbangan dan ianya mungkin tidak setara, tidak adil dan tidak saksama dari segi prinsip pengasingan kuasa. Pada pendapat saya gaji antara anggota ketiga-tiga cabang kerajaan harus dikekalkan pada paras yang hampir sama. Sama seboleh-bolehnya. Sebarang ketidakseimbangan yang berlaku dalam aspek ini mungkin akan menyebabkan ketidakseimbangan bukan sahaja dari segi kuasa tetapi juga dari segi pengaruh di antara ketiga-tiga cabang kerajaan ini.

Point yang kedua saya, potongan gaji ini akhirnya dikatakan akan salurkan ke dalam sebuah Tabung Amanah MES. Dan saya mengagak ini sebagai satu kerja kebajikan. Soalannya ialah adakah terdapat mana-mana kerja kebajikan di dunia ini yang dilakukan secara paksaan?. Ini soalan saya. Jawapannya ialah saya rasa tidak ada. Semua kerja kebajikan adalah kerja sukarela dan tidak dilakukan melalui ketetapan atau pun paksaan undang-undang seperti apa yang berlaku sekarang. Dan yang tiga sama ada ia bercanggah dengan prinsip kedaulatan undang-undang atau pun dengan izin *route of floor*. Saya membangkitkan isu ini kerana kenaikan gaji ini telah pun diluluskan dalam sidang Dewan yang lepas dan dalam sidang Dewan yang lepas kita meluluskan pindaan ke atas Enakmen Anggota Pentadbiran dan Anggota Dewan Negeri Saraan yang baru dan ianya telah menjadi undang-undang yang sah selepas diperkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan ditepikan dalam Warta Kerajaan. Ia sudah menjadi undang-undang yang sah tetapi sekarang dengan adanya keputusan MMKN ini inya bertukar. Sekiranya undang-undang ini sah maka ianya harus diikuti dan setidaknya dan bukannya diubah-ubah melalui keputusan MMKN yang dibuat kemudian. Walau bagaimana pun saya *stand corrected* dengan izin untuk *point* ini dan saya berharap pihak kerajaan dengan bantuan daripada Penasihat Undang-Undang boleh memberi penjelasan terhadap perkara ini.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga terpanggil untuk memberi sedikit sebanyak hujah atau pun penjelasan terhadap gaji Ahli Dewan Negeri yang tidak disentuh dalam perbahasan atau pun rang undang-undang ini walau pun gaji pokok ADUN tidak terjejas tetapi saya terpanggil memberi hujah dan sejurus selepas Dewan meluluskan pindaan Enakmen ini pada tahun lepas, saya telah diingatkan untuk membuat sedikit sebanyak perbandingan di antara seorang Wakil Rakyat ADUN Selangor berbanding dengan KDNK per kapita rakyat di Negeri Selangor. Saya

memperoleh maklumat daripada Majalah *The Economic* jauh menunjukkan bahawa kebanyakan negara Komanwel membayar antara dua hingga empat kali ganda daripada KDNK per kapita rakyatnya kepada Ahli Parlimen mereka. Dan di Malaysia Ahli Parlimen, di Dewan Rakyat menerima saraan saya telah membuat dari segi pengiraan saraan mereka sedikit melebihi dua kali ganda daripada KDNK per kapita rakyat Malaysia. Dan KDNK per kapita rakyat ini dikira dengan membahagikan KDNK Negara dengan bilangan populasi. Dan mengikut Statistik daripada Unit Perancang Ekonomi KDNK Malaysia tahun 2013 ialah RM1,011 billion dan menganggarkan Selangor menyumbang lebih 22% kepada KDNK ini dan mengandaikan populasi Selangor seramai 5 juta orang maka kita KDNK per kapita Selangor adalah lebih kurang RM44,000.00 Setahun . Ini bersamaan dengan RM3,600.00 sebulan. Bandingkan nilai ini dengan saraan pokok ADUN dengan ada kita sekarang iaitu sepanjang RM11,250 sebulan nisbahnya ialah RM3.1 maksud saya ialah angka 3.1 ini masih terletak di dalam 2 hingga 4 seperti yang dicadangkan oleh Majalah *The Economic Study*. Jadi saya rasa penyelarasan Saraan ADUN Selangor ke paras RM11,250 ini tidak sepatutnya menjadi satu persoalan. Saya menarik perhatian Dewan terhadap gaji Speaker dan Timbalan Speaker. Pertama satu kertas penyelidikan yang dijalankan oleh Majlis Perundangan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong dalam bahasa Inggeris *The Legislative Consult Hong Kong Special Administrative Regent* Hong Kong (Bahasa China) Bahasa Mandarin, Bahasa Kantonis ya bahasa rasmi di dalam Hong Kong. Dalam saraan ahli-ahli bukan terhadap Ahli Parlimen atau pun ahli Majlis Perundangan di Hong Kong tetapi terhadap saraan Ahli-Ahli Parlimen dan yang lain di negara-negara utama Komanwel, ada laman webnya di sini buka surat 6 dalam dokumen tersebut menyebut dengan secara spesifik *rational and* garis panduan yang perlu diterima pakai oleh negara-negara dalam menentukan saraan ahli-ahli perundangan mereka dan hampir kesemua telah menyebut bahawa saraan yang diterima oleh penggubal undang-undang harus setimpal dengan beban kerja dan kedudukan mereka sebagai penggubal undang-undang. Selain itu juga disarankan saraan gaji Speaker dan Timbalan Speaker tidak harus terlalu jauh berbeza daripada Ahli pemegang jawatan Eksekutif dan tidak harus lebih rendah daripada kakitangan kanan kerajaan. Dia ada sebut tentang gaji Timbalan Speaker dan Speaker yang tidak harus jauh berbeza dengan anggota EXCO dan tidak harus terlalu rendah daripada gaji yang diterima oleh kakitangan Kanan Kerajaan. Ada disebut di sini. Jadi saya rasa ini adalah satu perkara yang harus kita lihat dengan teliti mungkin kita agak tergesa-gesa dalam persidangan yang lepas dalam meluluskan pindaan ini dan ramai dalam mengutarakan kepada kita tentang pandangan mereka bahawa kuantum penyelarasan persaraan ini terlalu besar dan mereka mencadangkan supaya mereka ianya dijalankan secara beransur-ansur mengikut *expertise* di luar Negara. Saya secara peribadi bersetuju dengan bahagian yang kedua di mana penyelarasan gaji harus dilakukan dengan lebih banyak perbincangan dan saya mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa bilangan khas Dewan yang khusus perlu ditubuhkan untuk mempertimbangkan sebarang saraan cadangan pada masa depan dalam hal ehwal persaraan Ahli Dewan Negeri. Saya

rasa perkara ini boleh dilakukan supaya dengan adanya Jawatankuasa Pilihan ini kita dapat menjalankan mesyuarat atau pun perbincangan dengan lebih rasmi dan lebih banyak dengan rakyat dengan semua pihak yang ada supaya satu keputusan yang boleh diterima boleh dibentangkan ke dalam Dewan ini untuk perbahasan yang selanjutnya. Selain daripada itu Kampung Tunku juga ingin menyokong cadangan daripada Sekinchan bukan sahaja *driver*, dan pembantu EXCO perlu diberi perhatian dari segi saraan tetapi kita juga harus memberi perhatian kepada pembantu yang diupah oleh ADN, kita juga harus satu bentuk keberanian untuk menjelaskan perkara-perkara ini kepada rakyat. Saya kira dan selepas kita meluluskan Enakmen ini memang ramai yang menerima teguran. Saya juga menerima teguran tetapi saya *engages* dengan rakyat, saya turun ke kedai kopi, saya jelaskan kepada mereka apa yang telah berlaku, apa *reasomnya* kerana saya salah seorang ADN yang berdiri menyokong dan membahar, menyokong meluluskan pindaan enakmen ini. Saya masuk ke *facebook* saya berbahar kadang kala berbahar dengan mereka yang bertanyakan soalan. Ada yang agak nakal tetapi kita menangan mereka, mengambil soalan mereka dan memberi penjelasan dan saya rasa akhirnya sekiranya mereka ini ada *reasonnya* mereka akan menerima hujah kita dan mereka akan bersetuju dengan apa yang kita cadangkan di sini. Seterusnya Kampung Tunku juga ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang beberapa perkara yang saya rasa bagus, perlu dipuji iaitu tentang peruntukan untuk beberapa program pembangunan dan perbekalan dan saya rasa akan memberi impak yang baik kepada kerajaan iaitu sebanyak RM60 juta akan diperuntukkan untuk membaik pulih asrama dan sistem pembedungan UNISEL dan RM8.7 juta untuk membayar emolumen untuk KUIS sebanyak RM100 juta akan diperuntukkan untuk membiayai projek rumah mampu milik. Saya rasa perbelanjaan-perbelanjaan ini adalah tepat pada waktunya. Ianya harus dilakukan. Perbelanjaan ke atas UNISEL dan KUIS harus dilihat sebagai satu bentuk teguran Modal Insan jangka panjang dan tidak dapat dinilai pulangannya bagi jangka waktu pendek dari segi wang ringgit. Ini saya rasa serahkan dengan saya ialah kami faham keadaan dan situasi kewangan yang dihadapi oleh UNISEL dan KUIS saya rasa mungkin Ahli Yang Berhormat dari Permatang boleh memberi sedikit sebanyak petunjuk kepada kita apa yang berlaku dengan KUIS dengan Syarikat AASP ya. Jadi soalan saya kepada anggota atau pun EXCO ialah memandangkan peruntukan sebanyak RM60 juta ini telah pun diperuntukkan kepada UNISEL apakah peratusan siap kerja-kerja pembaikpulihan asrama dan pembedungan yang telah dijalankan sehingga sekarang. Ini soalan saya. Kedua siapakah kontraktor-kontraktor utama yang dilantik untuk projek ini dan adakah mereka sudah dilantik dan sekiranya ya, siapa mereka?. Apakah harga yang telah ditawarkan oleh kontraktor-kontraktor ini dan berapa banyak kontraktor yang telah mengambil bahagian

TUAN TIMBLAN SPEAKER: Ini soalan yang terakhir Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Dan saya ada mungkin empat ayat, empat *point*lah saya minta masa tambahan seminit dua. Berapa banyak kontraktor yang telah

mengambil bahagian dalam tender terbuka dan sepanjang tempoh pelaksanaan projek ini adakah terdapat apa-apa "*varian order*" atau pun lanjutan tempoh pelaksanaan projek untuk peruntukan RM60 juta ini. Saya bagikan soalan ini kerana saya prihatin kerana wang ini adalah wang kerajaan, wang rakyat dan jarang-jarang sekali Menteri Besar kan meluluskan wang yang sebegitu banyak kepada institusi, GLC dan juga Universiti Malaysia ini. Dan sekiranya wang yang di peruntukan kita perlu memastikan ianya digunakan sebaik-baiknya untuk kebaikan bukan sahaja mahasiswa tetapi juga rakyat negeri Selangor. Untuk pembayaran RM8.7 juta untuk emolumen KUIS berikutan perjanjian berat sebelah yang telah ditandatangani Syarikat REDDH Resources Sdn. Bhd. Soalan saya ialah adakah ganti rugi yang perlu dibayar oleh kerajaan sekiranya kerajaan bercadang menamatkan perjanjian konsesi dengan Syarikat REDDH Resources Sdn. Bhd. Ini. Dan yang kedua apakah langkah-langkah susulan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memulihkan kekuatan kewangan KUIS dan yang ketiga adakah kerajaan pernah cuba berunding semula dengan AASP tentang perjanjian konsesi yang berat sebelah ini. Adakah kita pernah cuba *at list* kita cuba untuk berunding dengan Permatang sama ada Permatang mungkin dia boleh bertaubat dan dia boleh membantu untuk membincangkan sesuatu yang lebih baik untuk kerajaan dan rakyat negeri Selangor. Saya berharap Permatang pun dapat mendengar nasihat ini dan melakukan sesuatu atau inisiatifnya. Saya rasa itu adalah perkara yang baik cukup baik untuk seorang Muslim kalau ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, ayat terakhir ya.

Ini ada beberapa lagi cadangan yang saya tidak sempat masuk dalam perbahasan junjung kasih saya juga mencadangkan kepada Yang Berhormat dari Sementa sekiranya boleh kita melakukan melancarkan satu program Ganjaran Kesihatan kepada rakyat supaya mereka ini sekiranya mereka mempunyai *body mass index* yang sihat kita boleh memberi satu ganjaran kepada mereka untuk menggalakkan mereka mengadakan satu gaya hidup yang lebih sihat. Saya rasa itu

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Itu maksudnya tak sihat lah..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ada ramai yang tak sihat..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tadi Yang Berhormat kata, bagi mereka yang BMI yang sihat, maksudnya tak sihatlah...

Y.B. TUAN LAU WENG SANG: Kalau mereka tak sihat kita boleh beri ganjaran. Kiranya mereka boleh mengekalkan BMI yang sihat dalam *range* yang sihat, selama satu tahun dua tahun kita bagi ganjaran ini adalah satu *full factor* untuk menarik mereka kalau tidak berhenti-henti kita *subsidise*, *dialisis*lah, diabetes macam-macam yang kena bayar. Saya rasa ini adalah satu sesuatu yang boleh kita lakukan kadangkala kita kena *think outside of boxes* ya. Saya juga ingin mengingatkan

kepada Yang Berhormat Selat Kelang tentang biasiswa MB dan peruntukan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang masih belum dimasukkan atau pun dilaksanakan saya berharap kita boleh memberi satu jawapan nanti. *Point* yang terakhir Tuan Yang Berhormat Speaker tentang rumah mampu milik saya ingin menyambung soalan Sekinchan semasa permulaan dewan. Beliau pernah bertanya apakah jangka masa ataupun *target* jangka masa untuk kerajaan negeri untuk membina rumah mampu milik ini, kerana rumah mampu milik ini macam *hot potatos*, permintaannya berlaku banyak, tetapi tempohnya terlalu panjang. Jadi saya rasa saya berharap kerajaan negeri Selangor di bawah kepimpinan ADUN dari Chempaka boleh memberi maklumat ataupun *at least* dengan izin *to set some light end of the tunnel for the Ahli Dewan Undangan to know what is the target time frame to the government to build many for the home as soon as possible*. Itu sahaja ucapan saya, saya memohon menyokong usul ini enakmen ini dan saya mengucapkan terima kasih dan mohon maaf sekiranya terdapat apa-apa keterlanjuran kata. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Speaker, untuk mengizinkan Damansara Utama turut serta dalam perbahasan enakmen perbekalan tambahan. Damansara Utama hanya hendak memfokuskan perbahasan saya hari ini kepada perbelanjaan tambahan untuk air percuma dua puluh meter padu. Saya mendapati bahawa kerajaan negeri meminta perbelanjaan tambahan sebanyak RM82.5 juta. Memandangkan penerima air percuma tidak menaik dengan mendadak, perbelanjaan ini sepatutnya boleh dimasukkan dalam bajet tahunan dan bukan bajet tambahan. Dengan itu Damansara Utama hendak meminta penjelasan daripada Kerajaan Negeri Selangor apakah sebabnya kita membuat *creative accounting* seperti berikut. Dengan menambahkan perbelanjaan kalau tambahan ini, dengan tambahan yang kita ada dalam bajet tahunan saya mendapati bahawa kita akan membelanjakan RM165 juta untuk air percuma. Iaitu adalah tujuh peratus daripada jumlah perbelanjaan negeri. Tujuh peratus daripada jumlah perbelanjaan negeri tambah dengan kali ini iaitu jumlah yang kita tambah RM1.85 bilion bajet tahunan dengan bajet tambahan ini RM6491 juta. Daripada jawapan bertulis yang saya dapat saya mendapati bahawa sejak 2008 kita telah membelanjakan sebanyak 775 juta dengan menambahkan belanjaan tahun ini kerajaan negeri telah membelanja satu billion untuk air percuma. Persoalan yang nak saya membentangkan hari ini di dewan yang mulia ini adalah, adakah air dasar air percuma adalah dasar yang terbaik untuk industri air Selangor. Apakah peluang kos satu billion air percuma ini. *What can the one billion do other wise do if there is no free water* dengan izin. Sekarang saya banyak dengar suara rakyat dia tanya ini. Apakah gunanya air percuma apabila kita tiada air. Sekarang kita menghadapi catuan air. *What is the fear of the free water when you don't even has water security*. So memang saya faham

TUAN SPEAKER: Dengan izin ya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Dengan izin. Memang saya faham bahawa catuan sekarang adalah berlaku kerana perubahan iklim kerana kita tidak tahu apa *paten rain* dengan izin, tetapi kejadian ini memang telah memberi peluang kita untuk mengkaji semula pelaburan ataupun peruntukan kerajaan dalam industri air ini. Hari ini saya nak *mengcompare*, membandingkan di antara melabur dalam air percuma iaitu subsidi, *blanked subsidy* dengan izin, atau pun melaburkan dengan **hard ware** CAPEX yang dapat memberi lebih kebaikan kepada industri air dan menjamin kebajikan rakyat pada jangka masa panjang. Bukan satu tahun kita beri air percuma itu memang itu popular tetapi adakah ini perbelanjaan yang paling bijaksana dan cekap. Izinkan saya meletakkan perspektif dewan ini yang mulia ini apakah maksud saya antara air percuma dengan *hard ware* CAPEX. Sebagai contoh, apa jadi kalau kita boleh melabur air percuma satu billion ini kepada CAPEX untuk menurunkan *Non Revenue Water*. Anggaran kos yang dicadangkan oleh *world bank*, bank dunia, ialah ki-kira lima ratus US dolar untuk pengurangan NRW satu meter padu sehari. So kalau kita menurunkan NRW kita akan mengurangkan permintaan air mentah iaitu kita tak payah empangan yang besar. Pengurangan NRW juga akan menjimatkan wang dengan menurunkan kos rawatan dan pengagihan air kerana sekarang kita tidak ada, kita tidak payah merawat lebih banyak air supaya dia boleh hilang di pengaliran.

Saya telah membuat analisis dan sedikit pengiraan dengan mengambil kira perbelanjaan CAPEX dengan menurunkan NRW dan penjimatan yang boleh kita di jana kerana kita kekurangan NRW saya mendapati bahawa ini. Jumlah tanah yang kita perlu untuk menurunkan dua puluh peratus NRW daripada tiga puluh lima peratus sekarang kepada lima belas peratus dalam tempoh empat tahun ialah jumlah yang kita kena belanja ialah RM540 juta dalam empat tahun. Ini hanya adalah separuh daripada apa yang kita belanja dalam air percuma. Kalau kita ambil kira dalam projek HORAS yang kita baru lancarkan iaitu 400 juta tambah kalau kita tambah kedua-dua ini. Ia adalah RM900 juta ataupun *close* dengan *one billion* dengan izin. Kalau kita empat tahun dahulu kalau kita boleh membelanjakan, membelanjakan peruntukan negeri kepada CAPEX pelaburan CAPEX dan juga untuk membina lebih banyak projek seperti HORAS untuk menambahkan air mentah, mungkin hari ini kita tidak akan memerlukan catuan air. Yang kita nak yang *I think the best the most important we need to realize business* dengan izin ia **this is a popular policy may not the best policy to the people. We need, we need water security before free water** dengan izin. Memang sekarang *high populartical* senario ini tidak akan berlaku kerana aset air itu bukan kita punya dan oleh itu kita tidak boleh membelanjakan CAPEX atas aset air. Atau pun kita tidak tahu, tidak dapat tahu bahawa perubahan iklim boleh mendadak dan yang tu. Tetapi selepas penstrukturan semula *I think* Damansara Utama berpendapat bahawa kerajaan negeri wajar mengkaji semula samada kita akan terus menggunakan tujuh peratus peruntukan negeri untuk membiayai air percuma atau pun kita nak melabur kepada

hardware paip, empangan sebagai aset CAPEX aset air yang boleh membawa *water security* dengan izin kepada rakyat Selangor. Kita dengan membuat menurunkan NRW kita juga boleh mengawal tarif air. Ini adalah, ini adalah pendekatan yang terbaik untuk mengawal tarif air dan bukan memberi air percuma. Seperti yang saya cadangkan hari itu kalau kita nak memberi air percuma kita air percuma adalah satu dasar yang bertentangan dengan inisiatif untuk rakyat menjimatkan air. *It is counter attractive there for* saya sudah bercadang bahawa kalau kita nak membawa memberi air percuma kita memberi dalam bentuk subsidi air iaitu rakyat boleh membawa ke bulan seterusnya kalau mereka tidak membelanjakan wang itu. Dengan itu dia boleh menjimatkan wang. Dari segi pengurusan air juga saya difahamkan bahawa Kumpulan Darul Ehsan Berhad KDEB masih dibebani oleh hutang dari dasar kerajaan air percuma dan penghalangan kenaikan air. Damansara Utama berharap bahawa kerajaan negeri boleh memulangkan hutang tersebut kepada KDEB. Kita perlu memisahkan akaun kerajaan dengan akaun GLC supaya kita boleh nampak impak kewangan yang sebenar dasar pengurusan air kita. Perkara seterusnya mengenai air adalah saya nak minta Y.B. EXCO untuk menjelaskan bahawa adakah catuan air yang kita mengalami sekarang adakah ini pendekatan yang terbaik untuk mengawal pengeluaran air mentah dari empangan. Sebab saya mendapat membaca laporan mungkin tak benar catuan air ini hanya dapat mengurangkan penggunaan air tujuh peratus sahaja. Kalau bukan harap penjelasan daripada kerajaan. Itu sahaja dengan ini Damansara Utama menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan tambahan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima kasih Tuan Speaker. Terutama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Port Klang di atas tutorial beliau yang begitu panjang mengenai proses menyempurnakan maksud bajet berimbang yang melibatkan perbelanjaan tambahan yang kita akan bentang pada tengah hari ini sehingga saya dapati bajet berimbang secara keseluruhan ini membolehkan kerajaan negeri memperolehi supplies yang begitu tinggi atau pun akhirnya menyebabkan rizab begitu tinggi berbanding dengan yang lepas-lepas. Walau bagaimana pun saya berpendapat bahawa bajet mutakhir ini termasuk perbelanjaan tambahan yang dipohon yang berjumlah lebih kurang RM2.3 billion ini mempunyai sedikit kelemahan kerana kita dapati fokus di dalam bajet berimbang secara keseluruhan yang saya maksudkan tadi ini tidak mempunyai fokus yang tepat di dalam membantu kerajaan negeri untuk meningkatkan kadar pelaburan di negeri Selangor. Walau pun kita digembar gemburkan dengan peningkatan ataupun perolehan sebanyak RM9.8 billion tetapi ia masih lagi di bawah pencapaian tahun 2012 yang memperolehi lebih kurang RM11 billion perolehan daripada pelaburan. Saya bimbang jika fokus-fokus ini tidak diberi perhatian / *mean* pelaburan ini di sektor pelaburan ini tidak diberi perhatian dengan kenyataan-kenyataan atau bukti-bukti nyata didepan kita terutamanya di dalam ucapan Tuanku pada pembukaan dewan dulu yang

mengatakan bahawasanya KDNK kita diunjurkan akan lebih kurang statik kalau nak di fahamkan daripada kenyataan itu iaitu 6.1 peratus juga pada tahun ini. Jadi dengan kadar itu saya berpendapat bahawasanya peningkatan pembawaan samada domestik atau pun pelaburan luar akan berada dalam paras yang lebih kurang sama.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Batang Kali, minta duduk dahulu, kita. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 1.00 petang maka dengan ini saya menangguhkan perbahasan sehingga jam 2.30 petang ini. Perbahasan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Perbahasan disambung semula. Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, kerana sekali lagi memberi laluan kepada saya untuk menyambung perbahasan pada petang ini mengenai dengan kebimbangan kami di dalam usaha kerajaan negeri menangani kelemahan-kelemahan di dalam sektor pelaburan yang melibatkan perbelanjaan sehingga menambahkan pelan perbelanjaan tambahan ke RM2.3 bilion totalnya. Masih lagi mendapat sedikit keraguan.

Yang Kedua, kebimbangan kami di sini ialah mengenai dengan tadi saya sebut mengenai dengan unjuran KDNK 6.1 yang statik yang menampakkan perkembangan kita pada masa-masa akan datang meragukan, tetapi isu kedua yang saya nak bangkitkan di sini ialah mengenai dengan isu air, walau pun bermacam-macam cara yang kita buat untuk menangani isu air ini tetapi dari pengamatan saya pada tahun lepas atau tahun ini dua puluh sembilan (29) kilang telah menarik diri daripada menyertai pelaburan di dalam negeri ini yang mengakibatkan ataupun yang mengakibatkan nilai pelaburan sebanyak RM3.8 bilion dan kehilangan *opportunity* pekerjaan sebanyak 12,300.

Ini yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini, dan mengikut rekod syabas pula daripada 2012 sehingga 2017 sebanyak 786 projek yang terpaksa ditangguhkan atau tidak dapat dibawa ke dalam Negeri Selangor, jadi ini Tuan-tuan dan Puan-puan bila kita balik-balik kepada perbekalan tambahan atau perbelanjaan tambahan yang diminta, kita lihat sekali lagi bahawa peruntukan bagi menghidupkan sektor pelaburan ini tidak dibuat yang kita tengok dalam isu air ini ada pertambahan sebanyak RM40 juta yang melibatkan pengambilan tanah dan juga dia punya kerja-kerja naik taraf sungai bagi Rasa, iaitu Sungai Rasa di Shah Alam.

Saya berpandangan bagaimana boleh kalaulah RM40 juta ini boleh kita buat satu strategi serampang dua mata di mana di dalam kita mengatasi isu banjir ini dalam masa yang sama dia dapat juga memainkan peranan sebagai *supplementary alignment* untuk membantu pelaburan sektor pelaburan di Negeri Selangor, jangan hanya kita menyebabkan banjir RM40 juta pada kali ini untuk kita buat pembaikan kerana saya lihat RM30 juta semata-mata nak ambil tanah sahaja. Jadi bagaimana kalau benda ini boleh kita buat kita cantumkan dengan usaha pelaburan sedikit boleh kita atasi banjir dan sedikit lagi kita boleh gunakan untuk menambah air di dalam tangki-tangki yang sekarang ini dah mengalami *problem*.

Yang Ketiganya, saya juga ingin menarik perhatian dewan, baru-baru ini saya ada bermesyuarat dengan beberapa peniaga-peniaga di sekitar Sunway ataupun di Lembah Klang mengenai dengan rupa bentuk pelaburan di Negeri Selangor, mereka melahirkan kebimbangan mereka kerana di dapati inisiatif-inisiatif yang kita bekalkan untuk menarik pelabur-pelabur datang ke negeri Selangor ini terlalu mahal ataupun terlepas pandang beberapa perkara.

Yang Pertama yang kita lihat ialah mengenai dengan *conversion* ataupun premium ini, premium mereka mempunyai tanah-tanah pertanian tetapi untuk diatitkan syarat premiumnya terlalu tinggi dan apabila premium terlalu tinggi bila dibangunkan pula cukai-cukai pintu ini menjadi hebat kenaikannya. Jadi ini salah satu faktor yang menyebabkan kita kena pandang dan kita kena urus supaya lebih banyak inisiatif-inisiatif pelaburan yang menarik yang menggunakan bajet-bajet tambahan ini supaya kita boleh menjana pendapatan yang lebih sempurna pada masa-masa yang akan datang. Dan juga kita lihat bahawasanya inisiatif kerajaan di dalam menarik pelaburan ini dari segi galakan dan promosi juga tidak mempunyai bajet yang begitu memuaskan kerana saya lihat bajetnya terlalu kecil untuk kita menarik pelaburan yang boleh mendapatkan keuntungan besar kepada negara kita dan juga negeri.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati Allah sekalian.

Saya juga melihat bahawasanya apabila isu pelaburan ini tidak ditangani dengan baik ia akan ada *change effectnya* kepada sektor ataupun peluang-peluang pekerjaan, ini yang kita nak sebutkan pada hari ini, kalau kita tengok pada teks ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menarik lah, dengan pelaburan 9.8 bilion, Selangor mewujudkan 200,000 peluang pekerjaan, tetapi dari rekod yang saya ada pada 2012 kita mewujudkan 22,000 pekerjaan, pada tahun 2013 kita mewujudkan 10,000 pekerjaan, dan pelaburan kerajaan pusat ialah sebanyak 162 bilion, ini keseluruhan negara, 162 bilion dalam sektor pelaburan dan membawa projek sebanyak 6,442 projek tetapi mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 192,000, jadi saya nampak macam mana negeri Selangor boleh wujud 200,000 sedangkan *federal* mewujudkan 192 ribu, ini satu angka yang kita perlu tengok balik kerana *hansard* yang lepas di dalam jawapan kita kepada Tuan Yang Berhormat Lee Chin Cheh, yang dah *resign* ni yang dah *retire* ni, sebab apa kita tak tahu, dalam jawapan bertulis 66,000 kita punya penganggur dan 52,000 adalah merupakan anak-anak muda yang terdiri daripada umur 15 hingga 35 tahun.

Jadi saya, itu sebabnya dalam soalan-soalan mulut saya pernah berkata bahawa apakah? program-program seperti inisiatif-inisiatif macam jom kerjalah, apa-apa kerjalah yang dibuat oleh kerajaan negeri, banyak program-program yang diagihkan peruntukan-peruntukan secara kecil-kecilan, betul-betul bermanfaat yang boleh mengatasi masalah pengangguran di dalam negeri Selangor, ini yang kita nak tengok dan kita harap kerajaan negeri boleh *review* balik pendekatan di dalam sektor pelaburan ini kerana kita bimbang, kita bimbang dengan kadar KDNK statik dengan

isu air yang kita tak tahu bila lagi nak diselesaikan ada masa MOHAS akan mengambil masa 2.5 tahun ataupun isu Langat 2 kita juga akan mengambil 2 ½ tahun, dalam masa 2 ½ tahun ini kita nak buat apa ni, macam mana nak atasi ni.

Adakah? kita akan menambah lagi pelaburan ataupun kita akan menggalakkan lebih sedikit pengangguran pada masa 2 ½ tahun yang akan datang, mana bajet yang kita nak taruk ini, di mana keperluan bajet kita sebenarnya, adakah ini? pengangguran yang akan mengakibatkan semua inisiatif sosial yang dibuat oleh EXCO-EXCO itu akan terjejas, apakah? Ini boleh diatasi kalau ramai sangat yang tidak bekerja, jadi ini perkara yang sangat penting, jadi pelaburan tak kiralah kalau tak ada kita di peringkat daripada luar FDI kita tetapi daripada dalaman pun cukuplah, tetapi masalah air ni, sebab saya dah berjumpa dengan peniaga-peniaga yang membuat projek berbilion-bilion tu, mereka menganggap bahawasanya untuk melabur di negeri Selangor ini sangat mahal kerana isu air kerana isu premium dan *conversion* dan sebagainya seperti yang saya katakan tadi.

Tuan-tuan Yang Berhormat semua.

Lagi satu perkara yang saya nak beritahu ialah mengenai dengan sebab-sebab apabila kita tidak dapat membawa pelaburan di negeri Selangor ini, kita mempunyai ke pergantungan terlalu banyak kepada kerajaan pusat untuk melaksanakan berbagai-bagai projek di negeri Selangor ini. Jadi daripada saya punya maklumat terkini yang saya dapat ingin saya maklumkan kepada dewan di sini bahawasanya mengikut maklumat kita siling RP for RMK10 adalah RM4.6 juta yang akan dibelanjakan di negeri Selangor oleh kerajaan persekutuan dan ini melibatkan bilangan projek sebanyak 212 projek dengan melibatkan 21 kementerian.

Jadi 37 projek sedang dalam sambungan dan 175 projek lagi akan diteruskan di dalam jangka masa RMK yang ke 10 ini dan itu menunjukkan bahawasanya kerajaan pusat tidak pernah melepas pandang tentang perkara-perkara ataupun kehendak-kehendak rakyat negeri Selangor di dalam membantu mereka mendapat kehidupan yang lebih makmur di dalam negeri yang kita katakan sangat baik untuk diduduki.

Yang satu lagi perkara yang saya nak bawa, Tuan-tuan dan Puan-puan adalah apakah? Pendekatan bajet tambahan yang selalu disebut sebagai bajet berimbang yang akhirnya dapat memberi manfaat yang banyak kepada kita ni perlu dikaji semula, saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Pelaburan Klang supaya melihat balik sistem bajet berimbang kita ini, walaupun dia mempunyai kecekapan di dalam menentukan keluar masuk kewangan tetapi apakah? Dia juga seimbang dengan kehendak masyarakat terutamanya dari segi pelaburan ini, apakah? perlu rizab....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat minit terakhir ya...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya, minit terakhir, apakah? perlu rizab yang banyak itu kita korbankan sedikit dalam masa kecederaan dua setengah (2 ½) tahun ini untuk kita melihat pelaburan ini betul-betul masuk dengan banyak ke negeri Selangor seterusnya KDNK kita tidak statik setiap tahun dalam lingkungan Enam perpuuluh 1 peratus (6.1%). Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ha Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ha, Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima Kasih Tuan Timbalan Speaker, atas kesudian memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada peringkat dasar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan ini,

Tuan Timbalan Speaker, sejumlah wang Empat Ratus Sembilan Puluh Empat Juta, Seratus Sembilan puluh ribu, Sembilan ratus Empat puluh Tujuh ringgit Malaysia (RM494,190,947.00) bagi menampung perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 2014 ini merupakan 27% daripada perbelanjaan Selangor asal yang berjumlah 1.85 bilion.

Jika mengikut kebiasaan, perbelanjaan tambahan hanya sekitar 5% daripada perbelanjaan asal dan tidak sepatutnya melebihi 10%, walau bagaimanapun kerajaan telah mengemukakan butiran terperinci berkenaan perbelanjaan tambahan itu, kerajaan negeri juga berkemampuan mengamalkan dasar ketelusan dan untuk kepentingan rakyat terutamanya seratus RM100 juta dibelanjakan untuk sebagai modal pusingan projek rumah mampu milik yang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah kerajaan Selangor. Maka tiada alasan lagi bagi Kubu Baharu menolak perbekalan tambahan ini.

Tuan Timbalan Speaker, Kuala Kubu Baharu mendapati tambahan sebanyak RM230 juta lebih daripada B06 adalah diperlukan untuk beberapa perkara. Ini menunjukkan kerajaan kita cukup prihatinlah. Tidak seperti Kerajaan Persekutuan, selalu dia menggunakan alasan kekangan peruntukan sehingga banyak perkara dirancang tetapi tidak dilaksanakan. Antara yang saya banggakan ialah tindakan cepat Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek pembinaan jambatan ketiga Klang sepanjang 2 km bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di jambatan yang sedia ada. Projek ini sepatutnya dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat tetapi dia tidak bertanggung jawab, mengabaikan tanggung jawabnya untuk mengatasi kesesakan lalu lintas itu.

Tuan Timbalan Speaker, Kuala Kubu Baharu ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bukan sahaja berlaku di Klang. Kerajaan Persekutuan juga tidak

berniat untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Persekutuan 1 dari Rawang ke Tanjung Malim. Mengikut *hansard* Parlimen Malaysia, pada 27 Jun 2012, Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato' Yong Khoo Seng menjawab soalan Ahli Parlimen Hulu Selangor, Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan mengenai cadangan projek menaik taraf Jalan Persekutuan tersebut adalah seperti berikut. Saya bacakan jawapan dia....

Mengenai cadangan projek menaik taraf Jalan Persekutuan 1 dari Rawang ke Tanjung Malim, projek tersebut sememangnya termasuk dalam perancangan kerajaan untuk dinaiktaraf. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, skop projek itu ialah menaik taraf jalan sedia ada dari 2 lorong 2 hala *single carriageway*, dengan izin kepada 4 lorong 2 hala, *dual carriageway*, dengan izin dengan reka bentuk piawai JKR R5. Anggaran kos projek ialah sebanyak RM350 juta. Sehubungan itu pada masa kini kerajaan, Kementerian Kerja Raya sedang berbincang dengan agensi pusat untuk membolehkan kerja-kerja awalan dan reka bentuk projek berkenaan dilaksanakan terlebih dahulu dalam tempoh *rolling plan* ketiga, Rancangan Malaysia Ke-10.

Jawapan itu sedap didengar macam ada harapan. Setahun kemudian, iaitu selepas saya dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri Kuala Kubu Baharu, saya bertanya di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan jalan persekutuan tersebut pada bulan Jun. Saya membacakan pertanyaan bertulis dan jawapan yang diperolehi.

Pertanyaan saya, adakah cadangan JKR Selangor untuk membantu menjamin keselamatan pengguna jalan raya dari Pekan Rasa keluar ke Jalan Persekutuan 1 Tanjung Malim – Rawang. Jawapannya, jika, *sorry*. Pihak JKR sedang membuat kajian dan akan membuat reka bentuk terperinci dan ianya dijangka akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Belum dilaksanakan ha.

b) Soalan saya, adakah cadangan JKR Selangor untuk membantu menyelesaikan kesesakan Jalan Persekutuan 1, Tanjung Malim – Rawang ke Genting Highland? Jawapan dia. Pihak JKR telah memohon peruntukan dari pihak agensi pusat untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Jalan persekutuan 1 dari Tanjung Malim ke Rawang di dalam *rolling plan* 4, tadi 3 sekarang *roling plan* 4, Rancangan Malaysia Ke-10. Walau bagaimanapun permohonan tersebut telah tidak diluluskan. Pihak JKR akan terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan tersebut dari pihak agensi pusat sama ada melalui kelulusan khas ataupun di dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Jawapan daripada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Selangor menunjukkan Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan cadangan naik taraf Jalan Persekutuan 1 dari Rawang ke Tanjung Malim itu. Saya membuat kesimpulan bahawa rakyat Hulu Selangor tidak didahulukan oleh Kerajaan Pusat Barisan Nasional. Saya dapati tadi, Batang Kali cakap banyak projek dijalankan melalui *rolling plan* yang ke-4. Tapi sini

saya ada jawapan yang, yang akan mengecewakan Batang Kali. Ini, adakah kerajaan, adakah JKR Selangor, soalan saya, adakah JKR Selangor merancang untuk menaik taraf jalan-jalan di Bukit Fraser bahagian Negeri Selangor yang berlubang-lubang sedangkan jalan-jalan di bahagian Negeri Pahang telah di naiktaraf oleh pihak JKR Negeri tersebut sejak tahun 2012.

Jawapannya, untuk maklumat, pihak JKR telah memohon sebanyak 40 jalan-jalan persekutuan di dalam Negeri Selangor untuk dibaikpulih ataupun dinaiktaraf di dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Malangnya oleh kerana kekangan peruntukan di pihak Kerajaan Persekutuan dan juga terdapat keperluan mendesak di sektor-sektor lain, maka kebanyakan projek-projek tersebut tidak diluluskan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, Batang Kali minta mencelah.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Saya, saya tak ada masa.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sikit je, sikit je..

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Kerana ada banyak lagi isu. Tadi dia sudah cakap pasal *rolling plan*

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Boleh, boleh kalau nak tu, saya boleh bagi masa.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Ok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ia, batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Cuma sikit je saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Kubu. Apakah beliau sedar bahawasanya Kerajaan Persekutuan di dalam *rolling plan* kita ini telah membelanjakan sebanyak RM1.258 bilion? Terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Projek apa ni? Saya tak faham dia cakap. Inilah *rolling plan* yang dicakap ini, ini jawapan saya baru datang, *hot potato*. Baru, dengan izin, *hot potato*, baru saya dapat semalam. Jadi saya tak tahu mana satu dia rujuk kepada RM1.2 juta. Yang saya minta itu ialah..

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kita mengikut projek

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: RM350 juta.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kerajaan Pusat membuat bajet. So kita kena ikut bajet. Kita tak ada banyak membuat bajet-bajet tambahan. Kalau kita ada buat bajet tambahan, mungkin *request-request* daripada Yang Berhormat Kuala Kubu boleh kita tambah. Jadi tak boleh dikatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak ambil peduli tentang Kerajaan Negeri sedangkan kita telah berbelanja sebanyak RM1.25 bilion. Terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Saya masih tak faham RM1.2 tadi kata juta sekarang bilion. Dekat mana ni? Yang penting itu Jalan Persekutuan 1 dari Tanjung Malim ke Rawang itu, ini bukan minta pada hari pertama. Ini sudah berpuluh-puluh tahun. Minta daripada Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikannya tapi tidak diselesaikan lagi sampai hari ini.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak mohon mencelah

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ia, Kuala Kubu Baharu nak bagi kat siapa? Dekat Kampung Tunku, ada Rawang, ada Batang Kali.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Bagi Batang Kali dulu. Nanti Kampung Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, Batang Kali dulu.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: *You* kena tengok sebab kita ada...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat rujuk kepada semua Ahli Yang Berhormat sebagai Yang Berhormat dalam Dewan ni ya?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ok, Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Speaker atas teguran tersebut. Saya nak bagi pandangan saya dan pertanyaan juga kepada KKB, Kuala Kubu Baharu bahawasanya apakah tidak dia perhatikan kita telah menambah bajet yang begitu besar kerana projek yang hampir tergendala untuk *bypass* Rawang ke, ke, ke Templer. Perbelanjaan telah bertambah. Jadi dalam masa yang sama kita juga meminta laluan daripada 2 *carriage highway*, daripada Rawang ke Tanjung Malim dengan perbelanjaan yang hampir ke RM200 ke RM300 juta juga. Jadi kita, harga itu telah kita bawa ke *bypass* Rawang itu. Dalam masa yang sama kita hendakkan lagi dengan segera supaya Rawang ke Tanjung Malim itu disegerakan. Jadi kena ada sikit apa ni pertimbanganlah, pertimbangan perasaan sikit dengan kewangan yang telah dibuat unjuran yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya sebenarnya mengikuti perkembangan di sini dan saya pernah menyandang jawatan sebagai, hah tadi saya kan? Boleh ya?

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Boleh, boleh, boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, sebab KKB bagi terus ya?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bagi ya?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tapi kena jawab dua-dualah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Menyangdang jawatan ADUN angkat untuk Kuala Kubu Baharu dan saya ingin, semua ini, saya ingin bertanya kepada Kuala Kubu adakah benarnya, sebenarnya bergantung pada *political view*. Kalau kita lihat dulu, Mantan Menteri Besar, ADUN Sungai Panjang yang terdahulu, bila jadi Menteri Besar saja dia boleh pakai wang daripada kerajaan dengan bantuan daripada Kerajaan Pusat buat jalan 2, 4 lorong ya. Yang Berhormat Sekinchan pasti tahu. Dulu jalan itu hanya 2 lorong sahaja, sekarang ni 4 lorong. Ini adalah dasar *political view*. Sama ada kerajaan nak buat atau tak nak buat. Dan isu ini bukannya hari pertama. Isu ini sebenarnya sudah berpuluh-puluh tahun diminta kerana kesesakan lebuh raya utara selatan. Nak buat jalan, nak *upgrade* jalan dari Tanjung Malim ke Rawang supaya ia boleh digunakan oleh pengguna jalan raya. Sekarang ni, jalan tu 2 lorong, gelap tak ada lampu. Kadang kala banjir, ada lubang lagi, ada macam-macam *exit* ada kemalangan jalan raya. Perkara ini sampai sekarang tidak ada penyelesaian. Kerajaan Negeri nak buat tetapi jalan itu Jalan Persekutuan 1, nombor 1. Saya pernah tanya Mantan Gombak Setia, mantan EXCO Gombak Setia yang menjadi EXCO Infrastruktur. Tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Kalau kita rujuk Buku Bajet RM10. Jadi saya bertanya Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, adakah ini layanan ini adil untuk pengundi-pengundi Parlimen Hulu Selangor yang memberi sokongan yang begitu padu kepada Barisan Nasional? Saya nak tanya

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Rawang mahu mencelah juga?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: 10 minit

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya mohon mencelah Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Saya rasa Batang Kali cukuplah. Bagilah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak sekarang, KKB nak bagi laluan ke atau nak teruskan?

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Tadi, terima kasih teguran daripada Tuan Timbalan Speaker. Tadi Tuan Timbalan Speaker kata ada masa sikit lagilah, tak pe saya gunakan masa 3 minit lagi. Saya bagi Rawang dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ia, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Sebab jalan tu banyak kali disebut Rawang, Kampung Tunku pun sebut Rawang jadi saya kena bagi penjelasan sikitlah. Jadi saya rasa balik kepada tadi, persoalan Yang Berhormat Batang Kali. Dikatakan memang ada projek Rawang *bypass* tetapi kita tahu kalau ikut prinsip Menteri di Kerajaan Persekutuan, jalan-jalan yang di utama tu biasanya jalan yang bertol, satu. Yang kedua, dia minta kalau tak suka dengan jalan bertol, pergi ikut jalan yang lain tak de tol. Jadi Jalan FT01 ini memang jalan tak de tol untuk rakyat-rakyat biasa. Dan saya memang sahkan memang JKR Gombak sendiri katakan walaupun ada buat *survey* dengan izin, jalan tetapi memang tak ada peruntukan. Bukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk naik tarafkan jalan ini yang dari dulu ya satu jalan yang bersejarah FT 01 yang kita jalan lama ke Ipoh sampai sekarang. Kita bayangkan sudah berapa lama, berpuluh-puluh tahun belum naik taraf lagi. Jadi itu yang saya ingin jelaskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bukan sahaja, Yang Berhormat minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, ini giliran KKB. Ini bukan giliran Rawang ya. Ini giliran KKB. KKB nak bagi atau tidak?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nak tambah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya minta kalau boleh pendekkanlah ya sebab banyak lagi Ahli yang nak berbahas

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Satu ayat saja

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Tak pe, bagi dia

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak, kena tanya pada KKB sebab ini giliran KKB bukan giliran, kena minta kebenaran KKB.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Saya bagi Kampung Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Pendek saja, saya ingin bertanya kepada Kuala Kubu Baharu, maaf saya orang Ipoh. Bahagian Jalan Persekutuan, FT01 dari Ipoh ke Tanjung Malim lebih kurang 80 ke atau 70% telah pun di naik taraf 4 lorong kebanyakannya. Tetapi mengapa jalan dari Tanjung Malim ke Rawang ini di anak tirikan? Ini sudah soalnya. Saya rasa kalau barangkali, barangkali pun berminat nak jawab. Kalau bolehlah. Tak pe, tapi soalan kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ni KKB dah macam jadi EXCO ni ya? Saya minta KKB simpulkan jawapan kepada semua dan habiskan apa tu ucapan Yang Berhormat.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Ya, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ucap terima kasihlah atas ingatan daripada Kampung Tunku dan juga Rawang. Berkenaan dengan soalan daripada Tanjung, soalan daripada Batang Kali, ini bajet itu dah lama dirancangkan dan tidak dilaksanakan, ini yang *point* saya nak cakap di sini. Yang kata *bypass* tak *bypass* itu, itu ialah rancangan lain. Tak ada kaitan dengan ini. Tak kan nak rancangan yang lain nak curi duit rancangan ini? Lagi kepada soalan yang dikemukakan oleh rakan saya di, yang Berhormat Rawang dan Kampung Tunku, memang benarlah. Ini adalah satu tidak keadilan. Itu sebab saya cakap rakyat Hulu Selangor tidak didahulukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional boleh memperuntukkan RM476.19 juta semasa pilihan raya kecil Kuala Besut, Terengganu tetapi tidak meluluskan RM350 juta untuk 1 permohonan yang bukan sahaja boleh mengatasi kesesakan lalu lintas tetapi juga menjana pembangunan ekonomi. Dan apa yang disebutkan oleh Batang Kali tadi menarik pelaburan. Ini adalah satu infrastruktur yang baik boleh menarik pelaburan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Nak, nak mencelah.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Cukuplah, cukup. Nanti

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sikit je

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Tuan Speaker tak bagi saya masa habiskan, tak sempurnalah. Apatah lagi sekarang, Ahli Parlimen Hulu Selangor sudah menjadi Timbalan Menteri. Timbalan Menteri selepas PRU 13 tapi masalah ini tidak diselesaikan lagi.

Tuan Timbalan Speaker, rakyat Hulu Selangor tidak nampak apa-apa usaha yang dilakukan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 1 ini oleh Kerajaan Pusat. Mereka, saya tak tahu apa yang disebut oleh Batang Kali tulah. Mereka terlepas pandanglah, tadi dia ada cakap terlepas pandang. Terlepas pandang terhadap projek ini. Jadi saya terpaksa meminta jasa baik Kerajaan Negeri demi kepentingan rakyat Hulu Selangor untuk mempertimbangkan cadangan tersebut iaitu menaik taraf Jalan Persekutuan 1, dari Rawang ke Tanjung Malim itu selepas selesaikan pembinaan jambatan 3 Klang. Biarlah kita ambil alih tugas 1 kali lagi Kerajaan Pusat. Kalau kita memang mengambil berat masalah rakyat Hulu Selangor dan saya percaya rakyat Hulu Selangor akan membantu kita hancurkan Barisan Nasional. Sekiranya Kerajaan Negeri menaik taraf jalan tersebut. Inilah hasrat

kitalah. Jika ini berlaku pada pilihan, pada PRU 14, maka saya akan mempunyai rakan seperjuangan bukan lagi merupakan wakil rakyat Pakatan Rakyat yang tunggal di Hulu Selangor. Itu saja permintaan saya kepada Kerajaan Negeri. Sekian sahaja perbahasan saya, saya menyokong perbekalan tambahan ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Rawang ingin turut serta dalam perbahasan tentang Enakmen Perbekalan Tambahan 2014 ini. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap 2 topik yang utama. Yang pertama, berkenaan dengan pemerksaan Dewan dan yang kedua berkenaan urus tadbir yang baik dan juga yang dimaksudkan dengan *integrity pact* ini. Rawang menyambut baik bahawa sikap kerajaan yang membentangkan sekali lagi tentang penambahan ini yang mana salah satu perkaranya menyentuh tentang kenaikan elaun Ahli-ahli, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan Ahli Dewan Negeri Selangor. Pada saya ini bukan satu cara ya bila kita tunduk terhadap kritikan. Bagi saya, ini adalah satu cara politik baru yang mana kita harus bersikap terbuka terhadap segala pandangan baik yang diberi oleh ahli politik mahupun orang awam. Sebab Dewan ini adalah bertanggungjawab kepada rakyat yang mana kita ada Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat. Jadi, segala kenaikan, penambahan, pengurangan setiap sen pun patutnya dibentangkan dalam Dewan ini untuk demi urus tadbir dan ketelusan yang baik. Dan kita harus mengubah satu sikap ataupun anggapan bahawa *Government is always right* dengan izin. Ada kalanya *government will might to do the wrong thing or do the wrong policy but we must have the courage to correct it* dengan izin Tuan Speaker. Jadi saya rasa ini adalah 1 reformasi yang kita katakan mahu kita tunjukkan kepada rakyat bahawa kita sanggup berdepan dengan kritikan, dengan keadaan sikap minda yang terbuka dan dengan itu kita bawa balik kepada Dewan untuk didebatkan.

Dan kita sedia maklum bahawa peranan Dewan Negeri kita tidak sama dengan zaman dahulu. Kalau kita tengok sekarang, kita sudah ada 9 jawatankuasa yang ada di bawah Dewan Negeri Selangor ini yang mana kita bukan sahaja bersidang 3 kali dalam 1 tahun tetapi pada hari kita tidak bersidang, setiap minggu pun kita adakan sekurang-kurangnya sekali mesyuarat di bawah Jawatankuasa Dewan ini untuk kita berbincang tentang isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara baik pun mana-mana aduan yang diterima oleh jawatankuasa. Jadi ini menampakkan bahawa Dewan Negeri sekarang, Ahli Dewan Negeri sekarang memainkan peranan yang lebih aktif dan juga tanggung jawab kita sudah tentunya sudah bertambah berbanding dengan zaman yang dahulu. Jadi dengan ini saya rasa kenaikan elaun dan juga peranan yang ada ini juga harus diadakan sejajar dan kita perlu wujudkan sistem sokongan yang sepatutnya kepada Dewan dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri di Selangor ini. Dengan itu saya ingin bertanya bahawa apakah status tentang Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor yang telah

kita bincangkan dalam penggal yang lepas dan pada Sidang Dewan yang lepas juga telah dibangkitkan bahawa enakmen ini akan diluluskan dengan secepat mungkin supaya kita boleh mewujudkan pengasingan kuasa di antara Dewan Negeri dengan eksekutif dan sistem kehakiman yang kita amalkan dalam sistem Raja Berperlembagaan ini. Jadi saya mohon kalau boleh ada 1 maklum balas daripada pihak Kerajaan sebab saya difahamkan bahawa sudah ada banyak proses perbincangan telah diadakan. Kalau ada, apakan cabaran yang kita hadapi dalam untuk kita meluluskan enakmen ini supaya kita boleh memperkasakan sekali lagi untuk Dewan ini memainkan peranan yang lebih aktif?

Saya juga bersetuju dengan cadangan Kampung Tunku bahawa kita perlu wujudkan sebenarnya satu jawatankuasa khas untuk mengkaji tentang isu kenaikan elaun ataupun gaji kepada Ahli Dewan Negeri ini. Sebab kita tahu bahawa kali kenapa ada satu debat yang begitu hangat dan perbincangan yang begitu kuat ataupun kritikan daripada masyarakat umum, ahli-ahli politik dan wakil NGO dan sebagainya tentang kenaikan elaun ini adalah disebabkan prosesnya. Prosesnya sama ada kita telah mengambil pandangan semua pihak yang terlibat, dengan izin *stake holders of the state*. Termasuk bukan sahaja Ahli Dewan Negeri, pihak eksekutif kerajaan tetapi juga wakil-wakil NGO, pakar-pakar ekonomi yang mana mereka boleh mengimbangi pandangan ini dengan membawa pandangan mereka dalam jawatankuasa khas ini.

Saya cadangkan kalau boleh jawatankuasa khas ini boleh mengadakan satu pertemuan secara berkala supaya kita boleh mengkaji juga tentang elaun Ahli Dewan Negeri ini secara berkala sama ada seperti praktis, di korporat setiap tahun mereka akan menilai ataupun kita mahu tetapkan satu piawaian yang lain supaya kita boleh adakan penilaian dengan satu pandangan yang lebih objektif dan lebih menyeluruh supaya *gap allowance* dengan izin jurang ini antara Ahli Dewan Negeri dan juga eksekutif tidak terlalu jauh berbeza banding kakitangan awam ataupun rakyat jelata. Sebab kita mainkan peranan bukan sahaja pada saya, bukan sahaja gaji atau pun elaun yang dipegang tetapi lebih kepada peranan sosial kita sebagai Ahli Dewan Negeri yang perlu menggubal polisi dan undang-undang dan juga membawa perubahan dan reformasi kepada sistem yang kita ada di Kerajaan Negeri Selangor ini.

Yang keduanya, saya ingin bertanya juga tentang sejauh manakah Kerajaan Selangor telah melaksanakan *integritypact* dengan izin dalam kalangan jabatan ataupun agensi Kerajaan Negeri ataupun anak-anak syarikat Negeri Selangor. Saya rasa adalah penting untuk kita memahami apakah kriteria dan proses dan apakah hasil atas pelaksanaan *integritypact* ini. Kita nampak dalam isu urusan PKNS baru-baru ini juga telah banyak mengundang pertanyaan dan *integritypact* dengan izin juga disebut dalam pendengaran awam semasa isu ini dijalankan. Dan kita tengok juga dalam isu penjualan tanah yang dimiliki oleh, yang dijalankan dalam projek *Canal City* yang dibuat oleh PNSB ini. Juga banyak pertanyaan dibangkitkan. Jadi

saya ingin tahu sama ada dalam di sebahagian daripada *integritypact* ini sama ada kerajaan juga mewajibkan anak-anak syarikat barangkali dalam sebarang urusan niaga jual tanah ataupun pelaksanaan projek ia adalah melalui secara tender terbuka. Termasuk untuk projek *Canal City* ini. Adakah ia dijalankan secara tender terbuka ataupun ada cara-cara lain yang dilaksanakan sejajar dengan *integritypact* ini.

Jadi Timbalan Speaker, ini cuma 2 isu yang ingin saya bangkitkan dan saya menyokong untuk Enakmen Perbekalan Tambahan ini.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahir rahmanir rahim*. Saya menyentuh beberapa perkara dalam Rang Undang-Undang Perbekalan. Pertamanya tentang dimulakan dengan tidak terlewat untuk kita mengucapkan Selamat Hari Vesaki kepada rakan-rakan Sikh kita dan sambutan tahun baru Tamil bagi orang India. Dan saya ingin mengulang apa yang telah saya ungkapkan beberapa sidang Dewan yang lepas bahawa masyarakat Sikh Punjabi mempunyai dah memberi sumbangan yang agak besar kepada pembangunan Negeri Selangor tetapi mereka masih lagi merupakan masyarakat ataupun komuniti yang minoriti. Saya dalam sidang-sidang yang lepas telah mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan agar Hari Vesaki dijadikan hari cuti umum. Jadi kalau boleh ditimbang sekali lagi ini akan memberikan 1 impak yang besar dan penghargaan yang tinggi kepada masyarakat Punjabi Sikh yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan kerajaan dan ekonomi Negeri Selangor.

Keduanya, pada hari ini adalah 14 April iaitu beberapa tahun dahulu 11 tahun yang lalu kita namakan sebagai *Black Fourteen*, hari gelap di mana Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dianiaya, diaibkan, dipukul, dibelasah hingga separuh mati dan 13 tahun yang lalu 10 hari sebelum *Black Fourteen* pada tahun 2001 saya dan beberapa rakan yang lain telah ditahan di bawah ISA bagi kali kedua. Dan kita memberi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang merupakan kerajaan yang pertama membawa usul di dalam sidang Dewan untuk menentang kezaliman ISA dan berjuang untuk memansuhkan ISA. Dan Alhamdulillah, hari ini kita telah mendapat hasil daripada perjuangan kita di mana ISA telah dimansuhkan. Dan Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini diisytiharkan oleh Dato' Menteri Besar memperuntukkan peruntukan RM500 ribu daripada Geran Selangorku yang akan diuruskan oleh Yang Berhormat Kajang untuk membela mereka yang telah dianiaya di bawah Undang-Undang ISA yang kejam. Jadi kita menghargai sumbangan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan. Dan saya menyeru dan meminda agar satu garis panduan bagaimana wang ini akan digunakan dapat ditentukan oleh pihak kerajaan.

Berkenaan dengan gaji, elaun Ahli Dewan Negeri, saya menghargai pandangan dari Sekinchan dan Kampung Tunku. Walau bagaimanapun saya mendapat *fitback* dengan izin daripada akar umbi yang mengatakan bahawa kalau gaji dan elaun ADN tu okey. Tetapi dari segi lonjakan peningkatan berganda yang diberikan kepada Menteri Besar, EXCO, Speaker dan Timbalan Speaker agak keterlaluan. Contohnya, peningkatan sebanyak 231% kepada EXCO, 261% kepada Tuan Speaker dan sebanyak 373% kepada Timbalan Tuan Speaker adalah keterlaluan. Jadi saya menyokong tindakan kerajaan yang telah membuat keputusan untuk membahagikan sebahagian daripada peningkatan itu kepada Tabung Amanah dan oleh kerana itu peningkatan gaji kepada EXCO, kepada Speaker adalah memadai dan wajar iaitu sebanyak 143% berbanding peningkatan ADN sebanyak 89.5%. Dan demikian juga peningkatan gaji dan elaun Tuan Timbalan Speaker sebanyak 260% adalah wajar.

Dan Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengungkapkan di sini beberapa, masa dulu saya telah mendengar daripada ulasan Dato' Menteri Besar bahawa peruntukan ini dengan mudah rasanya dapat didapati daripada rizab daripada hasil simpanan rizab Negeri Selangor. Dato' Menteri Besar telah menyatakan setiap tahun simpanan kita akan menjanakan faedah sebanyak RM40 ataupun RM60 juta. Dan dengan itu, angka RM505.9 juta adalah kacang. Dah mudah sahaja akan dijana. Permintaan saya sebagaimana yang telah saya minta dalam beberapa sidang yang lepas adalah agar akaun Kerajaan Negeri Selangor dipindahkan daripada akaun yang ada riba kepada akaun yang tidak ada riba. Kalau tidak boleh dilaksanakan sekurang-kurangnya saya menyeru dan merayu agar disalurkan peruntukan gaji ADN ini ke dalam akaun yang tidak riba. Ini adalah satu reformasi yang saya harap dapat dilaksanakan oleh Kerajaan negeri Selangor.

Berkenaan dengan B04 Perbendaharaan Negeri, tambahan sebanyak RM251 juta 200 ribu di mana sebanyak RM82 juta 500 ribu diperlukan bagi menampung bayaran program air percuma 20 meter padu. Pertama, bagi bulan Julai hingga Disember 2014. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa apa yang penting adalah proses ini membawa 1 proses perkongsian. Perkongsian di antara rakyat dengan kerajaan dalam menguruskan dan mentadbirkan perjalanan pentadbiran air. Dan sebagai menepati hasrat dan Makasid Syariah, sumber-sumber seperti bahan bakar, kawasan ragut, bahan api dan sumber air ini tidak boleh diswastakan. Sebaliknya hendaklah dimasyarakatkan dan dijadikan sebagai harta awam. Sesuai dengan itu, saya amat menyokong, saya amat menyokong konsep yang telah dibawa oleh Dato' Menteri Besar iaitu konsep ataupun pelaksanaan saham air untuk rakyat Negeri Selangor. Di mana seluruh masyarakat Negeri Selangor, warga Negeri Selangor mempunyai aset air. Aset ataupun saham dalam air.

Dan dengan itu saya ingin melihat bahawa setiap kali pertambahan bajet yang berkaitan dengan menampung perbelanjaan program air percuma 20 mp pertama ini hendaklah dilihat di dalam konteks untuk membawa perkongsian bersama dengan

rakyat. Agar rakyat memahami bahawa dalam pentadbiran air, kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat berhasrat untuk mewujudkan perkongsian agar air ini dijaga dengan baik. Dan setiap itu kita melaksanakan pendidikan. Pendidikan di mana hendaklah air ini dijamin penggunaannya, dikurangkan pencemarannya, kalau boleh sifar pencemaran dan setia warga Negeri Selangor mempunyai kefahaman bahawa aset air adalah satu yang sangat penting dalam *survival* dengan izin rakyat Negeri Selangor. Dan dengan itu saya menyeru bermula dari sekarang dikonsepsikan, diwar-warkan, distrukturkan, diperjelaskan apakah pengertian saham air untuk rakyat Negeri Selangor. Agar konsep itu dapat memberi komitmen dan perkongsian yang padu diantara kerajaan dan rakyat untuk benar-benar terasa terlibat bahawa dalam aset air ada kepentingan seluruh rakyat negeri Selangor generasi sekarang dan generasi akan datang.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang peruntukkan seratus juta ringgit yang diperlukan bagi modal pusingan projek Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS). Dan berkaitan dengan ini saya ingin menyentuh tentang pengurusan perumahan di mana kawasan-kawasan perumahan ada ketikanya di bawah majlis-majlis yang tertentu mempunyai pencahayaan malam yang agak tidak memuaskan samada dari segi kerosakan ataupun dari segi pencahayaan itu sendiri. Jadi saya menyeru agar program ini dilihatkan secara bersepadu. Di antara sumbangan Kerajaan Negeri Selangor dan sumbangan yang dilakukan oleh Lembaga Perumahan bahawa dari segi pencahayaan malam dan kawasan-kawasan waktu malam di bawah majlis penggunaan elektriknya ada rebet. Ada rebet daripada pihak Kementerian Kerajaan Pusat. Sekiranya bil elektrik yang digunakan oleh sesuatu Ahli Majlis ataupun PBT itu contohnya satu juta maka dia akan mendapat rebet lima puluh peratus iaitu RM500 ribu. Jadi apa yang berlaku saya difahamkan ada maklumat mengatakan apa yang diinginkan oleh pihak PBT masing-masing adalah persaingan siapa yang dapat rebet lebih tinggi. Jadi saya rasa konsep ini tidak begitu tepat. Yang lebih tepat ialah bagaimanakah penjimatan itu boleh digunakan bagi meningkatkan servis kepada rakyat dengan peningkatan pencahayaan malam. Jadi dengan ini kita boleh mencerahkan waktu malam di kawasan-kawasan gelap yang akan mengurangkan kes-kes jenayah dan dalam masa yang sama kita berharap dari segi rebet yang dapat daripada kerajaan pusat itu akan dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Keduanya saya ingin menyentuh tentang pengurusan cerun di mana Majlis di peringkat kerajaan tempatan diberikan ruang untuk membuat pinjaman. Saya melihat kes seperti MPAJ. Untuk makluman Dewan yang mulia melalui Mesyuarat MMKN pada 5 Mac 2014 telah meluluskan pinjaman sejumlah 10.6 juta kepada MPAJ. Ini sebagai contoh. Untuk melaksanakan kerja penstabilan cerun di lima lokasi yang dinyatakan di kawasan Hulu Klang dan Bukit Antarabangsa. Walau bagaimanapun terdapat kerja-kerja ini masih belum dilaksanakan kerana ianya bergantung kepada beban kewangan MPAJ. Sehingga kini pinjaman *committed* MPAJ dengan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM4.51 juta. Dan pinjaman belum

committed yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah dianggarkan RM25.8 juta. Dengan kadar hutang yang telah *dicommit* dan akan *dicommit* dengan izin oleh MPAJ sebagai contoh masih terdapat banyak lagi cerun-cerun yang boleh dianggap berbahaya yang perlu penyeliaan dan rawatan. Tetapi memandangkan implikasi hutang sekiranya nak dibaiki nak dirawat cerun-cerun itu akan menimbul membebankan meningkatkan lagi beban MPAJ maka ada keengganan ataupun ke...rasa tidak mudahlah untuk pihak MPAJ untuk membuat pinjaman. Jadi saya melihat perkara ini adalah sebagai satu perkara yang agak ganjil di mana sewajarnya kerajaan negeri memberi sedikit bantuan sehingga tidak menyebabkan pihak majlis teragak-agak untuk membuat rawatan cerun dan pemulihan cerun dengan baik.

Tuan Timbalan Speaker, akhirnya saya ingin menyentuh tentang pembangunan Sg. Klang di kawasan Klang Gate hinggalah ke kawasan Jelatek di mana projek itu hampir siap, projek *River Of Life* daripada Kerajaan Pusat JPS Malaysia dan agensi-agensi yang terbabit di situ dan saya dapati bahawa pihak Kerajaan Pusat di bawah pemandu dan JPS Selangor ROL(*River Of Life*) telah memperuntukkan sebanyak lima puluh juta ringgit untuk pembinaan Setinggalan Kampung Fajar. Penempatan semula bukan pemindahan dan pemindahan IKSAU 3. Jadi ini merupakan satu ruang untuk menyelesaikan masalah setinggalan dan masalah penempatan kedai yang tidak teratur. Yang penting sekali keadaan pengurusan tebing sungai yang lebih baik di Sungai Klang. Dan dalam beberapa pertemuan yang saya hadiri isu yang ditimbulkan oleh agensi-agensi terbabit adalah tentang Kerajaan Pusat nak buat duit, nak buat pemulihan tetapi dianggapkan bahawa proses itu agak rumit dari segi urusan tanah dan sebagainya. Jadi saya merayu dan menyeru pihak kerajaan untuk mempertimbangkan perkara ini dengan cepat agar projek pemindahan IKSAU3 dapat dipercepatkan dan penempatan semula penduduk setinggalan dengan izin, peneroka Bandar di Kampung Fajar dapat dipercepatkan. Jadi ini adalah satu model di mana dalam konteks itu selepas projek di Kampung Fajar siap menurut keputusan mesyuarat perancangan mereka *project owner* kepada pengurusan Kampung Fajar adalah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Tuan Timbalan Speaker itulah yang ingin saya sumbangkan dalam perbahasan ini dan saya menyokong apa yang dikemukakan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAMARAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi laluan kepada Bukit Gasing untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Dalam perbahasan ini kita akankita melihat satu isu air yang cukup besar peruntukannya di dalam bajet tambahan ini sebanyak lapan puluh dua juta...lapan dua....*eighty two point five million* diperuntukkan dan ini menggambarkan setiap tahun kita membelanjakan sebanyak seratus enam puluh lima juta ringgit untuk air seperti mana yang diperkatakan oleh Damansara Utama

tadi ini adalah satu amaun duit yang cukup besar. Pertama kali saya ucapkan tahniah kepada Y.A.B. Pelabuan Klang, Menteri Besar kami kerana walaupun membelanjakan sebanyak besar amaun ini kita dapat menunjukkan prestasi kewangan Negeri Selangor tidak menurun tetapi meningkat sehingga sekarang terdapat tiga billion di dalam rizab kami. Tetapi saya ingin mencadangkan pada hari ini bergerak ke hadapan. Seratus enam puluh lima juta ini adalah suatu amaun yang cukup besar. Saya rasa kita perlu menilai impak perbelanjaan ini ke atas rakyat negeri Selangor dan apa pilihan-pilihan kami yang kita ada selain daripada memberi air percuma untuk memberi impak yang lebih besar kepada semua penduduk Negeri Selangor.

Saya tidak nafikan yang miskin mendapat impak yang paling besar. Keluarga-keluarga yang miskin di flat kos rendah dan sebagainya saya sokong kita terus memberi bantuan seperti air percuma ini. Tetapi kepada keluarga yang sederhana kaya dan kaya di negeri Selangor yang cukup banyak yang tinggal di rumah-rumah teres, di rumah banglo di kondominium-kondominium mewah ini. Impak subsidi sebelas ringgit sebulan tidak ada impak yang kuat ke atas mereka. Impak sebelas ringgit subsidi sebulan tidak boleh dirasai dibanding perbelanjaan bulanan pendapatan mereka. Tetapi sebelas ringgit sebulan ini apabila dikumpulkan diseluruh negeri Selangor menjadi satu jumlah wang yang sangat besar sehingga mencecah lebih daripada lima ratus ringgit tujuh peratus daripada bajet Negeri Selangor pada hari ini. Dalam seratus enam lima puluh juta ringgit saya memberi dua alternatif kepada Dewan yang mulia ini. Yang pertama, Perkhidmatan Pengangkutan Awam di Negeri Selangor adalah sangat kurang memuaskan. Jika kita lihat keadaan trafik jam di seluruh negeri Selangor daripada Klang ke Subang Jaya ke Petaling Jaya ke Ampang ke Kajang, setiap hari waktu pagi waktu petang pergi ke kerja, pulang daripada kerja kita lihat jam yang sangat teruk disebabkan pengangkutan awam yang kurang baik. Ramai penduduk negeri Selangor tidak ada pilihan tetapi mengambil kenderaan sendiri untuk pergi dan pulang daripada kerja. Di seluruh Lembah Klang pada hari ini hanya terdapat 1,500 bas yang berkhidmat. Andaikan, sebab data tidak ada kita buat satu andaian mungkin separuh daripadanya terletak di Kuala Lumpur dan hanya separuh di kawasan Selangor.

Dengan membelanjakan RM165 juta ini kita mampu meletak seratus...minta maaf...lima ratus bas di atas Jalan Raya....kalau bas itu adalah bas percuma. Dengan seratus enam puluh lima juta ini kita mampu membiayai kos untuk meletakkan lima ratus bas di atas jalan raya hampir dua kali ganda yang ada pada hari ini. Ini, bas-bas awam ini yang kita boleh letakkan boleh membantu rakyat dari kawasan perumahan mereka untuk sampai ke stesen komuter, stesen LRT dan bakal pada masa depan stesen MRT untuk mereka pergi ke kerja. Inilah adalah satu cadangan yang saya letak di hadapan Dewan yang mulia ini. Jika kita mengenakan sedikit tambang untuk bas ini bukan tambang percuma. Kita kenakan sedikit tambang, Mungkin tambang yang minimum "token sum" kita boleh tingkatkan daripada 500 bas, mungkin sehingga tujuh ratus ataupun seribu bas yang kita boleh

letak di atas jalan raya. Kerajaan pusat kata dalam NKRA nak mengembangkan perkhidmatan awam tetapi hari ini kita hanya lihat pembinaan MRT yang diutamakan. Tetapi pembinaan MRT tidak cukup. Di seluruh negeri Selangor walaupun terdapat 50 stesen yang terdapat laluan MRT yang senang dibina sekarang macam mana penduduk akan sampai ke stesen tersebut. Impak yang besar untuk penduduk ialah kebolehan mereka dari rumah dan pejabat mereka untuk sampai ke stesen. Jadi satu perkara yang kita boleh buat bukan dengan dua tiga bas sahaja yang ada pada hari ini di MBSA dan MPPJ tetapi satu sistem, *a big transformational system impact we can do for the Klang Valley*, dengan izin. Mungkin untuk mengkaji seratus enam puluh lima juta ini, ada tak satu cara yang kita boleh membelanjakan dia dengan lebih baik. Satu cadangan yang saya boleh beri, cadangan kedua untuk macam mana kita boleh membelanjakan seratus enam puluh lima juta ini dengan lebih impak ialah untuk membantu golongan yang miskin memiliki rumah. Memang bagus terdapat seratus juta *revolving fund*, dengan izin untuk LPHS membina rumah mampu milik. Itu saya ucapkan tahniah. Dah lama kita meminta untuk perkara ini hari ini kita nampak dalam bajet tambahan. Tetapi saya mencadangkan kita boleh tubuhkan satu lagi tabung yang lain. Bukan untuk membina rumah tapi untuk membantu golongan miskin Bandar pada hari ini untuk membeli rumah kos rendah yang *second hand* dengan izin di bandar-bandar kami. Di Petaling Jaya mungkin tidak akan wujud lagi pembinaan rumah kos rendah disebabkan tanah sudah tiada. Tetapi ada banyak rumah yang di pasaran, sekunder, yang bakal boleh dibeli oleh orang-orang miskin ini tetapi mereka tidak mampu mendapat pinjaman bank, mungkin sudah *black list*, mungkin tidak cukup umur dia ataupun tidak ada gaji yang formal, bank tidak nak beri pinjaman kepada mereka. Oleh kerana itu mereka tidak dapat beli walaupun rumah-rumah ini "*relative recheap*" dengan izin tujuh puluh lapan puluh ribu mereka boleh beli daripada pasar...pasaran sekunder. Lebih daripada orang kaya membeli rumah kos rendah ini sebagai pelaburan dan menyewa balik dengan harga tiga empat ratus lima ratus ringgit sebulan. Lebih baik kita menolong golongan miskin di kalangan kami untuk memiliki rumah sendiri.

Kalau rumah dalam sekitar harga RM80,000.00 dengan pinjaman untuk 30 tahun boleh jadi RM300.00 sebulan sahaja mereka perlu bayar. Berbanding hari ini kalau tengok di Petaling Jaya keluarga-keluarga miskin membayar RM450, RM500 sebulan untuk sewa flat kos rendah tersebut. Yang seterusnya jadi saya harap Dewan yang sebesar ini kepada isu yang seterusnya, saya harap di pihak kerajaan dan dewan yang mulia ini boleh memberi pertimbangan walaupun air percuma adalah satu polisi yang popular takkan ada orang tak nak benda yang percuma memang semua orang nak benda yang percuma. Tetapi kita menilai berapa impak sebenarnya kepada kualiti kehidupan penduduk Negeri Selangor jika air terus diberi secara percuma. Atau pun kalau kita tukar polisi untuk terus berikan air percuma kepada golongan miskin sahaja dan untuk yang selainnya kita menggunakan wangnya ke dalam satu inisiatif memberi impak untuk membantu rakyat. Memang isu air perlu dibaiki, memang ada banyak kelemahan-kelemahan dalam sistem air

hari ini yang menyebabkan kepada catuan air tetapi saya lihat isu itu lain daripada isu subsidi percuma ini.

Dan wang ini perlu difikirkan impaknya yang paling baik untuk digunakan. Seterusnya saya ucapkan tahniah kepada semua Barisan MMKN kami yang menerima satu kenaikan gaji, ini adalah untuk kerja-kerja kuat yang dilakukan dan cukup tekanan untuk setiap Ahli-Ahli MMKN kami untuk melaksanakan kerja mereka. Dengan peningkatan gaji kepada taraf dunia pertama saya ingin membawa balik apa yang saya bahaskan beberapa hari yang lepas. Bahawa kita juga perlu mementingkan bandaraya-bandaraya kita supaya menjadi taraf dunia pertama juga. Hari ini kita dalam *cosssroad* dengan izin hari ini Bandar-bandar di Negeri Selangor adalah sederhana tidak teruk sangat, tidak baik sangat. Tidak teruk seperti MADRAS di India, Manila dan sebagainya tetapi bukannya baik sangat sehingga Singapura ataupun Perth, Melbourne dengan izin. Dalam hari ini tahun ini 2014 ke mana kita akan pusing bukan secara nasib bandar kita akan menjadi satu bandar yang maju, bukan secara nasib bandar kita akan menjadi satu *city* dengan izin bertaraf tinggi. Kita harap isu ini boleh dijawab di dalam debat ini. Saya harap pihak kerajaan Barisan Ahli MMKN akan berusaha untuk mencari inisiatif-inisiatif ke arah meningkatkan kualiti-kualiti bandar kita supaya menjadi kualiti bandar bertaraf dunia pertama. Sejajar dengan sekarang gaji-gaji Ahli MMKN sudah menjadi tinggi seperti dunia pertama dan akhir sekali saya ingin sentuh kepada prestasi PBT-PBT terutamanya di kawasan saya Bandaraya Petaling Jaya. Antara isu besar yang dihadapi oleh penduduk ialah aduan yang tidak dijawab ataupun aduan yang tidak boleh selesai. Terdapat banyak aduan yang dilakukan oleh penduduk kepada MPPJ yang belum selesai lagi atau pun lambat untuk diselesaikan. Ini sepatutnya tidak berlaku. Sepatutnya pihak MPPJ perlu prihatin supaya setiap aduan yang diterima diselesaikan dalam KPI mereka yang dikatakan dua minggu atau pun lebih cepat tetapi tidak panjang hingga beberapa bulan masih lagi tidak selesai. Saya ingin membawa beberapa, 3 sahaja contoh. Satu ialah isu tadahan air di Seksyen 5, Petaling Jaya yang aduan dibuat oleh penduduk pertama kali dibuat pada 7 November 2013. Email dihantar kepada MPPJ, MPPJ membalas 14 November, Satu minggu kemudian, ini adalah sangat lambat sepatutnya email aduan patutlah dibalas dalam 1 atau 2 hari. Bukan satu minggu tetapi tidak apa nombor rujukan aduan pun diberi 123-21820 tetapi selepas itu semua senyap tidak ada maklum balas sehingga 28 Januari masih lagi tiada tindakan dapat dan pada 14 Februari bila ditanya kepada MPPJ dibagi tahu aduan ini sudah selesai. Apabila dilihat dalam rekod MPPJ aduan ini dibuka pada 14 November dan direkodkan sebagai selesai juga 14 November tanpa apa-apa dilakukan di tapak. 5hb Februari 2014 saya telah menulis kepada MPPJ untuk supaya tindakan diambil kepada aduan ini tidak ada apa-apa balasan kepada surat saya. Dan saya telah panggil satu lawatan tapak pada 16 Februari 2014 semasa lawatan tapak dengan pihak kejuruteraan isu *waterponding* dengan izin telah jelas dilihat. Memang pegawai-pegawai yang hadir memberi.....dengan izin aduan itu akan dilaksanakan dan akan diselesaikan.

Tetapi hari ini pada 14hb April yang saya berdiri di dalam dewan ini masih lagi aduan ini tiada apa-apa tindakan ataupun maklum balas lanjut dari mereka.

TUAN SPEAKER: 1 minit.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sedikit sahaja *sahaja*. Yang kedua satu aduan di Seksyen 9, Petaling Jaya juga dibuat pada tahun lepas 29 Oktober. Tidak ada apa-apa jawapan kepada email ini dan pada 4 November saya ia tulis kepada MPPJ, masih lagi tiada jawapan kepada aduan ini yang aduan berkenaan isu Denggi dan nyamuk. Aduan ini komplek sebab banyak nyamuk di kawasan dia sehingga 13hb November daripada 29 Oktober hingga 13hb November, 2 minggu masih lagi tidak ada apa-apa jawapan daripada MPPJ. Tidak ada apa-apa balasan, dan tidak ada apa-apa nombor rujukan diberi. Selepas 2 minggu kami membuat satu lagi aduan baru kami dapat maklum balas dan maklum balas pada hari itu diberi aduan sudah selesai pada Februari 7, 2013 Mustahil aduan ini diselesaikan pada Februari 7, 2013 memandangkan aduan ini pada hanya dibuat pada Oktober 2013. Pada 29 November MPPJ menjawab dia akan datang membersihkan longkang supaya tiada pembiakan nyamuk lagi tetapi sehingga 15 Disember masih lagi tidak dibersihkan. Pada 16 Disember turun ke padang bersama pegawai MPPJ, pemantau MPPJ tengok lalang yang tumbuh dalam longkang sedia maklum dan mengaku berbulan-bulan longkang ini tidak dibersihkan. Kalau tidak lalang tidak boleh tumbuh setinggi di dalam longkang, selepas itu 18 Disember dia telah bersihkan longkang tetapi kalau saya tidak turun ke tapak adakah longkang itu akan tidak dibersihkan sehingga hari ini. Inilah aduan-aduan rakyat yang masih tidak terjawab. Akhir sekali.

TUAN SPEAKER: Ayat terakhir Yang Berhormat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Di Seksyen 18, Petaling Jaya maklum ramai rumah telah ditukarkan premis komersial sepatutnya rumah sekarang dibuat stor perniagaan, dibuat *second hand car business* dengan izin dan sebagainya. Ketenteraman penduduk sedia ada di taman itu terjejas, mereka hilang kualiti kehidupan yang dahulu ada disebabkan tiada tindakan daripada MPPJ. Sejak Pilihanraya yang lepas, Mei tahun lepas kami berulang alik lawatan tapak, mesyuarat di Petaling Jaya tetapi sehingga hari ini perniagaan-perniagaan tersebut masih ada lagi di kawasan Seksyen 18. Tiga perkara ini saya bangkitkan sebagai contoh saya harap kita mengambil satu pengajaran dari sini, perlu ambil serius aduan-aduan ini. Kalau kita nak jadi bandaraya yang taraf dunia pertama kita mesti respons dengan baik terhadap aduan-aduan daripada penduduk. Tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tidak boleh di *ignore* dengan izin. Jadi saya harap selepas hari ini kita boleh nampak sedikit penambahbaikan, perkara yang saya bangkitkan bukan untuk mencaci mana-mana pegawai tetapi saya bangkitkan supaya kita boleh sedar untuk kebaikan perkhidmatan semua PBT bukan sahaja di MPPJ tetapi seluruh dan semua PBT di Selangor untuk kebaikan rakyat dan terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelik.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek untuk menyokong peruntukan pembangunan tambahan 2014. Salam sejahtera kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan. Tuan Speaker peroperasian KLIA dan LCCT yang menyediakan beribu-ribu peluang pekerja, pekerjaan telah menjadikan jalan utama kampung-kampung seperti kampung Baru Labu Lanjut sebagai jalan pintas destinasi kerja. Kesesakan lalu lintas berlaku kerana jalan sedia ada amat sempit untuk menjamin keselamatan dan keselesaan penduduk-penduduk serta pengguna-pengguna jalan raya. Kerja pelebaran jalan di kawasan kampung tradisional amat diperlukan untuk menampung bilangan kenderaan yang semakin meningkat. Memandangkan peruntukan MARRIS menanggung kerja menurap jalan sahaja maka Sungai Pelak memohon jasa baik Kerajaan Negeri Selangor untuk meluluskan pelebaran jalan kampung tradisional dari peruntukan tambahan perbelanjaan pembangunan dapat disalurkan ke kampung tradisional yang lain yang menghadapi masalah kesempitan jalan. Tuan Speaker tekanan air di DUN Sungai Pelek semakin rendah. Pihak Syabas bimbang kebocoran paip menjadi punca utama kerana sistem perparitan di DUN Sungai Pelek amat usang. Sungai Pelek menyuruh pihak kerajaan Selangor sekali lagi meluluskan peruntukan tambahan untuk menggantikan sistem perparitan yang baru sebelum projek pelebaran jalan B48 dari Jenderam Hulu hingga Pekan Sepang dijalankan. Tuan Speaker memandangkan caruman wang pembangunan meningkat kepada RM237 juta Sungai Pelek berharap pihak kerajaan memberi peruntukan kepada kampung-kampung tradisional yang berhampiran dengan jalan besar harus dibekalkan sebuah pintu gerbang *krum* dengan izinnya seperti pintu gerbang Kampung Baru Cina yang sedia ada di Sungai Pelek. Projek sedemikian bukan sahaja boleh menaikkan imej kampung tersebut bahkan imej Negeri Selangor sejajar dengan kedudukan Selangor sebagai negeri metropolitan termaju di Malaysia. Tuan Speaker memandang bilangan penduduk Sungai Pelek bertambah dengan pesatnya kawasan Sungai Pelek amat memerlukan Kompleks Sukan dan Taman Rekreasi untuk menampung keperluan penduduk setempat. Terutamanya penduduk-penduduk sekitar kawasan selatan DUN Sungai Pelek yang ingin menjalankan senaman untuk menyihatkan tubuh badan. Selama ini kawasan *jogging* penduduk setempat terhad kepada taman-taman perumahan yang kurang dijadikan tempat bersenam. Penyediaan Kompleks Sukan dan Taman Rekreasi membuka peluang kepada remaja untuk melakukan aktiviti yang sihat seterusnya mengurangkan masalah sosial yang memudaratkan. Selain daripada itu sekolah-sekolah yang berdekatan yang tiada padang bersesuaian juga boleh menggunakan kompleks sukan untuk menjalankan sukan tahunan sekolah. Rakyat sihat negeri maju. tempat senaman yang sesuai merangsangkan minat sukan di kalangan rakyat dengan kata-kata itu Sungai Pelek mengakhiri dengan ucapan saya terima kasih kepada kerajaan Negeri Selangor. (Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan menepuk Meja).

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Seri Serdang ingin mengambil bahagian untuk membahaskan iaitu anggaran perbelanjaan pembekalan tambahan pertama 2014 bagi kerajaan Negeri Selangor. Seri Serdang ingin membawa tajuk di bawah B03 Dewan Negeri Selangor iaitu perkhidmatan dan bekalan khas kepada khususnya kepada hospitaliti. Seri Serdang ingin mengulangi peruntukan kebajikan khas iaitu untuk insurans kesihatan kepada semua ADUN-ADUN dan kakitangan SUK serta pegawai-pegawai kawasan seperti mana yang diperolehi oleh EXCO, kakitangan GIC dan Ahli-Ahli Majlis PBT yang mempunyai klinik panel dan hospital swasta untuk kemudahan kakitangan. Seri Serdang sekali lagi bangun memohon peruntukan tambahan DUN yang diperlukan untuk DUN yang paling ramai di dalam Negeri Selangor ini dan telah membawa usul di persidangan yang lepas yang telah dibahaskan dan diluluskan. Hanya Seri Serdang nak tahu sejauh manakah pelaksanaan untuk dilaksanakan. Yang keempat perlu Kerajaan Pakatan Rakyat berbelanja RM60 juta kepada Perbadanan Menteri Besar untuk baik pulih UNISEL. Jawabnya ya.

Kita perlu perbaiki atas kelemahan pentadbiran Barisan Nasional perlu untuk menanggung segala beban yang telah dipikul Pakatan Rakyat maka biarlah Pakatan Rakyat memikul bebanan ini dengan keadaan walaupun kritik oleh pihak pembangkang baru-baru ini. Seterusnya isu banjir, isu banjir ini adalah setiap kali dalam sidang DUN tapi alhamdulillah kerajaan telah mengambil salah satu insentif untuk membuat satu perubahan belajar yang begitu besar untuk tambatan banjir di Shah alam yang perlu diingatkan juga. Kawasan Seri Serdang juga merupakan kawasan banjir begitu juga Sri Muda yang sering kali 6 tahun yang berturut-turut kata beliau dalam sidang beliau memohon DUN peruntukan untuk banjir ini dan diharap pihak kerajaan mengambil satu insentif dan perhatian kepada DUN-DUN lain. Seterusnya peruntukan bagi bajet akan datang mudah-mudahan bajet ini dapat dibelanjakan kepada yang memerlukan dan diharap kebajikan-kebajikan rakyat tidak diabaikan. Seri serdang dengan ringkasnya penyokong dengan bajet tambahan 2014. sekian *wassalam*.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Teratai telah menyertai sesi perbincangan mengenai memo redam perbendaharaan mengenai anggaran perbelanjaan pembekalan tambahan pertama. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat perbelanjaan pembekalan haruslah selaras dengan manifesto Pakatan Rakyat mengikut skala kesesuaian masa. Teratai menyokong dan menyahut baik atas perbelanjaan tambahan oleh Kerajaan Selangor selaras dengan manifesto Pakatan Rakyat dalam memberi air percuma kepada rakyat Selangor dengan izin Tuan Speaker *minit to work away talk*. Isu pemberian air percuma tidak harus hentikan masalah bekalan air yang berlaku bukan sahaja di

Negeri Selangor tetapi terjadi seluruh Malaysia. Terdapat pertambahan sepanjang Dewan di Negeri Selangor yang menampung pertambahan gaji atau elaun wakil-wakil rakyat. Teratai di sini menyeru Menteri Besar EXCO malahan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain supaya membuat dekorasi aset masing-masing yang mana Kerajaan Selangor pernah buat sekali sebelum ini akan tetapi pertambahan anggaran perbelanjaan pembekalan tambahan ini secara mendadak harus dikaji dengan lebih teliti terutama untuk *vot-vot* kan berlaku di luar jangkaan seperti pembinaan jambatan ke-3 Klang menaik taraf jalan projek jambatan banjir di Sg. Rasah, Shah Alam. Terutamanya untuk kerja-kerja yang sepatutnya dipikul di atas bahu Kerajaan Persekutuan. Teratai menyahut baik sekiranya kerajaan Selangor menambahkan perbelanjaan ini adalah selaras dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan menambahkan peruntukan kebajikan Masyarakat. Teratai menyeru supaya pertambahan peruntukan kebajikan supaya jadikan Selangor sebagai negeri Kemiskinan sifar. Terdapat Yang Berhormat yang telah mengesakan Kerajaan Selangor menubuhkan satu yayasan untuk tempat ibadat bukan Islam seperti di Lembaga Zakat. Jadi Teratai menyeru Kerajaan Negeri Selangor menambahkan peruntukan untuk menubuhkan yayasan untuk Hal Ehwal Bukan Islam demi kebajikan rakyat. Pertambahan peruntukan yayasan berkenaan haruslah berlandaskan prinsip *ekuiti* (dengan izin) dan kesamaan. Mengikut peratusan inflasi rakyat di Selangor Teratai mengharap Kerajaan Selangor dapat bersetuju dengan cadangan ini pada hari ini sebab hari ini merupakan hari tahun baru untuk golongan Tamil yang boleh menjadikan Negeri Selangor Kerajaan Pakatan Rakyat membuka satu lambaran baru yang bersejarah untuk kerajaan Selangor. teratai juga mengesakan Kerajaan Selangor supaya mendapat menyelenggarakan dewan penambahbaikan bangunan-bangunan Sekolah Agama. Seperti Sekolah Agama Kg Cheras Baharu supaya sekolah-sekolah rendah agama ini dapat menampung bilangan pelajar yang semakin tambah daripada masa ke semasa. Pelajar-pelajar harus belajar di tempat yang selesai supaya mereka boleh menumpukan perhatian semasa pembelajaran. Tapak sekolah haruslah dibina untuk sekolah bukan untuk disewa kepada pihak tertentu untuk buat perniagaan yang lain seperti di tapak Sekolah Lembah Maju. Akhirnya Teratai ingin membangkitkan isu dengan surat khabar Selangor Times yang pernah dijadikan surat khabar yang penting untuk rakyat Selangor terutama sekali penduduk di kawasan bandar. Selain daripada maklumat program-program wakil rakyat yang telah diadakan Selangor Times juga telah memberi maklumat ini seperti contoh dasar-dasar kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat Selangor Times. Selangor Times yang telah dibukukan haruslah dicetak semula dengan sokongan dana Kerajaan Selangor. Jadi Teratai dengan ini menggesa supaya Kerajaan Selangor membuat peruntukan bajet peruntukan tambahan selaras dengan manifesto Pakatan Rakyat Selangor. kita harus memberi keyakinan kepada rakyat Selangor supaya Selangor memegang janji dan memang pegang janji. Maka dengan ini Teratai menyokong bajet tambahan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Y.B. Bangi.

Y.B. TUAN Dr. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahirrahmanirahim*. Saya ini turut sama dalam perbahasan tambahan ini untuk menaik dua tiga perkara. Yang pertama mengenai UNISEL. UNISEL ini adalah institut penting kerajaan Negeri yang dijaga *direct* Negeri Selangor dan juga KUIS kedua-duanya sekali di bawah Kerajaan Negeri Selangor. keistimewaan kedua-duanya ini adalah di bawah *control* yang boleh menentukan hala tuju UNISEL dan KUIS ini. Tetapi tidak nampak perbezaan adakah tidak nampak lebih kedua-dua institut ini berbanding institut lain. Oleh sebab kita memerlukan anjakan kedua-dua institut ini maka saya ingin mencadangkan supaya negeri mengambil insentif yang lebih untuk mempromosikan kedua-dua institut ini dalam masyarakat bagi menjadikan ia berbeza dengan institut yang lain. Kalau kita melihat UNISEL bersifat teknikal kalau KUIS bersifat ilmu pemikiran. Jadi apakah wajar untuk kita mencadangkan kepada kedua-dua institut ini supaya melibatkan semua program ini ke dalam masyarakat. Supaya pelibatan supaya ilmu yang mereka ada kedua-dua institut ini sampai ke masyarakat. Adalah tidak membanggakan mana-mana institut kalau kedua-duanya pendidikan yang mereka terima hanya terkongkong dalam kotak fikiran mereka sahaja atau dalam kampus mereka sahaja. Saya ingin mencadangkan supaya satu penyediaan bajet di fikiran untuk memberikan satu janaan untuk program kemasyarakatan kedua-dua universiti ini. Sebagai contohnya sekiranya boleh kita minta satu program khusus untuk mahasiswa ini turun padang untuk melibatkan diri dalam semua program-program kemasyarakatan yang menjadi yang mempunyai nilai akademik tinggi di situ. Kalau sepenuhnya atau sebanyak-banyak kepada akademik saya fikiran mereka sama seperti orang lain. Tapi kalau boleh kita hendak lebihkan dalam pelibatan masyarakat dalam aspek-aspek membantu masyarakat untuk mereka lebih tahu dan sedar selepas mereka keluar esok mereka mudah masuk ke masyarakat ke masyarakat. Saya mengambil contoh pelajar-pelajar di KUIS kita perlu pelibatan ramai untuk sukarela masuk ke kawasan-kawasan Mualaf dan Orang Asli sebagai contoh atau mereka yang Mualaf memerlukan bimbingan dan kita ada kuliah, dakwah di sana. Apakah tidak bagus mereka ini ramai-ramai menceburkan diri dalam memfokuskan aktiviti-aktiviti mereka dalam membantu Mualaf untuk mengembangkan ilmu mereka. Kemudian contoh yang dua bagi KUIS bagi khidmat masyarakat untuk membantu luar-luar bandar kawasan luar bandar. Terutama bagi menyelesaikan masalah infrastruktur yang asas yang tidak dapat diselesaikan segera dengan Kerajaan Negeri. Dan ini dengan secara tidak langsung membantu pelajar-pelajar ini untuk terus melibatkan dalam program kemasyarakatan. Tuan Speaker kedua mengenai Universiti ini ialah mengenai infrastruktur yang telah diperuntukkan sebegini banyak dalam program membaik pulih kedua-dua infrastruktur yang pertama baik pulih KUIS dan emolumen KUIS. Saya ingin menarik perhatian tentang infrastruktur yang saban kali dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan yang kita dengar banyak daripada ADUN bangkang misalnya. Saya seolah-olah merasakan perkara yang disembunyikan kepada orang awam seolah-olah saya takut benda ini akan menjadi aset kepada kita negeri hendak menyembunyikan sesuatu kepada orang awam apa yang berlaku di sebalik kejadian itu. Atau apa sejarah yang berlaku sebegini rupa sudah bertahun-

tahun kita bagi bajet tambahan memerlukan lagi semata-mata untuk kerosakan yang dibuat oleh orang lain. Apa benda yang hendak disembunyikan atau perlu kepada panggilan mereka ber SELCAT kita SELCAT supaya kita tak nak lagi berulang lagi lepas ini bangkit lagi bajet tambahan baik pulih atau terus sedia ada. Ia seperti momokkan yang menakutkan kita yang memerlukan jawapan yang jelas daripada pihak kerajaan negeri. Tuan Speaker saya membangkitkan kepada soal penerangan negeri yang pada pandangan saya kurang berkesan ke akar umbi kita mendengar banyak perkara yang diberi dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk maksud penambahbaikan UNISEL contoh atau pun isu air. Saya difahamkan dia mengambil berbagai-bagai tapi masih tidak difahami apa negeri buat hatta Negeri Dewan tanya apa negeri buat. Ini bermakna perjalanan kita tidak sampai ke telinga mereka. Kalau Ahli Dewan sendiri bertanya-tanya pa yang kita boleh harapkan oleh orang di bawah-bawah sana yang berterusan bertanya apa negeri buat untuk membantu masyarakat masalah air ini. Tanpa kita prejudis kepada kerajaan negeri kita faham negeri buat tetapi penerangan kita tak sampai ke akar umbi dan Selangor Kini kita ada *online* tetapi masih belum sampai kepada *public*. Adakah di sana kekurangan dalam aspek menarik perhatian awam pada media kita, kita ada media tetapi tidak boleh menarik mereka ini media kita yang sepatutnya menjadi fokus kepada kita supaya mereka semua memerlukan jawapan terus rujuk kepada media rasmi kerajaan bukan kepada *wechat* daripada media-media lain yang menambahkan berbagai-bagai persepsi yang mungkin memburukkan kerajaan negeri yang sedia ada. Bagi maksud ini saya ingin mencadangkan satu peruntukan tambahan untuk diberikan kepada media menyediakan *billboard* setiap ADUN ini terus sepanjang tahun. Saya hendak mengambil contoh di Bangi, di Batu Caves, di Ulu Kelang bil *billboard* yang kerajaan negeri buat diletakkan hilang pada Hari Raya Puasa. Hilang tidak tahu ke mana ini bukan banting atau pun bina *billboard* hilang. Saya mengadu kepada kawasan saya bukan Bangi sahaja tapi dua tiga tempat lain juga ini bukan kerja kecil ini kerja orang besar yang ada infrastruktur yang besar untuk mengalihkan keperluan kita kepada...silakan.

TUAN SPEAKER: Sg. Panjang minta mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: *Billboard* yang hilang yang pakai songkok atau yang tidak pakai songkok sebab banyak *billboard* di Bangi pakai songkok dan tidak pakai songkok.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN NGAH: Itu Bangi yang mana satu?. Ada songkong ada kopiah kedua-duanya sekali sebab Bangi orangnya muda. Sekiranya kita kurang memberi tarikan-tarikan saya minta jasa baik kerajaan Negeri Selangor sekali lagi supaya menyediakan peruntukan kepada setiap DUN kalau dapat dua *billboard* sudah memadai dua DUN. Bagi kita menarik perhatian awam kepada media kita kerana kita merasa bahawa awam sangat perlu kepada penarikan perhatian mereka kepada kita. Akhir sekali Tuan Speaker saya sebenarnya mengharap dalam bajet tambahan ini untuk satu peruntukan kepada penyelesaian masalah sampah di MPKj

kerana di dalam tempoh dua tiga tahun ini masalah sampah MPKj sangat mendesak. Betul kalau kita mendengar jawapan daripada kerajaan negeri ada perancangan yang hendak kita buat jawapan secara holistik betul-betul tetapi mengapa tidak ada *interim solution* dengan izin.

Penyelesaian segera yang munasabah yang kita boleh terima, masyarakat boleh terima selesaikan masalah dengan cara yang matang dan berkesan. Jangan menunggu sehingga kajian selesai entah 4 tahun, 5 tahun lepas *election* jawab nak kaji lagi. Saya sangat bimbang masalah sampah MPKj semakin terus barahnya dan kita tertekan akhirnya Kajang esok hilang entah Kajang pun hilang juga. Ini bukan masalah main-main atau pun *simple* bagi kami dia sangat *serious* dan memerlukan perhatian yang serius dari pihak Menteri Besar sendiri kerana bila Menteri Besar serius tangannya masuk ke kawasan itu Insya-Allah masalah ini kita boleh selesaikan dan berkat sementara menunggu holistik itu akan dilaksanakan ke seluruh negeri Selangor. Tuan Speaker, saya memohon menyokong, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin menggulung atau memberi apa-apa penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkit tadi. Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang UNISEL seterusnya pendidikan. Tadi terima kasih kepada Teratai yang telah membangkitkan tentang RSA Kampung Cheras Baru supaya menyediakan keadaan yang lebih kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran dan juga tentang tapak sekolah di Lembah Maju. Saya akan lihat dengan Jabatan Agama Islam JAIS. Terima kasih juga kepada Bangi yang telah menyarankan untuk mengambil inisiatif UNISEL dan Kuiz. Untuk makluman Bangi, Ahli-Ahli yang Berhormat sebenarnya kedua-dua UNISEL dan Kuiz telah diberikan satu syor di mana memang siswa, siswi mereka ini perlu dilibatkan di dalam program masyarakat iaitu dalam program siswa untuk makluman Bangi sendiri baru-baru ini dua hari yang lepas saya merasmikan satu program di mana pelajar di UNISEL pergi ke luar bandar kampung luar bandar yang agak jauh Kg Sg Sekendi, Sg Air Tawar di mana mereka ini membuatkan program bersama-sama orang kampung dan disebutkan tadi tentang muafak dan sebagainya ya Insya-Allah kita akan perbanyakkan lagi pelbagaikan aktiviti-aktiviti dalam proses kita memasyarakatkan kedua-dua Institusi ini untuk menambahkan nilai lagi untuk keraguan-keraguan daripada UNISEL dan Kuiz. Apa ini disebutkan oleh Bangi tentang masalah kita memohon bajet tambahan untuk menambah baik sistem kumbahan di UNISEL dan juga Kuiz emolument di Kuiz. Untuk makluman Bangi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebenarnya Kuiz ini bukan di bawa Kerajaan Negeri Selangor sepenuhnya. Sedikit-sedikit adalah kerana EXCO Pendidikan tidak dimasukkan di dalam sebagai Ahli Lembaga di situ dan saya mendapat maklumat hanya daripada Kuiz itu sendiri. Kuiz ini diwujudkan oleh MAIS dan peruntukan RM12 juta oleh MAIS setahun itulah menjadi satu apa yang

menjaga sepenuhnya Kuiz selama ini. Kerajaan Negeri baru inilah yang kita memberikan sedikit bantuan untuk memberikan dengan izin *The Revolving Fund* untuk emolumen kerana mereka di dalam keadaan yang agak tenat dan saya harapkan Insya-Allah nanti KUIZ boleh lagi rapatkan dengan kita Kerajaan Negeri bawah Jawatankuasa Tetap Tinggi ini. Mengenai apa yang di tanyakan Kampung Tunku pagi tadi yang agak spesifik di mana memang kita sekarang ini alhamdulillah proses projek penambahbaikan sistem kumbahan itu berjalan dengan agak lancar dan *dateline* dengan izin 30 Jun ini Insya-Allah kita harapkan mudah-mudahan kalau sekarang ini diserapkan 25% proses penambahbaikan itu dan ia memang Insya-Allah mengikut apa jadual. Setakat ini hanya satu sahaja VO *issued* dengan izin *changing the scope of work between* dua kontrak itu tetapi tidak ada implikasi kewangan. Saya berkongsi di sini tiada satu projek, projek *hostel interinary rehabilitation* tender dibuat baik *invitation* 17 buah Syarikat di jemput, 14 Syarikat bersama-sama *briefing* dekat *site* dan membeli tender dokumen dan 10 Syarikat yang *submit* tawaran dan tawaran diberi kepada Kamal Engineering Sdn Bhd. yang bernilai sebanyak RM21,934.798 dan bagi Projek *Sewerage Rehabilitation tender by invitation* 10 Syarikat dijemput 8 Syarikat ikut bersama dalam *briefing at site* dan membeli dokumen tender, 6 Syarikat menghantarkan tawaran. Tawaran telah diberi kepada Metropolitan Engineers and Builders Sdn Bhd. yang bernilai RM38,835.110. Jadi saya difahamkan juga semua ini insya-Allah di dalam proses untuk disiapkan dan memang *dateline* untuk kita insya-Allah akan tercapai pada 30hb Jun. Ahli-Ahli Yang Berhormat memang kita tidak mahu menggunakan duit rakyat kalau boleh tentang UNISEL ini tetapi seperti yang saya katakan masalah yang kita hadapai adalah perkara yang mesti kita buat kerana kalau disebutkan tadi oleh Bangi seolah-olah kita ada menyembunyi sesuatu benda besar yang berlaku di UNISEL kenapa nak minta duit lagi, kenapa nak minta duit yang begitu besar jumlahnya. Seperti yang saya sebutkan di dalam Ucapan Penggulangan saya Bangi dan mungkin rakan-rakan kita saya di sini khususnya daripada Pembangkang Barisan Nasional di mana masalah ini ialah kerana asrama Universiti Selangor ini dibuat sebelum 2008 dengan cara yang tidak ikut speks dan masalah itu lah yang menyebabkan di mana kita menghadapi satu masalah di mana sistem kumbahan itu tidak dilaksanakan dengan sempurna yang menyebabkan kita mesti lakukan sesuatu dan apabila ia berlaku dengan begitu kronik sekali komplikasi-komplikasi pada masalah awal itu maka sebab itulah kita perlu berbelanja sedikit.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Boleh saya tanya?

TUAN SPEAKER: Bangi minta mencela.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Speaker, terima kasih EXCO. Mengenai baik pulih UNISEL ini bila ada peruntukan tambahan dipohon ini berdasarkan kesihatan yang berlaku dan sedari. Soalan saya adalah sama ada keseluruhan, dikaji yang mungkin keseluruhannya adalah bangunan kesihatan atau

tanah itu pun ada masalah. Mungkin mahu penjelasan daripada EXCO, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Alhamdulillah kita melihatkan satu keadaan di mana setelah kajian dilakukan oleh mereka yang ada kepakaran tentang perkara ini *soil settlement* itu sudah apa sudah Insya-Allah dah habis sampai tahapnya Insyallah kita tidak akan melihatkan mendap kemendapan itu berlaku. Jadi apa yang kita kena buat ini masalah daripada paip yang retak sistem kumbahan yang tidak bersambung dengan yang main paip itu yang dibuatkan sekarang ini. Memang untuk makluman Bangi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat juga kita UNISEL ini tentang masalah UNISEL ini sekarang ini ada proses bersama Syarikat yang telah ditamatkan kontraknya oleh UNISEL ini dan perkara ini masih di dalam Mahkamah. Jadi kita tidak, saya rasa tunggu selesai ini kita akan beritahu semua Ahli Dewan Negeri Selangor dan seluruh rakyat negeri Selangor apa yang sebenar berlaku secara terperinci. Jadi ini kena sabar sedikit kepada apa. Tentang Kuiz ini tadi, tentang Kuiz Kampung Tunku tanya bagaimana kita nak buat atau kita nak merayu kepada Syarikat Kontraktor di mana Kontraktor ini mungkin bermurah hati boleh memberikan sedikit kelonggaran, mengurangkan sedikit kos dan sebagainya. Dan tadi Kampung Tunku sebut kontraktor ini berada dalam Dewan ini pun. Jadi saya mengharapkan mudah-mudahan Permatang merasakan satu amal kebajikan Amal Jariah membantukan Kuiz ini menyelesaikan masalah sebab saya mendapatkan maklum balas daripada Kuiz di antara kontrak yang telah dibina itu sekarang masih lagi di dalam proses Kampung Tunku belum selesai lagi jadi kita mengharapkan Permatang akan bermurah hati sebab dia cakap tentang Yayasan Selangor seolah-olah merompak orang miskin, jadi inilah masanya Permatang membuktikan bahawa Permatang boleh berjiwa besar membantu pelajar-pelajar di Kuiz ini. Sebab kita boleh mengurangkan kos ini dan kita mendapatkan apa yang terbaik Insya-Allah supaya anak-anak yang masa depan ini akan berdoa Permatang ini sedikit yang kita mahu. Jadi ini proses belum, belum habis lagi apa pun kita mengharapkan Insya-Allah Kuiz akan membuatkan satu perancangan yang rapi di mana apa sahaja yang sudah ada ini kita buat yang terbaik. Inilah yang berlaku juga di UNISEL. Keadaan yang tidak ideal tetapi bagaimana kita menggunakan keadaan yang tidak ideal menggunakan secara maksima segala aset yang ada segala apa yang ada ini untuk melahirkan graduan-graduan yang terbaik, yang ada *suitability* ada *employability* kata Kajang untuk menjadi Modal Insan di luar sana. Insyallah menyumbang pada Negeri Selangor terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan isu-isu dan infrastruktur. Walau pun mungkin sebahagian besarnya yang tidak berkaitan dengan permohonan untuk peruntukan tambahan yang dibentangkan oleh Y.B. Pelabuhan Kelang. Cuma saya melihat bahawa

peruntukan untuk penyelesaian kepada tebatan banjir Sungai Rasah adalah satu peruntukan yang sangat penting kerana ini di luar dari perbelanjaan yang awal dalam penyelesaian menyeluruh tebatan banjir Sg Rasah yang mana keperluannya untuk menaiktaraf longkang dan juga mengambil balik tanah-tanah yang terlibat di dalam Projek Tebatan Banjir Sungai Rasah tersebut. Cuma yang akhirnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu sampah yang berlaku di Kajang terutamanya, yang mana kita dapati ada kegagalan dalam pengurusan sampah atau pun RDF di Kajang yang mana kita telah kenal pasti pada tahun lalu. Kerajaan negeri telah memberikan peruntukan untuk penyelesaian lebih daripada RM2 juta secara pinjaman kepada Majlis RDF tersebut. Dan baru-baru ini pada awal tahun, apabila kita melakukan lawatan, ia berlaku semula dan sebenarnya Kerajaan Negeri telah memutuskan sebidang tanah yang diputuskan untuk sebagai *land field* kepada RDF itu sendiri kerana mereka tidak mempunyai kalau dulu ada *land field* yang mereka boleh hantar bahan-bahan buangan mereka ini ke sana selepas diproses daripada RDF itu sendiri. Dan kita telah meluluskan sebidang tapak keluasan yang mempunyai keluasan 50 ekar yang mana asalnya adalah tapak cadangan Pusat Serenti atau pun Pusat Penagih Dadah yang akan dikaji oleh Worldwide sebagai langkah untuk penyelesaian bukan jangka masa pendek saya kira, tetapi sebagai satu penyelesaian isu sedikit kegagalan yang kita lihat daripada pengurusan RDF itu sendiri.

Dan pagi ini juga saya mendapat makluman sebahagian sampah sisa pepejal di Kajang itu dihantar ke tapak sampah sisa pukal yang mana (saya ingat) di peringkat kerajaan negeri tidak pernah memberikan kebenaran tersebut. Walau bagaimanapun, saya akan lihat apakah sebabnya perkara ini berlaku dan kita harapkan adalah beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri Selangor untuk kita selesaikan isu-isu yang memang menjadi masalah utama bagi Majlis Perbandaran Kajang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi Ahli EXCO yang nak? Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Speaker. Kita, tadi dari Seri Serdang ada menyebut tentang cadangan, tentang mendapatkan kemudahan rawatan kesihatan serta insurans kesihatan kepada ADUN-ADUN, kakitangan SUK dan juga kakitangan pejabat DUN. Jadi kerajaan negeri (kita) menyambut baik tentang cadangan tersebut dan sebenarnya buat masa sekarang kita tidak ada lagi kemudahan untuk kakitangan dan juga ADUN-ADUN. Jadi, insya-Allah kita akan membuat satu kertas cadangan mengemukakan kepada pihak kerajaan negeri agar kakitangan, ADUN-ADUN, kakitangan SUK dan juga kakitangan pejabat DUN mendapatkan insurans kesihatan serta kemudahan perubatan serta kesihatan di hospital-hospital dan juga klinik panel agar kesihatan mereka dapat dijaga dengan baik.

Selain itu, tadi daripada Kampung Tunku ada memberikan cadangan untuk memberikan ganjaran kesihatan kepada rakyat Selangor yang obes tetapi dapat menurunkan obes mereka ataupun berat badan mereka. Jadi itu satu cadangan yang baik dan mungkin nanti kita boleh berbincang bagaimana untuk melaksanakannya.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sementa boleh berhenti sekejap? Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5 petang”.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Baiklah Y.B. Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana kedua-dua cadangan ini adalah akan membawa implikasi kewangan, maka ianya akan di bawa kepada Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekian.

TUAN SPEAKER: Saya persilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membuat penggulungan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertama saya mengucapkan terima kasih ke atas kepercayaan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita bersama-sama membincangkan kenaikan ataupun penambahan peruntukan tambahan yang diminta oleh kerajaan negeri bagi untuk diluluskan untuk kegunaan pada tahun 2014 ini. Ada beberapa isu yang telah dibangkitkan dari Bukit Antarabangsa, dari Y.B. Sekinchan dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain juga membangkitkan menyentuh satu perkara ialah mengenai kenaikan gaji dan seterusnya pemotongan gaji. Saya harap sementara. Iaitu saya percaya dalam Dewan yang lepas kita telah bersidang dan kita telah menunjukkan bahawa gaji yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor adalah jauh lebih rendah daripada apa yang didapati or dinikmati oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Walaupun contoh itu tidak baik tetapi dari segi pendapatan (maknanya) dan keluaran negara kasar negara dan juga pendapatan negeri saya rasa kita sekurang-kurangnya lebih baik, lebih setanding dengan pengurusan ataupun harta-harta yang diuruskan di Sarawak. Walau bagaimanapun, perkara ini telah diluluskan dan memandangkan keadaan politik dan juga permintaan rakyat bahawa kita tidak menaikkan gaji yang tidak melambangkan keprihatinan kita kepada rakyat. Saya sangat berterima kasih kepada ahli-ahli majlis kerajaan negeri, Puan Speaker dan Timbalan Speaker yang bersetuju menerima potongan gaji yang mana mereka masukkan potongan tersebut di dalam tabung Merakyatkan Ekonomi Negeri dan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta mencelah.

TUAN SPEAKER: Y.B. Pelabuhan Klang, Sekinchan minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya menghormati seperti apa dalam perbahasan saya pagi tadi tentang keputusan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan juga EXCO untuk membuat potongan dan sebagainya. Tetapi dalam amalan demokrasi yang setiap undang-undang yang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini di mana dia telah menjadi satu enakmen, telah diluluskan dan sekarang ada potongan. Adakah ini mengambil contoh mana-mana negeri yang pernah berlaku potongan sedemikian? Kerana saya nampak ini tidak sihat kerana kita sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab kepada rakyat, kita luluskan enakmen di dalam Dewan, dan kita kemukakan apa sebabnya, apa tujuannya, kenapa perlu dilakukan dan tiba-tiba ada potongan sedemikian. Jadi ini ada satu seolah-olah kita tidak yakin terhadap apa yang kita laksanakan setelah kita luluskan rang undang-undang ini. Jadi saya minta penjelasan lebih khusus daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat daripada Sekinchan. Potongan-potongan gaji pernah dibuat oleh Yang Berhormat saudara Anwar Ibrahim apabila beliau menjadi Menteri Kewangan semasa kita menghadapi kemelesetan ekonomi. Pernah dibuat. Dan selepas itu apabila ekonomi pulih, kenaikan gaji dibuat. Itu bukan satu perkara yang tak biasa. Jadi, saya mengambil contoh ini sebab saya rasa contoh ini sangat perlu untuk mengingatkan kita apabila kita dalam keadaan yang diperlukan, semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sanggup berkorban untuk memberikan / meringankan (apa yang kita katakan) beban rakyat. Jadi, ini contoh yang sangat baik. Jadi, saya patut berterima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Y.A.B. Dato' Menteri Besar atas penjelasan sebentar tadi. Bagi kita nak meringankan (dalam konteks kita nak meringankan) bebanan rakyat, adakah lebih baik kalau Y.A.B. Dato' Menteri Besar kita memperbanyakkan program-program Merakyatkan

Ekonomi, pembangunan, rumah mampu milik dengan lebih pantasnya dan rakyat dapat merasai di bawah itulah cara yang terbaik bagi saya dari Sekinchan, kita dapat meringankan bebanan rakyat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Yang Berhormat dari Sekinchan, saya tidak boleh tidak bersetuju tentang cadangan Y.B. Sekinchan. Tetapi dari segi pelaksanaan, bukan satu perkara yang senang untuk dilaksanakan. Saya telah membuat beberapa percubaan yang mana kita ada cukup dana. Sebagai contoh, kita cukup dana sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk pembangunan desa dan kita membuat satu program yang program yang kita katakan untuk menentukan belia-belua desa yang tidak mempunyai (dalam keadaan pengangguran) ataupun dalam mempunyai pekerjaan yang tetap. Kita nak kumpulkan mereka supaya dapat dilatih untuk menjalankan latihan seperti *plumber* dan juru elektrik dan juga juru lif semua. Dan kita dah mula laksanakan. Daripada permintaan kita, dalam masa satu bulan kita minta supaya kita kenal pasti anak-anak muda ini, kita hanya mendapat (dalam satu bulan) 25 yang bersedia untuk menyertai. Itu pun daripada 25 dipanggil untuk temu duga, 15 yang datang dan 6 yang layak, sekarang 4 yang menerima. Jadi saya nak bagi contoh. Walaupun kita ada duit, kita ada, ia memakan masa (dia memakan masa). Itu pun kita akan teruskan.

Saya jangkakan apabila mula yang 4 ini berjaya, lagi 4 / lagi 5 berjaya, barulah kepercayaan rakyat itu kepada kita. Itu yang perlu. Jadi oleh sebab itu, segala rancangan pembangunan itu walaupun dalam kertas sangat senang dilaksanakan, tetapi apabila sampai untuk pelaksanaan, terdapat budaya penerimaan itu yang perlu kita perkenalkan sehingga mereka merasa bahawa ini boleh diterima. Itu sebab saya dapati masa pelaksanaan agak lembap dan lewat. Jadi, bukan cepat untuk mengubah. Sebagai contoh saya tahu Y.B. Sekinchan untuk mengubah budaya daripada bekerja dengan kerajaan untuk menjadi usahawan. Memang susah nak diubah. Itu. Jadi, maknanya kita mesti menerima hakikat, kita mesti menyediakan tapak dan asas untuk benda itu dilakukan barulah dia bermula. Sebagai contoh program merakyatkan ekonomi baru sekarang kita bercakap pasal merakyatkan ekonomi. Daripada 208 ke-209, ia masih tertawa lagi tentang merakyatkan ekonomi. Itu. Jadi, dia memakan masa.

Yang perkara yang ini saya percaya. Saya percaya, saya berharap Dewan juga akan menerima apabila Parlimen menaikkan gaji Ahli-ahli Parlimen jika difikirkan sesuai. Jadi, bolehlah kita minta ahli-ahli yang membuat potongan gaji tidak membuat potongan gaji lah. Itu kita tunggu dulu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sedikit?

TUAN SPEAKER: Ya, Permatang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ha.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Y.A.B. Menteri Besar. Sekadar nak bertanyalah sama ada ataupun rancangan memotong gaji ini mungkin nak dilaksanakan oleh kalangan EXCO dan juga yang terlibatlah (ADUN-ADUN mungkin tak terlibatlah). Jadi, saya nak bertanya berapa lama dijangkakan sama ada sehingga akhir penggal ataupun akan (ya lah) berapa tempoh masanya? Dan apakah kerajaan akan membuat satu usul lain pula untuk meminda supaya diturunkan semula gaji-gaji ini berdasarkan jumlah yang dicadangkan tadi?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Yang Berhormat Permatang, penurunan gaji memang tidak boleh dibuat sebab individu yang gajinya diturun mesti setuju kerajaan tidak boleh menurunkan gaji. Tapi menaikkan gaji kita mesti luluskan bersama. Itu di bawah Undang-Undang *Industrial Relation* tetapi saya percaya apabila Parlimen membentangkan kenaikan gaji saya akan laporkan ke Dewan Negeri dan kita akan cadangkan kepada Dewan Negeri untuk tidak lagi potongan gaji itu dilakukan. Dalam *Hansard* Parlimen semasa saya di Parlimen menteri yang di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mengawasi Parlimen telah menyatakan yang kertas kerja untuk kenaikan gaji Ahli-Ahli Parlimen sudah siap. Dan dia menunggu arahan dari kabinet untuk pelaksanaan. Perkara yang kedua adalah tentang isu air yang banyak dibangkitkan. Sebelum saya lupa Hulu Kelang ada membangkitkan isu pendapatan gaji ini boleh jadi hasilnya daripada pelaburan rizab yang kita buat di pasaran modal atau di sistem bank. Saya berterima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri, 98% dari dana yang disimpan adalah melalui perbankan secara Islam secara Muamalat. Jadi tidak timbul isu itu. Walaupun saya masih lagi memantau hasil pendapatan dan keuntungan tapi semuanya itu telah saya masukkan dalam perbankan Islam. Kedua mengenai isu air dan rundingan kita seperti Ahli-Ahli Dewan Negeri yang memahami tentang usaha ini oleh sebab jumlah dan penyusunan ini bukan senang dilaksanakan kerana bukan sahaja kerajaan Persekutuan terlibat tetapi pihak konsesi air juga terlibat dan jumlah perbezaan antara pengiraan Kerajaan Negeri yang sudah mula dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dengan mereka-mereka yang memiliki konsesi-konsesi air ini agak besar iaitu antara RM2,000 juta hingga RM5,000 juta. Saya bertahan kepada angka yang saya nyatakan kerana saya rasa dengan angka-angka tersebut saya boleh memberikan satu iaitu pemegang-pemegang konsesi tidak mendapat kerugian daripada urus niaga tersebut. Kedua saya boleh menentukan bahawa air percuma itu boleh diteruskan dalam masa lima tahun yang akan datang. Ketiga, saya juga nak menentukan apabila kita membeli dengan harga yang kita tetapkan itu bahawa harga tarif air tidak boleh dinaikkan dengan sesenang sahaja dan kita jangkakan tidak boleh melebihi 3% atau 4% dalam masa 1 tahun tidak boleh melebihi jadi berbeza dengan dulu melebihi sampai 20% ke 30%. Walau bagaimanapun kalau kita dapat diterima pada harga yang kita tawarkan dalam 3 ke 5 tahun akan datang tarif air ini tidak perlu dinaikkan untuk mendapat keuntungan yang munasabah. Tetapi diuruskan dengan cara yang baik. Oleh sebab itu, itu yang perlu kita lakukan. Kedua, ramai Ahli Dewan khuatir tentang jumlah yang kita gunakan untuk air

percuma ini terutama saya sendiri pun kita ingat perkara penyelesaian ini sudah boleh selesai pada bulan 3 atau 2 tahun ini tapi oleh sebab masih lagi dalam perbincangan itu sebab kita bersetuju untuk meminta bajet tambahan dan insya-Allah jika ia tidak diperlukan itu pun bagus untuk kita dan kita boleh lakukan ini untuk kegunaan kebajikan yang lain. Jadi saya berharap apabila kita berjumpa dalam sidang Dewan akan datang saya berharap dapat menceritakan tentang penyelesaian isu air ini dan juga bagaimana langkah kita ke hadapan untuk memberikan aset kepada rakyat dan juga program-program pembangunan aset-aset air di negara kita saya juga diberitahu bahawa Damansara Utama telah membangkitkan tentang air percuma dan *water security* dan ini pun telah kita buat rancangan di mana dan termasuk juga Bukit Gasing yang mengatakan *it's not affirmative action* yang kita lakukan itu untuk mereka yang memerlukan bukan untuk semua. Tapi pada saya strategi untuk mengingatkan air ini hak asasi sebab itu saya berikan kepada semua walaupun orang yang bergaji RM30,000 sebulan RM11.50 bukan menjadi masalah kepada mereka tetapi itu kita boleh lakukan kemudian apabila kita mula membuat mendapat merancang pengurusan air ini kita akan mula menaikkan harga tarif air kepada penggunaan-penggunaan yang berlebihan jadi kita boleh gunakan itu untuk sudah tentulah orang yang bergaji tinggi dan berpendapatan tinggi mempunyai kolam renang jadi jika dia mempunyai kolam renang maknanya mereka akan sanggup membayar harga yang lebih tinggi lagi. Oleh itu kita menunggu masa untuk menentukan yang penjimatan air perlu dibuat dengan cara memberikan kadar-kadar tarif yang berbeza. Dan KDEB yang dulunya telah membiayai air percuma ini akan melangsaikan pembayaran itu sebab apabila kita membeli aset-aset air itu aset-aset air tersebut termasuk keuntungan oleh KDEB. Jadi oleh sebab KDEB beruntung dia membayar dalam bentuk dividen dan dividen itulah pembayaran air percuma. Jadi buku negeri itu tidak lagi kena membayar air percuma. Dan catuan air saya berharap catuan air ini dapat selesai dan yang perlu Dewan ini perhatikan bahawa empangan Sungai Selangor membekalkan air untuk menampung 60% pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Itu yang paling penting. Oleh sebab itu empangan di Kuala Kubu Baru yang paling penting sebab buat masa ini empangan hampir ke 40% tetapi kita berharap akan sampai ke peringkat 50%. Supaya tak ada lagi catuan air. Dan pengurangan *non revenue water* itu pun akan kita lakukan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nak mencelah. Soalan mudah. 50% atau 55%?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Betul. Tapi *on the safe side its 55%* tapi kalau dah sampai 50% pun dah dikatakan cukup untuk menampung dan kalau dalam keadaan dia dipanggil *monsoonal period* boleh tapi kalau keadaan bulan yang kering tak boleh jadi itu saja.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Berapa lama lagi dianggarkan kita boleh mencapai angka 50 atau 55 sedangkan kita punya *dry spell* ataupun musim panas dalam masa dua bulan lagi dan kalau kita perhatikan graf atau petunjuk kadar penurunan air di Kuala Kubu Baru itu dah masuk kejatuhan yang kedua kali dan kita bimbang kalau masuk musim panas ini dia akan jatuh ketiga kali dan kita ada tiga gap untuk kita *refill* atau kita masukkan air.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker. Persoalan yang dikemukakan oleh Batang Kali telah berulang kali kita bincangkan dengan pakar-pakar air dan Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri setiap minggu bukan setiap minggu tapi setiap hari memantau masalah ini. Saya tidak boleh menyatakan pakar-pakar itu semua akan betul serupa juga pakar-pakar seperti mencari *black box* di MH370 tapi saya rasa menurut pandangan mereka bulan April dan Mei ini masih dalam masa hujan tapi yang dia akan takut ialah bulan September dan Oktober iaitu sebelum masuk *monsoonal season* pada bulan 12. Jadi kita telah membuat beberapa *contingency* yang mana kita akan menyimpan air takungan sementara tapi sementara ini dalam musim hujan ini empangan sudah mula diisi dan saya percaya daripada perbincangan saya dengan mereka saya dapati perkara ini belum sampai kepada perkara yang apa yang dipanggil dalam ketakutan. Belum lagi.

TUAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kampung Tunku minta mencelah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jadi saya juga berharap dalam masa minggu depan saya akan adakan perbincangan dan saya juga bagi pihak negeri akan mengumumkan di mana keadaan kita yang sebenarnya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tentang cara atau alternatif atau pun *contingencies* ini selain daripada HORAS yang dibangkitkan. Menteri Besar juga menyebut tentang projek-projek seperti *desalination* dan ...

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku boleh cakap kuat sikit tak, saya pun tak boleh dengar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Maaf, kita pernah selain daripada horas, kita pernah berbincang tentang projek-projek seperti *desalination* dan juga penggunaan *membranes* pernah sekali kita berheboh-heboh tentang *membranes* teknologi, jadi saya ingin bertanya apakah perkembangan terkini tentang cadangan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Kampung Tunku terima kasih atas soalan tersebut. Kedua-duanya memang boleh dilakukan dari segi teknologi. Tapi daripada segi kosnya memang kita tak boleh lakukan. Maknanya kos *desalination* ialah 5 kali ganda daripada kos yang ada sekarang. *Membranes* teknologi boleh kita lakukan tetapi dia juga memakan masa dari segi pembinaannya.

Jadi jawapan itu, jawapan yang paling baik ialah pada tahun hadapan kita mungkin tidak dapat mengatasi masalah yang 600 bilion liter *per day* iaitu akan berlaku dan saya juga akan jika kita perlu kita akan menerangkan kepada rakyat tentang *contingencies-contingencies* yang kita akan lakukan. Dan saya tidak ingin mencadangkan catuan air yang berterusan kerana ini menunjukkan kita tidak menjalankan perancangan yang sangat baik. Jadi saya akan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya nampak memanglah musim kemarau ini *the work of God* lah dengan izin, namun negeri mesti ada perancangan untuk hadapi musim kemarau dan saya juga mohon kerajaan negeri pertimbangkan bagi penduduk yang tinggal di pangsapuri-pangsapuri kerana walau pun catuan itu dua hari ada dua hari tak ada, dia penduduk pangsapuri ini tak dapat air. Sebab bila dah tiba giliran untuk dapat air, air tak dapat naik sebab *pressure* rendah, tekanan air ini rendah jadi mereka sebenarnya tak dapat air 4 hari lepas itu, sepatutnya dapat 2 hari, 2 hari begitu. Jadi saya nampak ini menyukarkan mereka dan sehingga hari ini saya mendapat aduan. Adakah ada sebab-sebab lain mereka tanya catuan air ini atau pun memang betul, jadi mereka sangat sengsaralah kehidupan mereka terpaksa berdepan dengan situasi ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, saya menerima keprihatinan Taman Medan tentang perkara ini dan kita juga ingin belajar tentang perkhidmatan yang kita berikan. Salah satu daripada pelajaran yang sangat besar kita pelajari ialah iaitu yang sebenarnya daripada segi perancangan telah diletakkan peruntukan-peruntukan untuk membina takungan atau pun *water tank* untuk projek-projek yang seperti Taman Medan yang memerlukan lebih daripada 10,000 penduduk. Tapi yang sebenarnya itu semua tidak dibina tapi semuanya menggunakan aliran daripada paip air. Jadi itu pengajaran yang paling besar sekali yang kita hadapi. Terutama saya tahu ramai daripada penduduk-penduduk Subang Jaya, dekat rumah-rumah teres mereka walau pun sudah dibenarkan pembinaan lebih daripada 2,500 unit yang dibina tetapi tangki air yang sepatutnya dibina lupa dibina oleh pemaju. Dan apabila itu berlaku dan sudah tentulah mereka di hujung saluran air tersebut, jadi bila air tak ada merekalah yang pertama yang tak dapat air. Bila air nak sampai, mereka yang paling lambat mendapat air yang sampai itu. Tapi itu yang kita belajar daripada perkara tersebut. Oleh sebab itu saya berbincang dengan EXCO, PBT untuk mencari menandakan tempat-tempat tersebut supaya bukan saja kita membina paip air kita juga mesti membina tangki-tangki air. Kalau cuba saudara tengok tempat-tempat yang mempunyai tangki-tangki air, saya boleh menyatakan oleh kerana 15 tahun dahulu saya tahu tentang masalah air yang saya dapati, saya membeli tanah sebelah tangki air yang besar. Jadi saya tahu kalau saudara tahu saya tidak ada menghadapi masalah kekurangan air, jadi itu

sebabnya. Tapi tidak mestinya semua orang sebagai contoh, tapi untuk menunjukkan bahawa kita dari segi perancangan tidak melakukan apa yang kita sudah rancang. Dan ini tidak boleh menyalahkan semua orang tapi yang perlu kita betulkan ialah kita mesti menyediakan perancangan untuk membina tangki-tangki air di tempat-tempat yang perlu. Jadi umpamanya di kawasan Bukit Gasing, saya ada banyak tangki air yang perlu dibina sebab dia sampai ke, kalau pam itu sudah di atas dan cukup 2 hari dan orang tak memakai air dan dia terus menyimpan di sana. Itu sebagai beberapa contoh yang boleh saya nyatakan. Dan itu sudah dicatat dalam Jawatankuasa Perancangan tersebut dan ia akan di selesaikan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tan Sri saya tadi pun bangun atas isu yang sama. Bagus ada pelan jangka masa panjang untuk atasi situasi ini tapi untuk tiga empat minggu yang akan datang mohon jasa baik kerajaan negeri supaya kita kecualikan flat-flat ini daripada catuan air disebabkan oleh masalah yang mereka hadapi yang dua hari dua hari ini tidak teori sahaja tetapi dalam realiti tidak berlaku untuk mereka, jadi saya mohon kita boleh dalam tiga empat minggu ini kita kecualikan mereka. Selepas itu kita laksanakan pelan jangka masa panjang supaya masa depan lebih teratur.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker dan Yang Berhormat Bukit Gasing keutamaan yang kita beri sekarang ialah untuk hospital, rumah-rumah yang kebajikan yang perlu air. Kedua ialah kawasan-kawasan industri yang memerlukan air, itu tak ada kena catuan. Jadi kalau kita perlu nanti saya akan bincangkan sama ada kawasan-kawasan perumahan bertingkat dalam yang perlu kita lakukan, itu akan dibincangkan kerana penjagaan pengaliran air itu kena dibuat secara fizikal. Jadi oleh sebab itu dalam keadaan pencatuan air itu kita perlu menambah pekerja-pekerja yang menjaga di mana air itu disalurkan. Jadi itu pun perlu, jadi saya akan kemukakan perkara ini kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memberikan keutamaan. Walau bagaimanapun saya berharap perkara ini tidak boleh diteruskan sebegitu dan kita juga akan merancang membuka kolam-kolam yang kita ada simpan untuk peringkat yang dipanggil peringkat kritikal. Dan juga membuka tempat-tempat yang dikatakan air bawah tanah untuk digunakan tapi buat masa sekarang saya berpandangan catuan itu adalah lebih baik kerana kalau harapan untuk hujan ada. Kalau tidak baru kita buat pembukaan kolam-kolam ada 37 kolam yang boleh kita buka dan juga ada 10 tempat air bawah tanah yang boleh kita gunakan. Dan ini masih lagi dalam kajian Jawatankuasa tersebut.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Seperkara lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ini mengenai dengan klip-klip di Kuala Selangor ini. Sebab nampaknya dia juga berebut air dengan manusia, saya difahamkan

kegunaan air dia sebanyak 300 juta liter itu adalah satu benda yang *legislative* jadi macam mana dia punya impak apabila masalah air ini kita berebut antara manusia dan klip-klip ini, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, soalan Batang Kali belum tergambar dalam kiraan saya, nanti saya boleh jadi saya datang daripada Kuala Selangor saya ingat perkara itu perkara biasa saja. Tapi saya akan, terima kasih saya akan pantau saya tak ada jawapan yang klip-klip itu perlu air takungan yang sesuai walau pun air sungai di Kampung Kuantan dan seluruh itu memang biasa tapi saya akan ambil kira sebab saya datang daripada kawasan tersebut.

Saya juga ingin membangkitkan tentang projek perintis Selangorku di Taman Ukay Indah Sungai Sering dan perkara ini akan kita lakukan dan kita berharap fasa pertama iaitu daripada 624 unit akan disiapkan dalam masa 20 bulan dan fasa kedua 1,248 unit dan fasa ketiga 624 unit. Dan kita bercadang kalau program ini berjaya kita akan buat tiap-tiap daerah. Satu setiap daerah dan dia akan dilakukan tidak satu tapi tiga atau empat projek sekali sebab kalau pengalaman kita ini bagus dan kita akan buat dalam masa yang terdekat untuk membuka di daerah-daerah yang lain. Walau bagaimana pun dewan akan diberitahu sebab pembukaan tiap-tiap daerah memerlukan peruntukan daripada *reversed* negeri untuk diluluskan dan dibahaskan oleh dewan. Itulah sahaja.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, dalam perbahasan saya, saya menyatakan berbangkitkan satu isu tentang memperkasakan penerangan kita terhadap khususnya Selangor Time yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar minta sedikit respon.

TUAN SPEAKER: Boleh saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar sambung esok pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan hampir pukul 5.00 petang maka saya tangguhkan dewan sehingga esok 15 April 2014 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang)